

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS 2009

Editor

Khadijah Alavi

Inon Beydha Lukman

ISBN : 978-983-44616-1-4



Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian di dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukar dalam apa juga bentuk terbitan semula tanpa izin terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.

Cetakan 2009

© Universiti Putra Malaysia

Dicetak Oleh

Generic Resources
7G, Blok E, Jalan 18/14
Taman Sri Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan.
Tel / Fax : 603 8945 9053
ISBN : 978-983-44616-1-4

PRAKATA

Prosiding ini adalah himpunan kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS 2009. Seminar ini telah diadakan pada 19 November 2009 bertempat di Pusat Pendidikan Luar, Universiti Putra Malaysia. Seminar ini adalah anjuran IPSAS, di mana ia telah menjadi acara tahunan di dalam kalendar IPSAS bermula tahun 2008. Objektif utama seminar ini adalah untuk menyampaikan hasil – hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan di IPSAS kepada agensi-agensi yang berkaitan serta kepada pihak umum. Terdapat empat (4) sub tema yang dibincangkan iaitu Isu, Cabaran dan Strategi :

- (i) Pembangunan Belia;
- (ii) Pembangunan Komuniti;
- (iii) Konflik Sosial; dan
- (iv) Kesihatan dan Kualiti Hidup

Kesemua kertas kerja yang ditulis oleh ketua projek, penyelidik dan juga para pelajar siswazah IPSAS telah dikelompokkan mengikut 4 sub tema tersebut. Di harap dengan adanya pengumpulan kertas kerja hasil daripada penyelidikan yang dijalankan dapat menjadi sumber rujukan kepada penggubal dasar, pelaksana serta pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam membentuk polisi negara serta dapat membantu penyelidik-penyelidik muda dalam menjalankan penyelidikan yang seterusnya.


Prosiding ini juga merupakan hasil kerjasama dan komitmen ahli Jawatankuasa Seminar dan para pembentang serta penulis kertas kerja yang telah menyumbang dalam menjayakan penerbitan prosiding ini. Penglibatan aktif dan sokongan penyelidik dapat menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan mendatangkan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Editor

ISI KANDUNGAN

NO.	TAJUK KERTAS KERJA	MUKA SURAT
Isu, Cabaran dan Strategi : Pembangunan Belia		
1.	Pendekatan Psikologi untuk Membangunkan Usahawan Belia: Penerimaan dan Aplikasi Instrumen Pengukuran Psikologi Keusahawanan Belia <i>Aishah Kasa, Azimi Hamzah & Zainal Abidin Mohamed</i>	6
2.	Gejala Mat Rempit di Lembah Klang <i>Haslinda Abdullah, Zaid Ahmad, Nobaya Ahmad & Syamsihana Ghazali</i>	35
3.	Influence of Media Viewing Habits on Attitudes towards Aggression among Schoolboys at International Schools in Kuala Lumpur <i>Md Salleh Hassan, Mohd Nizam Osman & Zoheir Sabaghpour Azarian</i>	46
Isu, Cabaran dan Strategi : Pembangunan Komuniti		
4.	Modal Insan dalam kalangan Ketua Keluarga Orang Asli Malaysia <i>Asnarulkhadi Abu Samah, Rahim Md Sail, Hanina Halimatusaadih Hamsan, Mariani Mansor, Zahid Emby, Ja'afar Adnan, Jamilah Othman & Nur Fauziana Mohamed</i>	70
5.	Modal Sosial Dalam Kalangan Komuniti Nelayan Teluk Gong Pelabuhan Klang <i>Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzu hailmi Dahalan, Mohammad Rezal Hamzah, Jegak Uli, Jamilah Othman & Nor Azliza Wanis Abdullah</i>	92
6.	Factors Influencing People Participation in Watershed Management Programme in Iran <i>Reza Bagherian, Bahaman Abu Samah, Asnarulkhadi Abu Samah & Shamsuddin Ahmad</i>	103
7.	Factors Influence Participation Of Rural Women In Padzey Project In Yemen <i>Belges Muta her Al-Areqi, Jamilah Othman & Bahaman Abu Samah</i>	114
Isu, Cabaran dan Strategi : Konflik Sosial		
8.	Intercultural Communication and Conflict Management among Malaysian Employers and Indonesian Domestic Workers in Kuala Lumpur <i>Inon Beydha Lukman, Jamilah Othman, Md Salleh Hassan & Abd. Hadi Sulaiman</i>	126

9.	Keperluan Sokongan Emosional dalam kalangan Anak Dewasa yang Menjaga Warga Tua <i>Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Christine Chan</i>	137
10.	Faktor Penyumbang Kepada Amalan Komunikasi Berkualiti Dalam Keluarga Dari Perspektif Remaja <i>Md Salleh Hassan, Nurani Kamaruddin, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar, Arnida Ayu Che Mee & Zaridah Abdullah</i>	151
11.	Konflik Komunikasi Antarabudaya : Pola Komunikasi dan Strategi Pengurusan Konflik Komunikasi di kalangan Majikan Malaysia dan PRA Indonesi <i>Abdul Hadi Sulaiman, Jamilah Othman, Md Salleh Hassan & Inon Beydha Lukman</i>	167
Isu, Cabaran dan Strategi : Kesihatan dan Kualiti Hidup		
12.	Psychological Distress among Breast Cancer Survivors: A Preliminary Study <i>Zailina Hashim, Yong Heng Weay & Zalilah Mohd Shariff</i>	180
13.	Competencies of Oncology Nurses in Malaysia <i>Nor Aida Maskor, Nik Hasnaa Nik Mahmood & Mohd Ashraff Mohd Anuar</i>	189



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

Isu, Cabaran dan Strategi : Pembangunan Belia



Pendekatan Psikologi untuk Membangunkan Usahawan Belia: Penerimaan dan Aplikasi Instrumen Pengukuran Psikologi Keusahawanan Belia

Aishah Kasa, Azimi Hj Hamzah & Zainal Abidin Mohamed
Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)

Abstrak

Keperluan untuk membangunkan instrumen pengukuran psikologi keusahawanan belia Malaysia bagi menentukan ketepatan untuk membuat pemilihan belia-belia menceburi dalam bidang keusahawanan adalah ketara. Instrumen pengukuran psikologi merupakan kaedah terbaik kerana berupaya memberi penilaian yang tepat dan mendalam berbanding dengan kaedah lain. Kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi keperluan objektif kajian iaitu membangunkan instrumen pengukuran psikologi keusahawanan belia Malaysia mengikut budaya dan acuan tempatan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif berlandaskan prosedur standard yang membolehkannya kurang dipengaruhi bias. Enam dimensi dan 16 sub-dimensi telah dihasilkan melalui pendekatan kualitatif. Dimensi dan sub-dimensi yang terdapat di dalam instrumen ini mengandungi niat untuk berkeusahawanan, minat untuk berkeusahawanan, kompetensi keusahawanan, personaliti keusahawanan, religiositi keusahawanan dan efikasi keusahawanan yang ada kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kajian mendapati kesahan kandungan instrumen pengukuran psikologi adalah tinggi apabila 89 peratus item di dalam instrumen ini telah dipersetujui oleh arbiter. Sejumlah 80 item telah dianalisis dan telah memperoleh nilai alpha Cronbach bagi setiap item di antara .946 hingga .948. Dari segi kebolehpercayaan, instrumen ini telah memperoleh nilai alpha Cronbach .948. Hasil kajian mendapati kesemua 80 item di dalam instrumen pengukuran psikologi keusahawanan belia Malaysia adalah bermutu dan boleh dipercayai. Adalah dicadangkan kepada pihak agensi pembangunan usahawan di negara ini untuk mengaplikasikan instrumen ini bagi memilih individu yang tepat untuk menceburi dalam bidang keusahawanan.

Hala Tuju Pembangunan Keusahawanan Negara

Dalam Rancangan Malaysia Ke 9 (RMKe 9), kerajaan telah merancang untuk membudayakan keusahawanan di kalangan 1.5 juta masyarakat bumiputera dengan tumpuan kepada pelajar, belia, siswazah dan wanita. Melahirkan 150 ribu usahawan baru dan meningkatkan 25 ribu perusahaan sedia ada. Rancangan Malaysia Ke 9 juga, tumpuan kerajaan untuk membudayakan bidang keusahawanan kepada siswa di Institusi pengajian tinggi (IPT) dan melahirkan usahawan di kalangan siswazah yang kompetatif di peringkat nasional dan antara bangsa. Bagaimanapun untuk melahirkan usahawan bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan dengan mudah seperti mengambil peperiksaan, mendapat ijazah dan sebagainya. Kerjaya keusahawanan merupakan satu bidang yang menuntut kesabaran yang tinggi dan memerlukan individu yang memiliki kekuatan dalaman *inner-part* atau *inner-knowledge* (Dahlan, 2004).

Kajian oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (2005) mendapati bahawa faktor psikologi menjadi penghalang yang besar kepada kejayaan usahawan. Antara lain, sikap rendah diri, *wold view negatif* (contoh: dunia akan kiamat) serta kurang keyakinan diri adalah faktor-faktor yang menghalang usahawan mencapai kejayaan. Usahawan yang tidak mempunyai ciri-ciri ketahanan dari segi psikologi tidak akan dapat bersaing secara efektif dalam alam perniagaan.

Kemungkinan terdapat kepincangan yang berlaku di agensi pembangunan keusahawanan di negara ini lebih-lebih lagi Kementerian Pembangunan Usahawan yang merupakan agensi utama untuk membangunkan usahawan di kalangan siswa dan siswa di IPT, yang menjalankan proses pengambilan dan pemilihan peserta untuk menyertai program pembangunan keusahawanan hanya menekankan aspek demografi dan fizikal semata-mata, tanpa menilai dari segi aspek psikologi. Bagaimana baik sekali pun pihak-pihak yang menganjurkan program pembangunan keusahawanan dengan menyediakan kemudahan latihan dengan memberi skim pinjaman perniagaan, premis-premis perniagaan dan lain-lain kemudahan infrastruktur, akan menjadi terbatas sekiranya pengurusan sumber manusia yang menyentuh aspek psikologi diabaikan (Ainon Mohamed, 2003).

Pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang menjalankan program pembangunan keusahawanan sejak tahun 1990 (INSKEN, 2007), belum ada sebarang alat pengukuran psikologi keusahawanan mengikut acuan dan budaya tempatan yang ada kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi digunakan untuk mengukur dan memilih calon yang layak untuk menceburi kerjaya keusahawanan, sama ada untuk memberi latihan atau pinjaman perniagaan (Md Nor et al., 2004). Oleh itu sudah tepat pada masanya satu kajian perlu dilakukan untuk menggunakan pendekatan psikologi dengan mengaplikasikan pengukuran psikologi keusahawanan untuk membangunkan keusahawanan di kalangan siswa / siswazah di IPT yang ada kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi mengikut budaya dan acuan Malaysia.

Pengukuran psikologi juga merupakan kaedah pengukuran terbaik kerana berupaya memberikan penilaian yang lebih tepat dan mendalam berbanding dengan kaedah lain, kerana pengukuran psikologi menggunakan prosedur standard yang membolehkannya kurang dipengaruhi bias. Dalam pada itu, pengukuran psikologi mempunyai kaedah khusus untuk menilai keberkesanan alat pengukuran bagi mengukur ciri-ciri yang dikehendaki. Pengukuran psikologi juga lebih sahih dan mendapat keputusan yang tepat berbanding dengan kaedah lain (Sidek Mohd Noah, 1998).

Di Amerika Syarikat pengukuran psikologi mempunyai peranan yang besar terhadap pembangunan usahawan (Greenberg, 1997). Fletcher (1995) menyatakan berjuta-juta orang di Amerika Syarikat sekarang ini melaksanakan beberapa pengukuran psikologi dalam perniagaan. Spegler (1995) banyak menjelaskan implikasi pengukuran psikologi di dalam latihan, kajian dan praktis. Menurut McClelland dan McBer & Co. New York, (1986) tiga ketrampilan perlu ada kepada individu yang ingin berjaya

dalam kerjaya keusahawanan iaitu Ketrampilan prilaku, ketrampilan memulakan perniagaan dan ketrampilan menguruskan perniagaan. Kaedah untuk mengenali usahawan berjaya telah dilakukan oleh McClelland dan McBer yang telah memperkenalkan satu set 13 ketrampilan yang dihasilkan daripada satu penyelidikan merentasi budaya terhadap sekumpulan usahawan belia berjaya di Malawi, India dan Ecuador. Apa yang menarik mengenai pendekatan ini, selain daripada dihasilkan melalui penyelidikan, ianya dizahirkan dalam bentuk ujian atau alat latihan dan boleh dikendalikan kepada individu untuk menilai diri. Berdasarkan ujian tersebut, profil diri dapat dibentuk untuk penganalisaan. Segala kekuatan, kelemahan dapat diukur dan diambil tindakan untuk pembetulan bagi memperbaiki lagi kualiti prilaku serta pengurusan dalam kerjaya keusahawanan yang merupakan satu bidang perkerjaan yang mencabar serta sentiasa dihipit dengan risiko.

Kajian ke atas 27 orang usahawan belia berjaya (Lumpkin dan Dess 1996) menggunakan pendekatan psikologi untuk mengukur usahawan berjaya dan hasil kajian tersebut mendapati bahawa ciri-ciri psikologi seperti sikap ingin berjaya, locus kawalan dalaman, tabah tekun serta kemahiran membina jaringan menjadi faktor penting untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Gnyawali dan Fogel (1994) dalam Sulaiman (2006) mendapati kecenderungan individu untuk berniaga dipengaruhi oleh ciri-ciri psikologi dan tingkah laku usahawan yang kebanyakan dipengaruhi oleh latar belakang keluarga, masyarakat dan budaya. Kajian terbaru oleh Histrich et. al. (2005) menyokong hasil kajian Gnyawali dan Fogel yang membuktikan latar belakang pekerjaan ibu bapa sebagai usahawan mempengaruhi inspirasi anak mereka untuk menjadi usahawan.

Kajian oleh Afirudin et. al. (2006) menunjukkan hanya 14.8 peratus yang mengikuti Kursus Asas Keusahawanan Siswazah (KAKS) memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Kajian tersebut memberi gambaran tentang kemampuan bekas peserta KAKS untuk memulakan perniagaan. Berkemungkinan peratusan mereka akan meningkat untuk menjadi usahawan sekiranya pelan tindakan untuk membangunkan siswazah lepasan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan psikologi. Pendekatan psikologi ini bukan sahaja setakat untuk mengukur potensi mereka untuk menjadi usahawan, malah siswazah tersebut boleh didiagnosis untuk menjadi seorang usahawan melalui pendedahan serta motivasi, *prevention* dan *support system* daripada pihak kerajaan serta agensinya, bagi mendorong mereka menceburi dalam bidang keusahawanan sebaik sahaja mereka tamat pengajian dari IPT.

Dalam penyediaan Rangka Pembangunan Keusahawanan Belia Berjaya Gary Rabbior (1997) menggunakan pengukuran psikologi untuk membentuk usahawan berjaya. Pendekatan psikologi Rosenberg digunakan untuk mengukur estimasi keusahawanan bagi menilai tahap sendiri belia dalam bidang keusahawanan. Di India sebuah Institut Pembangunan Usahawan, *Entrepreneurship development Institute* menggunakan pengukuran kompetensi keusahawanan McClelland untuk mengukur ketrampilan diri

individu yang ingin menceburi dalam kerjaya keusahawanan. EDI telah berjaya melatih peserta menjadi usahawan berjaya dengan menggunakan pendekatan psikologi untuk memilih peserta dengan penuh teliti dan bertepatan dengan potensi serta minat kerjaya sebagai seorang usahawan. (Hamad Kama Piah, 1999).

Kajian kegagalan perniagaan di Malaysia, pengukuran psikologi kompetensi keusahawanan diri oleh McClelland dan Mc Ber, (1986) telah diaplikasi oleh Humam et al., (1997). Hasil kajian tersebut mendapati faktor-faktor kegagalan usahawan di Malaysia berpunca daripada faktor psikologi iaitu secara purata usahawan memperoleh skor sederhana bagi ketrampilan inisiatif, kecekalan, menitikberatkan mutu kerja, keyakinan diri, menyelesaikan masalah secara kreatif dan berorientasikan kecekapan.

Mahmood (2001) menggunakan 16PF (Cartteel) dalam kajian perbezaan usahawan Bumiputra dan bukan Bumiputra di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Mengenalpasti sifat dan personaliti usahawan ke atas 160 orang usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera yang mengusahakan perniagaan berskala kecil. Alat pengukuran psikologi yang digunakan ialah 16 *Personality Factors* (Cattell dan Stice 1962) yang mengandungi 187 soalan yang mengukur 16 sifat atau faktor-faktor personaliti ke atas usahawan tersebut.

Jacinta Bronte dan Zakia Redd, (2001) menggunakan pendekatan psikologi *Entrepreneurial skills* untuk membangunkan belia menjadi usahawan dengan mengukur ciri-ciri motivasi pencapaian, *self esteem*, *locus of control* dan daya tahan belia untuk menjadi usahawan.

Keperluan Pengukuran Psikologi untuk Melahirkan Usahawan dari Kalangan Belia

Lewis (1997) menyatakan bahawa pengukuran psikologi dapat digunakan untuk membangunkan potensi, meningkatkan moral, meningkatkan motivasi dan menghindari kesalahan dalam membuat pemilihan, analisis kumpulan, menyesuaikan latihan individu, mengenalpasti gaya pengurusan individu, mengenalpasti tekanan individu. Beberapa peranan pengukuran psikologi oleh Waves (1996) adalah untuk mengenalpasti kemampuan dan potensi individu; memperoleh kesesuaian dengan kerjaya yang diceburi, motivasi dan moral serta membangunkan produktiviti dan kecekapan menguruskan organisasi. Bahkan Greenberg (1997) telah menjelaskan pengukuran psikologi sebagai usaha untuk meramalkan keperluan latihan. Selain daripada itu, ia juga diperlukan untuk melihat kemajuan individu dalam perkembangan kerjaya mereka.

Hasil daripada teori tersebut kerjaya keusahawanan perlu ditanamkan diperingkat umur muda seperti siswa dan siswazah di IPT supaya mereka dapat dibentuk dan adalah mudah untuk membangunkan usahawan dari kalangan orang muda belia yang sudah mempunyai asas pengetahuan melalui penyemaian ilmu serta budaya keusahawanan di tahun pertama mereka di IPT. Keusahawanan merupakan kerjaya yang memerlukan

satu proses bagi membentuk manusia diwaktu rebong dan masih boleh dilentur, tidak diwaktu buluh yang sudah terlewat. Umur siswa / siswazah dalam lingkungan 18-25 tahun merupakan orang muda atau belia yang bertenaga, lebih produktif, lebih menguntungkan dari segi sumbangan tenaga kerja ekonomi, kerana mereka seringkali dikatakan sebagai harta atau aset-hak milik yang berguna kepada negara, (Husain, 1997). Pemimpin-pemimpin seperti Hitler di Jerman; Lenin di Rusia; Mao-Tse- Tung di Republik Rakyat Cina, bahkan Allahyarham Sukarno yang pernah menyebutkan, ”..*Berikan aku sepuluh orang pemuda, nescaya boleh ku robohkan politik- status qua) dunia..*” adalah antara sekian banyak kes yang telah memperlihatkan kepada dunia bahawa kehebatan dan kecemerlangan politik mereka bersandarkan kepada sokongan dan penglibatan belia. Apatah lagi dalam bidang keusahawanan juga merupakan satu bidang yang memerlukan perjuangan seperti di medan peperangan (Brockhaus, 1982).

Aktiviti keusahawanan masih lagi baru di Malaysia jika dibandingkan dengan negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain yang memiliki para usahawan dari kalangan orang muda. Di Amerika Syarikat pada tahun 1992, sebanyak 370 buah sekolah telah menawarkan program keusahawanan dan hanya terdiri daripada sekolah kejuruteraan (Carayannis et al., 2003). Ini menunjukkan pendidikan keusahawanan untuk mendorong pelajar yang berumur 13-17 tahun yang merupakan umur awal belia supaya memiliki kecenderungan untuk berkeusahawanan. Kajian Maszuria (2004) terhadap usahawan EKS di Johor Bharu menunjukkan golongan yang paling tinggi menceburkan diri dalam bidang EKS ialah (66.5%) terdiri dari golongan muda.

Penguasaan ekonomi melalui gerakan keusahawanan negara perlu menggunakan tenaga muda siswa dan siswazah kerana memiliki ilmu serta sinergi yang akan dijadikan sebagai modal insan yang kuat mental dan fizikalnya bagi menyingkat masa dalam proses untuk meramai usahawan di negara ini. Keusahawanan merupakan satu kerjaya yang ada hubungkaitnya dengan teori perkembangan kerjaya. Umumnya teori kerjaya yang ada cuba untuk menerangkan dan menghuraikan hubungan antara individu dengan bidang kerjaya yang diceburinya. Super (1971; dalam Brown dan Brooks, 1984) yang mengasaskan teori ini telah membahagikan kepada lima peringkat iaitu peringkat pertama merupakan peringkat pertumbuhan (sejak lahir hingga 14 tahun) yang dicirikan dengan individu yang membentuk konsep sendiri; Kedua diperingkat penerokaan (15 hingga 24 tahun) yang dicirikan dengan individu meneroka diri dan mula mengenali dunia pekerjaan; peringkat ketiga ialah peringkat pengukuhan (24 hingga 44 tahun) yang dicirikan dengan individu cuba mendapatkan sesuatu konsep sendiri kerjaya yang lebih terjamin; peringkat keempat iaitu diperingkat pengekatan (45 hingga 64 tahun) yang dicirikan dengan individu telah kukuh pendudukannya dan akan akan mengekalkan konsep kendirinya yang telah sedia ada dan; peringkat kelima ialah peringkat penurunan (65 ke atas) yang akan dicirikan dengan individu yang kekurangan tenaga dan mula menukarkan konsep sendiri sesuai dengan kerja-kerja yang dilakukan seperti bekerja secara sambilan atau separuh bershah.

Berdasarkan teori Super ini umur belia (15-40 tahun) bermula untuk mencari pekerjaan

serta pengukuhan diri dengan kerjayanya. Teori psikoanalitik oleh Bordin (dalam Brown dan Books, 1984:323) merupakan satu teori perkembangan hidup yang memberi penekanan kepada kerjaya dan beliau menyatakan bahawa hubungan biologi dengan atmosfera keluarga akan mencorakkan kerjaya seseorang. Teori pembelajaran sosial mengenai tingkahlaku (Krumboltz et. Al dalam Brown dan Brooks, 1984) yang telah mengandaikan bahawa pengalaman pembelajaran juga mencorakkan personaliti kerjaya bagi setiap individu.

Kedua-dua teori ini ada hubungkaitnya dengan kerjaya keusahawanan. Individu yang memiliki pengetahuan *tacit* (*inner knowledge*) yang dihasilkan melalui latar belakang keluarganya yang menjalankan perniagaan, pengalaman berniaga diwaktu kecil dan pada umur muda, pengalaman berniaga diwaktu sekolah, pengalaman bekerja di dalam organisasi perniagaan, undang-undang dan peraturan melalui budaya, kefahaman dan ciri-ciri kekeluargaan yang mendorong kepada pembentukan niat serta kesungguhan untuk berkeusahawanan (Robert, 2004). Niat yang jitu untuk berkeusahawanan datang rasa keinginan serta wujudnya motivasi pencapaian dalam diri seseorang. Sehubungan dengan itu, pengukuran psikologi yang berkaitan dengan niat untuk berkeusahawanan perlu diaplikasikan untuk mengukur sejauhmanakah pengetahuan *tacit* yang telah dimiliki oleh siswa atau siswazah untuk menjadi seorang usahawan. Mengikut *teori of knowledge* (Arthur S.B, 2007). Pembentukan pengetahuan *tacit* diperolehi oleh individu melalui pengalaman diwaktu kecil ini 4-6 tahun, diwaktu awal remaja 12-18 tahun dan akhir remaja 18-22 tahun dan awal dewasa 22-34 tahun. Data, informasi dan *explicit* boleh diperolehi dari bahan bacaan dan di dalam bilik kuliah, tetapi pengetahuan *tacit* dan bijaksana (*wisdom*) yang dimiliki oleh seseorang adalah melalui pengalaman yang tidak terdapat didalam dokumen. Berasaskan teori tersebut, pengukuran psikologi keusahawanan diperlukan untuk mengukur kepada golongan belia (15-40 tahun) yang ingin menjadi usahawan bagi mengetahui sejauhmanakah pengalaman atau pengetahuan *tacit* dalam bidang keusahawanan yang dimiliki serta kekuatan jati diri untuk menjadi seorang usahawan. Informasi dan data serta pengetahuan yang diperolehi oleh individu melalui pembacaan atau di dewan kuliah tidak cukup membentuk seseorang untuk menjadi usahawan, malah perlu digabungkan dengan pengetahuan *tacit* yang akan menghasilkan *wisdom*. Mengikut kajian oleh MECD (2006) hanya terdapat 2.4 (%) sahaja dari kalangan siswazah lepasan IPT dalam bidang pentadbiran perniagaan dan keusahawanan yang terus menjadi usahawan sebaik sahaja mereka tamat pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Tidak semestinya bidang keusahawanan dan perniagaan yang dipelajarinya membolehkan seseorang itu terus boleh menjadi seorang usahawan, sebaliknya terdapat ramai di kalangan individu yang buta huruf, tidak mengikuti pengajian diperingkat Ijazah, Master atau Doktor Falsafah dalam bidang keusahawanan dan perniagaan boleh menjadi usahawan yang berjaya. Pengalaman individu dalam bidang keusahawanan dan perniagaan perlu bermula dari peringkat umur kanak-kanak dan umur muda adalah penting bagi pembentukan niat yang jitu serta kesungguhan untuk mereka menceburi dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Golongan muda belia mempunyai minat kerjaya yang tidak berterusan dan akan

mengubah minat kepada kerjaya yang lain sekiranya tidak ada kepuasan kerja dan kepuasan hidup. Super (dalam Weinrsch, 1979) menyatakan bahawa kepuasan kerja dan kepuasan hidup adalah bergantung kepada sejauh mana seseorang individu itu memperolehi jalan keluar yang mencukupi untuk menyalurkan kebolehan, minat, serta trait-trait dan personalitinya. Ianya juga bergantung kepada kemantapan dan kesetabilan sesuatu jenis pekerjaan, situasi kerja dan cara kehidupan seseorang itu boleh memainkan peranan yang dianggap sepadan dan sesuai dengan pertumbuhan dan pengalamannya yang bermula diperingkat awal umur belia (18-40 tahun). Segala pengalaman hidup yang signifikan mempunyai hubungan dan mempengaruhi individu untuk menentukan kerjayanya masa depan.

Daripada teori tersebut, nyatalah bahawa melalui pengalaman di waktu umur muda yang akan menghasilkan minat dan menentukan kerjaya yang akan dipilihnya. Sekiranya pengalaman serta pendedahan yang penuh signifikan dilalui oleh individu dalam satu-satu bidang kerjaya khususnya dalam bidang keusahawanan akan menjadikan mereka lebih fokus dan minat kepada kerjaya keusahawanan sahaja. Manakala teori perkembangan kerjaya Eli Ginzberg menyatakan bahawa diperingkat umur 17 hingga 20 tahun (umur belia) yang mereka ini juga merupakan golongan siswa atau siswazah mula mendapatkan maklumat dan pengalaman yang dapat membantu mereka dalam membuat pemilihan kerjaya. Manakala teori Perkembangan Havighurst, umur belia 18-22 tahun, mereka telah tamat belajar di kolej atau universiti. Di peringkat ini, mereka dalam proses memilih kerjaya dan pada umur 22-34 tahun (umur belia) mereka akan berusaha untuk memantapkan diri dalam pekerjaan dan akan membentuk gaya hidup (*lifestyle*). Mereka mencari-cari kerjaya yang mempunyai pendapatan yang lumayan atau tidak terhad bagi memenuhi keperluan permintaan mereka yang tidak terhad. Mereka akan terpadang individu atau masyarakat yang mengelilingi mereka dengan kebendaan yang mewah serta dan di sini mereka akan bertanya-tanya bagaimanakah caranya individu atau masyarakat tersebut terjadi sedemikian. Di sinilah siswa / siswazah akan terpanggil untuk sama-sama meniru individu atau masyarakat tersebut untuk turut serta dan memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama mereka.

Pengukuran minat adalah pengukuran yang mengenalpasti individu belia terhadap sesuatu bidang pekerjaan. Keusahawanan merupakan satu pekerjaan. Holland (1985) menyatakan bahawa kategori minat dan personaliti yang dibawa oleh Holland adalah *realistic, investigative, artistic, social, enterprising dan conventional*. Dalam membangunkan pengukuran psikologi keusahawanan belia mengikut acuan Malaysia, dari aspek minat ciri-ciri Enterprising (E) untuk menilai sejauhmanakah ciri-ciri yang dimiliki menunjukkan kecekapan dan mempengaruhi dan memimpin. Pencapaian dan manipulasi orang lain untuk matlamat peribadi dan organisasi. Ganjaran bernilai keusahawanan dan matlamat seperti wang, kuasa dan status yang menggalakkan manusia melihat dunia daripada segi kuasa, status, tanggungjawab, mudah dan tidak stereotaip. Kerja-kerja yang berkaitan dengan pengurusan seperti pengurusan jualan, pengurusan personel dan pengurusan pengeluaran merupakan bidang atau ciri-ciri untuk membentuk individu menjadi usahawan.

Kerja-kerja penjualan, seperti jurujual kereta, insuran dan harta tanah. dan jualan langsung merupakan bidang yang diminati oleh individu yang memiliki sifat enterprising. Belia yang ingin menceburi dalam bidang keusahawanan dan perniagaan perlu diukur untuk mengetahui sejauhmanakah minat mereka dalam aktiviti perniagaan ini, ciri-ciri kepimpinan untuk menjadikan mereka boleh memiliki kuasa untuk memimpin diri dan organisasi perniagaan, serta memiliki kebebasan dari segi berfikir dan tidak bergantung kepada orang lain. Pengukuran ini perlu diukur waktu belia kerana mereka masih *fresh* dan sedang mencari hala tuju untuk hidup. Belia-belie siswa dan siswazah perlu dibimbing supaya dapat meneroka dan menggilap potensi mereka agar selari dengan kerjaya yang mereka minati. Lebih-lebih lagi dalam bidang keusahawanan yang memerlukan ciri-ciri enterprising yang tinggi untuk dimiliki oleh setiap individu yang ingin menjadi seorang usahawan. Pembentukan kompetensi akan bermula diumur belia kerana kompetensi memerlukan proses pembelajaran diperingkat belia (Boam dan Sparrow, 1992).

Menurut Pittman, (1991) dalam Azimi, (2005) untuk menjadi belia yang kompeten, mereka perlu memiliki kompetensi dari segi kesihatan, memastikan kesihatan diri terjamin dengan melakukan amalan diet dan amalan pemakanan yang sihat dan cergas. Kecergasan fizikal ini akan membantu mengukuhkan kekuatan mental yang menjadi syarat utama untuk individu menjadi seorang usahawan. Kerjaya keusahawanan menuntut kekuatan fizikal untuk bergerak dengan pantas dan proaktif. Mental pula berperanan untuk melahirkan idea yang kreatif dan inovatif bagi menjana kegiatan keusahawanan diri dan organisasi perniagaan.

Kompetensi dari segi kemahiran *interpersonal* kemahiran menguasai cabaran, kemahiran memujuk atau berunding dan membina jaringan merupakan ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan. Ciri-ciri kompetensi ini diperlukan untuk membangunkan seorang usahawan yang berdaya saing dan berdaya maju.. Ciri-ciri ini menjadi satu keperluan untuk menjadi seorang usahawan dan perlu dipupuk bermula diperingkat umur siswa/siswazah.

Dalam membangunkan individu untuk menjadi seorang usahawan memerlukan personaliti iaitu estim keusahawanan diri. Estim keusahawanan mempunyai pengaruh besar ke atas kejayaan. Kajian psikologi (Rosenberg, 1965) mendapati individu yang berjaya kerana mereka memiliki estim yang tinggi, manakala mereka yang gagal memiliki estim yang rendah. Estim ialah sebahagian daripada unsur konsep diri, di mana mempunyai kaitan yang kuat dengan keyakinan diri dan kejayaan. Estim ialah penilaian yang dibuat secara menyeluruh tentang diri sendiri. Menurut beliau lagi, estim ialah sejauh mana seseorang itu dapat menerima diri, memiliki ciri-ciri yang istimewa. Estim juga mempunyai kaitan sejauhmana seseorang itu menghargai dirinya sendiri dan estim juga memberitahu sejauhmana seseorang itu berasa dirinya seorang yang baik dan berguna tanpa mengira apa yang sudah berlaku pada dirinya sebelum ini. Individu- individu yang berestim tinggi suka mencari cabaran dalam hal-hal peribadi, iaitu di mana kejayaan itu hanya mereka sendiri yang tahu. Menurut Robert

Havighurst (1974) dalam Mohd Saleh Lebar (1994) estimasi keusahawanan ini perlu bermula atau dibentuk di waktu umur siswa/siswazah, kerana mereka memiliki ciri-ciri dan tahapan tugas perkembangan (*development task*) iaitu belajar untuk bertanggungjawab terhadap dirinya, menetapkan sesuatu identiti, mengembangkan kestabilan emosi, memulai suatu kemajuan dalam hidup. Usahawan yang berjaya terdiri dari kalangan mereka yang memiliki ciri-ciri sendiri yang tinggi, kreatif serta ketegasan dalam amalan keusahawanan dan perniagaannya.

Entrepreneur Self Efficacy oleh Bandura (1997) yang bermaksud seseorang yang mempercayai bahawa dia boleh menguasai sesuatu keadaan dan menghasilkan sesuatu yang positif. Apabila seseorang individu memiliki keyakinan bahawa sesuatu tugas itu dapat diselesaikan, maka keyakinannya itu akan menghasilkan kejayaan. Begitu juga sebaliknya, apabila seseorang itu tidak yakin dapat menyiapkan sesuatu tugas itu, ia akan menghasilkan kegagalan.

Teori ini memberi satu keyakinan kepada individu yang ingin menjadi usahawan lebih-lebih dikalangan siswa/siswazah. Mengikut Muhamad Haizuan Rozali (1996) waktu di umur siswa/siswazah sudah muncul rasa keupayaan diri untuk membuat keputusan dan mengawasi situasi. Mereka menuntut autonomi yang selama ini dikawal oleh ibu bapa. Sifat bergantung kepada ibu bapa mulai dinilai secara logik serta kritis daripada pandangan mereka. Tugas-tugas yang perlu dilaksanakan akan diselesaikan mengikut cara mereka sendiri. Usaha yang dilakukan berdasarkan inisiatif sendiri. Kesediaan untuk bertolaransi dalam tugas mula diperlihatkan ketika bersama-sama rakan sebaya ataupun pihak yang dapat menghargai idea dan pendekatan mereka. Begitu pula dengan kemampuan diri dalam pemikiran formal seperti membuat dan mencari kesahan tentang sesuatu perkara. Pemikiran mereka semakin matang dan kreatif. Bermula disinilah teori *Entrepreneur Self Efficacy* diterapkan supaya menjadikan mereka boleh menguasai perubahan serta menghasilkan sesuatu yang positif dan berinovasi yang menjadi keperluan untuk melahirkan siswa/siswazah yang sustain dengan kerjayanya sebagai seorang usahawan. Mereka perlu memiliki kecekalan dalam diri untuk terus berjuang menjadi seorang usahawan.

Cabaran Semasa dan Keperluan untuk Membangunkan Usahawan di Kalangan Belia

Kerjaya dalam bidang keusahawanan memberi impak yang positif dalam ekonomi sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan kini telah banyak menawarkan program keusahawanan untuk membangunkan siswa menjadi usahawan melalui latihan, pemberian skim pinjaman untuk belia bagi memula dan mengembangkan perniagaan. Program Skim Usahawan Siswazah telah memperkenalkan Program Latihan Pembangunan Siswazah di universiti Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan tujuan untuk menjadikan siswazah lepasan universiti sebagai usahawan berjumlah 7,200 orang. Namun yang masih menjalankan perniagaan sehingga kini hanya berjumlah 46 orang usahawan lelaki dan 24 orang perempuan (INSKEN, 2007). Kegagalan usahawan yang terdiri dari kalangan belia untuk meneruskan kerjaya mereka

dalam bidang keusahawanan akan menyebabkan kerugian kepada kerajaan yang telah memperuntukkan jumlah kewangan yang besar untuk melahirkan dan membangunkan usahawan. Untuk melahirkan usahawan bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan dengan mudah, sebaliknya memerlukan proses pemilihan yang tepat dari kalangan individu yang memiliki ciri-ciri keusahawanan seperti kekuatan dalaman, di antaranya ialah niat serta kesungguhan untuk berkeusahawanan, minat untuk berkeusahawanan, kompetensi keusahawanan, personaliti keusahawanan, Religiositi seperti nilai serta etika atau amalan keagamaan dalam menjalankan perniagaan. Efikasi keusahawanan diri untuk mengukur kebolehan serta kecekalan individu untuk menguasai sesuatu keadaan dan menghasilkan sesuatu yang positif.

METODOLOGI

Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik dan pengukuran psikologi keusahawanan Malaysia MY-EPT (Aishah,2008) digunakan. Kajian pengumpulan data bermula pada bulan Mei hingga Disember 2008. Borang soal selidik yang mengandungi bahagian demografi, pengukuran psikologi keusahawanan Malaysia (MY-EPT) yang telah diuji dan mempunyai kebolehpercayaan nilai Alpha .845.

Sampel

Kerangka persempelan (senarai siswa/siswazah) diperolehi daripada program pembangunan keusahawanan di IPT seperti Latihan Khas Keusahawanan siswa, Program Usahawan Siswazah (SUS 1, SUS 2, SUS 3), program KAKS oleh UUM dan program gerak usahawan siswa/siswazah luar negara (Mesir) oleh INSKEN-MeCD) yang berjumlah 1276 responden.

Pengukuran dan Analisis

Hasil tinjauan kajian mendapati responden yang telah diukur dengan menggunakan pengukuran psikologi keusahawanan belia *Malaysian Entrepreneurship Psychological Test* (MYEPT, 2008). Alat pengukuran ini telah dibangunkan mengikut acuan tempatan dengan nilai Pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha 0.835. Responden telah diukur tahap kecenderungan yang tinggi untuk menjadi usahawan dengan 6 dimensi dan 15 sub-dimensi dan 75 item diukur dengan sejumlah item Likert 5-mata: Niat untuk berkeusahawanan (5 item), minat untuk menjadi usahawan (15 item), kompetensi keusahawanan (15 item), (personaliti keusahawanan (15 item) Religiositi Keusahawanan (15 item) dan Efikasi keusahawanan (10 item). Responden diminta memberikan respons kepada setiap item skala berdasarkan kategori jawapan yang diberikan. Skor yang lebih tinggi bermakna siswa/siswazah memiliki kecenderungan yang tinggi untuk menjadi usahawan kerana selaras dengan ciri-ciri diri dengan ciri-ciri keusahawanan seperti berikut:

- 1) Kesungguhan / Pengetahuan tasit
Motivasi Pencapaian

- 2) Minat untuk menjadi seorang usahawan
- 3) Kompetensi menguasai cabaran, memujuk dan membina jaringan.
- 4) Personaliti keusahawanan, *self esteem*, kreatif dan ketegasan.
- 5) Relegiositi dan keagamaan, kepercayaan, amalan dan kejujuran.
- 6) Efikasi / kecekalan untuk terus menjadi usahawan dan cekal dalam menghitung risiko

HASIL KAJIAN

Tinjauan Penerimaan Pendekatan Psikologi / Penggunaan Pengukuran Psikologi untuk Melahirkan Usahawan dari Kalangan Siswa dan Siswazah Lulusan IPT

Kajian ini juga memfokuskan kepada kumpulan agensi yang membangunkan usahawan di negara ini dengan menyediakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai penerimaan mereka untuk menggunakan pendekatan psikologi dan ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan dan hasil dapatan kajian tinjauan tersebut seperti berikut:

Jadual 1: Agensi Pembangunan Usahawan

Bil	Nama Agensi	Bilangan Responden
1	Akademi Pembangunan Belia pbm	1
2	Bank Rakyat	3
3	Konsultan keusahawanan	3
4	Institut Keusahawanan Negara	2
5	Institut Pembangunan Usahawan (IPK) UUM.	1
6	Kementerian Belia dan Sukan	3
7	Kementerian Pertanian dan Asas Tani	1
8	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	7
9	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna	4
10	Kementerian Wanita	3
11	MARA	12
12	MARDI	1
13	Maktab Kerjasama Malaysia	1
14	Perbadanan Nasional Berhad	
15	Universiti Kuala Lumpur	1
16	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad	6
17	Tekun Nasional	1
18	Universiti Kebangsaan Malaysia	1
19	Universiti Malaysia Kelantan	1

Tinjauan Kajian ini juga mengambil kira pandangan daripada pihak siswa/siswazah IPT yang mengandungi 1,276 responden seperti di jadual 2.

Jadual 2 : Kumpulan Siswa dan Siswazah IPT dan Belia

Bil	IPT / Agensi	Bilangan Siswa/Siswazah
1	Iskandar	264
2	Kaherah	305
3	Komuniti	28
4	LKS	106
5	Sintok	51
6	SUS	59
7	SUS (1)	27
8	SUS (2)	30
9	SUS (3)	11
10	SUS (4)	11
11	SUS (PD)	27
12	UDA	28
13	UM	221
14	UUM	108
15	Belia Umum / INSKEB	59
JUMLAH		1335

Dapatan Kajian Penggunaan Instrumen Pengukuran Psikologi Keusahawanan Belia Malaysia (My-Ept)

Instrumen pengukuran psikologi keusahawanan belia Malaysia telah diaplikasikan kepada golongan siswa/siswazah belia yang mengikuti program keusahawanan bermula pada bulan Mei-Disember 2008 seperti di jadual 3. PUSLUN ialah program usahawan luar negara iaitu di Kaherah dan Iskandariah Mesir.

Jadual 3: Program usahawan siswa/siswazah mengikut lokasi kajian (n = 1276)

PROGRAM	TEMPAT
LKS	UKM
SUS 1	Kuala Lumpur
SUS 2	Port Dickson
SUS 3	Sabah
KAKS	UUM
PUSLUN 1	Kaherah
PUSLUN 2	Iskandariah

Jadual 4 : Program Keusahawanan di IPT mengikut negeri (n= 1276)

Bil	Negeri	Bil peserta
1	Johor	150
2	Kedah	150
3	Kelantan	179
4	Melaka	33
5	Negri .Sembilan	33
6	Pulau .Pinang	31
7	Pahang	94
8	Perak	94
9	Perlis	16
10	Sabah	97
11	Sarawak	14
12	Selangor	215
13	Terengganu	77
14	Wilayah Persekutuan	93
JUMLAH		1276

Pengetahuan tasit mempunyai hubungan dengan niat untuk berkeusahawanan. Niat berkeusahawanan bermula dengan latar belakang seperti *gender, age, race, marital status, field of study, family income, family role model* dan pengalaman menjalankan perniagaan sejak kecil dan dibangku sekolah dan bekerja dalam organisasi perniagaan (Davidson, 1995). Hasil kajian ini seperti berikut:

Jadual 5 : Tahap Niat Untuk Berkeusahawanan (Pengetahuan Tasit) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	193	15.1
Sederhana (9.0) - (16.66)	868	68
Tinggi (17.0) - (25.0)	215	16.8
Jumlah	1276	100.0

Pengetahuan tasit merupakan satu ciri teras yang perlu dimiliki oleh siswa/siswazah untuk menjadi seorang usahawan. Kajian pembangunan MYEPT acuan Malaysia pengetahuan tasit adalah sub-dimensi kepada dimensi niat untuk berkeusahawanan. Dapatan kajian ini didapati responden yang memiliki pengetahuan tasit yang tinggi 16.8% (215 orang) terdiri dari kalangan mereka yang datang dari keluarga yang telah menjalankan perniagaan, pernah menjalankan perniagaan sejak dibangku sekolah dan memiliki skrip hidup yang sentiasa berdikari.

**Jadual 6 : Tahap Minat Untuk Berkeusahawanan (Minat untuk berniaga)
(n=1276)**

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	20	1.6
Sederhana (9.0) - (16.66)	564	44.2
Tinggi (17.0) - (25.0)	692	54.2
Jumlah	1276	100.0

Dimensi minat untuk berkeusahawanan mengandungi minat tinggi untuk menjalankan perniagaan dan ingin bersaing dengan orang yang telah berjaya dalam bidang perniagaan

Seramai 692 orang iaitu 54.2% memiliki skor tinggi untuk minat berkeusahawanan iaitu berminat untuk menjadi. Manakala skor sederhana seramai 564 orang atau 44.2% mempunyai minat yang sederhana sahaja untuk menjadi usahawan dan 20 orang atau 1.6 peratus memperolehi skor yang rendah iaitu tidak berminat langsung untuk menjadi usahawan.

**Jadual 7: Tahap Minat Untuk Berkeusahawanan (Minat kepada kuasa)
(n=1276)**

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	53	4.1
Sederhana (9.0) - (16.66)	1,035	81.2
Tinggi (17.0) - (25.0)	188	14.7
Jumlah	1276	100.0

Seramai 188 orang Responden atau 14.7% memiliki tahap tinggi yang berminat kepada kuasa, minat kuasa pada tahap sederhana 1,035 atau 81.2% dan tahap minat kepada kuasa seramai 53 orang atau 4.1% pada tahap rendah. Majoriti responden memiliki skor sederhana ini menunjukkan responden yang berminat kepada kuasa untuk memimpin ditahap sederhana ini. Mereka masih kurang mampu untuk memimpin organisasi perniagaan hak miliknya sendiri. Manakala skor tinggi 188 orang atau 14.7% memiliki kuasa yang tinggi dan memiliki ciri-ciri autoriti untuk mengendalikan pengurusan dalam organisasi sendiri dan kumpulan ini boleh menubuhkan perniagaan dan mampu memimpin organisasi perniagaannya sendiri. usahawan.

**Jadual 8 : Tahap Minat Untuk Berkeusahawanan (Minat kepada kebebasan)
(n=1276)**

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	64	5.0
Sederhana (9.0) - (16.66)	1,080	84.6
Tinggi (17.0) - (25.0)	132	10.3
Jumlah	1276	100.0

Minat kepada kebebasan, seramai 132 orang 10.3% responden memiliki skor tinggi iaitu individu yang boleh berdikari dan setiap keputusan yang dilakukan tanpa dirujuk kepada mana- mana pihak dan tidak bergantung hidup kepada orang lain. Kumpulan ini memiliki keselarasan dengan ciri-ciri keusahawanan. Manakala skor sederhana seramai 1,080 orang atau 84.6 % ciri-ciri kebebasan yang sederhana, kadang-kadang terpaksa meminta sokongan dan bantuan daripada pihak lain. Manakala seramai 64 orang atau 5 % memiliki skor yang rendah dan golongan ini yang terlalu bergantung dengan seseorang, tidak bijak dalam membuat sebarang keputusan dan sangat memerlukan sokongan dan pandangan orang lain dalam membuat sebarang tindakan dan pergerakan serta keputusan. Kumpulan ini tidak mempunyai keselarasan dengan ciri-ciri keusahawanan kerana tidak mampu berdikari dan tidak percaya kepada diri sendiri dalam membuat sebarang tindakan dan keputusan yang dilakukan.

Jadual 9 : Tahap Kompetensi Keusahawanan (Kompetensi Menguasai Cabaran) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	31	2.4
Sederhana (9.0) - (16.66)	1,020	79.9
Tinggi (17.0) - (25.0)	225	17.6
Jumlah	1276	100.0

Responden memiliki tahap tinggi 17.6% atau 225 orang, tahap sederhana ialah 1020 orang atau 79.9% dan tahap rendah 31 orang atau 2.4%. Majoriti responden memiliki tahap kemahiran menguasai cabaran pada tahap sederhana. Sepatutnya responden yang ingin menjadi usahawan perlu memiliki tahap kemahiran menguasai cabaran pada tahap tinggi iaitu memerlukan ciri-ciri individu yang stabil dari segi emosi dan psikologinya dan boleh menguasai diri dan persekitaran serta mencari jalan

penyelesaian untuk dirinya berjaya dalam bidang perniagaan. Skor sederhana menguasai cabaran adalah sederhana penguasaan diri dan persekitaran diperingkat sederhana. Manakala skor rendah adalah individu yang tidak memiliki ketahanan mental dan fizikal dalam menguasai diri dan persekitaran, mudah berputus asa dan mudah menyerah kalah serta selalu gagal dalam bidang perniagaan.

**Jadual 10 : Tahap Kompetensi Keusahawanan (Kompetensi Memujuk)
(n=1276)**

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	72	5.6
Sederhana (9.0) - (16.66)	1,090	85.5
Tinggi (17.0) - (25.0)	114	8.9
Jumlah	1276	100.0

Seramai 114 orang atau 8.9 % responden telah memiliki skor tinggi dari segi kemahiran memujuk. Kumpulan memiliki kemahiran serta bijak menggunakan strategi memujuk dan selalu berjaya mengubah pemikiran seseorang untuk bersetuju dan menerima pandangan atau pendapatnya. Responden selalu berjaya menjual produk atau perkhidmatan atau idea kepada kumpulan sasarannya dan memiliki ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan. Manakala skor sederhana iaitu majoriti responden ini iaitu 1,090 orang atau 85.5 % iaitu menunjukkan tahap memujuk pada tahap sederhana sahaja. Manakala 72 orang atau 5.6% memiliki skor rendah iaitu responden yang tidak ada kemahiran mempengaruhi seseorang untuk menerima pandangan, pendapat dan selalu gagal menjual produk dan idea kepada kumpulan sasarannya.

Jadual 11 : Tahap Kompetensi Keusahawanan (Kompetensi Membina Jaringan (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	22	1.7
Sederhana (9.0) - (16.66)	991	77.7
Tinggi (17.0) - (25.0)	263	20.5
Jumlah	1276	100.0

Siswa / siwazah yang ingin menjadi usahawan perlu membina jaringan dengan sumber pembangunan. Skor yang lebih tinggi bermakna menunjukkan individu yang bijak bagi mendapatkan orang-orang penting untuk membantu mencapai matlamat dalam perniagaan, ramai kenalan dengan pihak yang berpengaruh dan sentiasa menjalin perhubungan yang baik dengan semua kenalannya. Dapatan kajian ini hanya 263 orang atau 20.5% sahaja memiliki tahap kemahiran membina jaringan yang tinggi dan memiliki ciri-ciri keusahawanan serta layak untuk menjadi seorang usahawan. Majoriti responden memiliki tahap sederhana kemahiran membina jaringan iaitu 991 orang atau 77.7%.

77.7% dan perlu mengikuti kursus yang berkaitan dengan strategi membina jaringan perniagaan. Manakala skor pada tahap rendah iaitu 22 orang atau 1.7% dalam kompetensi membina jaringan dan tidak memiliki ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan.

Jadual 12 : Tahap Personaliti (Estim Keusahawanan Diri) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	45	3.6
Sederhana (9.0) - (16.66)	927	72.6
Tinggi (17.0) - (25.0)	304	23.8
Jumlah	1276	100.0

Responden memiliki tahap estim keusahawanan pada tahap yang tinggi 304 orang iaitu 23.8% tahap estim keusahawanan yang tinggi, skor sederhana 927 iaitu 72.6 % pada tahap yang sederhana iaitu memiliki estim keusahawanan pada tahap yang sederhana dan tahap rendah 45 orang iaitu 3.6 % responden memiliki tahap sendiri yang rendah dan selalu mudah kecewa dalam hidup. Estim keusahawanan pada tahap yang tinggi diperlukan untuk siswa/siswazah yang ingin menjadi usahawanan, individu yang memiliki motivasi dan harga diri yang tinggi selalu berjaya dalam kerjaya keusahawanan.

Jadual 13 : Tahap Personaliti (Kreatif) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	34	2.7
Sederhana (9.0) - (16.66)	829	65.0
Tinggi (17.0) - (25.0)	413	32.3
Jumlah	1276	100.0

Kreativiti responden pada tahap yang tinggi ialah 413 orang atau 32.3 %, tahap sederhana ialah 829 atau 65 % orang pada tahap sederhana dan 34 orang atau 2.7 % pada tahap yang rendah. Majoriti responden memiliki tahap kreativiti pada tahap yang sederhana dan untuk menjadi usahawan memerlukan tahap kreativiti yang tinggi. Idea dan pandangannya selalu diterima oleh orang ramai, selalu mencipta serta membawa perubahan yang lebih berinovasi dan selalu dirujuk untuk menyediakan pelan dan perancangan strategik.

Jadual 14 : Tahap Personaliti (Ketegasan) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	30	2.4
Sederhana (9.0) - (16.66)	893	69.9
Tinggi (17.0) - (25.0)	353	27.7
Jumlah	1276	100.0

Kajian ini mendapati responden memiliki tahap ketegasan diri ditahap tinggi iaitu iaitu 353 orang atau 27.7 % . Ciri-ciri ketegasan yang tinggi ini diperlukan individu untuk menjadi seorang usahawan kerana memiliki prinsip hidup yang konsisten dan dapat menyampaikan sesuatu mesej tanpa memutarbelitkan kata-kata atau menyembunyikan fakta. Manakala 893 orang atau 69.9% memiliki skor pada tahap sederhana iaitu individu yang kadang- kadang tidak mempunyai pendirian (*un-prediction*). Ciri-ciri ini tidak sesuai dengan selaras dengan ciri-ciri keusahawanan. 30 orang memiliki skor sederhana iaitu 30 orang atau 2.4 % iaitu individu yang pasif dan memberi peluang kepada orang lain untuk mengambil kesempatan di atas kelemahan dirinya.

Jadual 15: Tahap Keagamaan (Amalan) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	15	1.2
Sederhana (9.0) - (16.66)	766	60.1
Tinggi (17.0) - (25.0)	495	38.7
Jumlah	1276	100.0

Responden memiliki skor tinggi iaitu 495 orang atau 38.7 %, skor pada tahap sederhana ialah 766 orang atau 60.1% dan skor pada tahap rendah 15 orang iaitu 1.2%. Skor pada tahap tinggi diperlukan dari kalangan siswa/ siswazah untuk menjadi seorang usahawan kerana Malaysia mahu melahirkan usahawan acuan Malaysia dengan memiliki amalan serta akhlak yang tinggi dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Segala amalan perniagaan berlandaskan hukum agama dan menjaga etika agama dalam urusan jual beli.

Manakala responden yang memiliki memiliki tahap akhlak yang sederhana dalam menjalankan aktiviti perniagaan kadang-kala mereka takut kerugian dalam perniagaannya sekiranya mereka terlalu mematuhi peraturan agama. Manakala skor yang rendah responden mengasingkan agama dengan perniagaan serta melanggar hukum amalan perniagaan dengan agama.

Jadual 16: Tahap Keagamaan (kepercayaan) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	211	16.5
Sederhana (9.0) - (16.66)	994	77.9
Tinggi (17.0) - (25.0)	71	5.6
Jumlah	1276	100.0

Untuk membangunkan usahawan acuan Malaysia yang terdiri dari kalangan siswa/siswazah, menuntut tahap keyakinan serta kepercayaan yang tinggi kepada agama iaitu Tuhan. 71 orang responden atau 5.6% sahaja mencapai ditahap yang tinggi iaitu responden yang memiliki tahap keyakinan dan kepercayaan kepada agama dalam kerjaya keusahawanan iaitu individu yang menjadi usahawan yang berilmu, beriman dan bertaqwa. Manakala 994 orang atau 77.9 % memiliki tahap keyakinan dan kepercayaan kepada agama ditahap yang sederhana dan skor pada tahap rendah iaitu 211 orang atau 16.5 % iaitu responden yang tidak yakin dan percaya dengan hukum Tuhan.

Jadual 17: Tahap Keagamaan (kejujuran) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	199	15.6
Sederhana (9.0) - (16.66)	1000	78.4
Tinggi (17.0) - (25.0)	77	6
Jumlah	1276	100.0

Responden telah memiliki tahap kejujuran yang tinggi iaitu 77 orang atau 6 %, skor pada tahap sederhana ialah 1000 orang atau 78.4 % dan 199 orang atau 15.6% memiliki tahap yang rendah. Skor pada tahap kejujuran yang tinggi diperlukan oleh siswa/siswazah yang ingin dijadikan usahawan kerana individu yang memiliki kejujuran ditahap yang tinggi adalah boleh dipercayai. Manakala Skor sederhana individu yang memiliki kejujuran yang sederhana kadang- kadang tidak boleh dipercayai dan di tahap yang rendah individu yang tidak jujur dan tidak boleh dipercayai.

Jadual 18: Tahap Efikasi (kecekalan menghitung risiko) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	41	3.2
Sederhana (9.0) - (16.66)	783	61.4
Tinggi (17.0) - (25.0)	452	35.4
Jumlah	1276	100.0

Responden memiliki tahap tinggi 452 orang atau 35.4%, tahap sederhana 783 orang atau 61.4% dan tahap rendah ialah 41 orang atau 3.2. %. Skor sangat tinggi menunjukkan individu yang bijak mengambil risiko yang telah dianalisa dan pasti ada kejayaannya. Dalam membangunkan usahawan dari kalangan siswa /siswazah ini memerlukan tahap efikasi yang tinggi dari segi pengiraan risiko. Skor pada tahap sederhana individu yang pandai mengambil risiko yang dianalisa dan telah memperhitungkan untung dan ruginya. Manakala skor pada tahap yang rendah menunjukkan individu yang "buldos" terburu – buru sanggup mengambil risiko tanpa menghitung untung dan ruginya dan individu yang tidak sanggup memperuntukkan masa dan wang ringgit untuk menganalisa dan mengambil risiko. Individu yang menjadi usahawan selalu rugi.

Jadual 19: Tahap Efikasi (Ketahanan dalaman) (n=1276)

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah (1.0) - (8.33)	496	38.9
Sederhana (9.0) - (16.66)	682	53.4
Tinggi (17.0) - (25.0)	98	7.7
Jumlah	1276	100.0

Skor pada tahap efikasi ketahanan yang tinggi adalah individu yang cemerlang dari segi ketahanan dan kemampuan diri untuk terus memiliki daya tahan dalam kerjaya keusahawanannya dan dapatan kajian seramai 98 orang atau 7.7% telah memperoleh skor yang tinggi dan memiliki ciri- ciri untuk menjadi seorang usahawan. Skor sederhana iaitu 682 orang atau 53.4% yang berada pada tahap efiaksi yang sederhana dan perlukan motivasi untuk teruskan perjuangan dalam kerjaya keusahawanan. Skor pada tahap yang rendah iaitu seramai 682 orang atau 53.4% responden memiliki efikasi yang rendah dan tidak berkemampuan untuk meneruskan perjuangan untuk menjadikan dirinya seorang usahawan dan perlukan intervensi.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN MENGENAI PENERIMAAN PENDEKATAN PSIKOLOGI DENGAN MENGAPLIKASIKAN INSTRUMEN PENGUKURAN PSIKOLOGI UNTUK MEMBANGUNKAN USAHAWAN MALAYSIA

Usaha untuk melahirkan usahawan dari kalangan siswa/siswazah bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan dengan mudah seperti mengambil peperiksaan, mendapat ijazah dan sebagainya. Kerjaya keusahawanan merupakan satu bidang yang menuntut kesabaran yang tinggi dan memerlukan individu yang memiliki kekuatan dalaman *inner-part* atau *inner-knowledge* (Dahlan, 2004). Di sini kajian yang telah dijalankan untuk menilai sejauhmanakah kesediaan siswa/siswazah dari segi niat yang jitu serta kesungguhan untuk berkeusahawanan dan mempunyai perancangan untuk berkeusahawanan. Minat yang tersedia untuk berubah daripada makan gaji kepada menjadi seorang usahawan. Kesediaan dengan ciri-ciri kompetensi keusahawanan diri yang iaitu dapat menguasai cabaran (*coping skill*), kemahiran memujuk dan membina jaringan Mempunyai estim keusahawanan diri, kreativiti dan asertif sebagai seorang usahawan yang memiliki personaliti yang berkualiti selaras dengan ciri-ciri yang yang dituntut untuk menjadi seorang usahawan Dalam Konteks Malaysia, seseorang yang ingin menjadi usahawan juga dituntut supaya memiliki ilmu, yakin dan percaya kepada agama dan berakhlak serta jujur dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Efikasi keusahawanan diri merangkumi aspek-aspek yang membantu seseorang untuk terus bertahan dalam bidang keusahawanan. Tidak berputus asa, mempunyai efikasi dalam mendapatkan sumber, *resourceful* serta ada sahaja jawapan untuk menyelesaikan segala masalah dan dapat menghayati kemungkinan risiko yang mendatang. Ciri-ciri niat, minat, kompetensi, personaliti, religiositi dan efikasi merupakan atribut psikologi yang perlu diukur dengan tret-tret psikologi bagi menentukan ketepatan serta keselarasan atribut psikologi keusahawanan dengan ciri-ciri individu yang ingin menjadi seorang usahawan.

Kemungkinan terdapat kepincangan yang berlaku di agensi pembangunan keusahawanan di negara ini lebih-lebih lagi Kementerian Pembangunan Usahawan yang merupakan agensi utama atau *focal point* untuk membangunkan usahawan di negara ini melalui latihan keusahawanan tidak ada kaedah untuk menilai kesediaan siswa/siswazah untuk memilih menentukan siswa / siswazah yang memiliki kecenderungan yang tinggi untuk menjadi usahawan.

Dapatan kajian ini menunjukkan siswa/siswazah (belia) yang memiliki tahap kecenderungan yang tinggi hanya 16.8 %, minat untuk berkeusahawanan pada tahap tinggi 8.33%, kompetensi keusahawanan diri 15.6%, personaliti 27.9 %, tahap keagamaan dan keusahawanan 16.8% dan efikasi keusahawanan ialah 21.5 %. Untuk menjadikan usahawan dari kalangan siswa/siswazah. Daripada 1276 responden yang diukur untuk menjadi usahawan purata adalah 28 % atau 357 orang sahaja yang memiliki kecenderungan yang tinggi untuk menjadi usahawan. Tidak semua siswa/siswazah yang boleh dipaksa terus untuk menjadi usahawan.

KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Usaha untuk melahirkan usahawan bukan suatu perkara boleh dilakukan dengan mudah seperti mengambil peperiksaan, mendapat ijazah dan sebagainya. Kerjaya keusahawanan menuntut kesabaran yang tinggi dan memerlukan individu yang memiliki kekuatan dalaman ("inner-part"). Bagi menjadikan usahawan yang lestari dan berdaya maju memerlukan ciri-ciri atau atribut serta kekuatan dalaman di antaranya niat serta kesungguhan untuk berkeusahawanan, minat untuk berkeusahawanan, kompetensi keusahawanan, personaliti keusahawanan, kepercayaan serta keyakinan terhadap agama serta memiliki nilai dan etika dalam menjalankan perniagaan dan efikasi atau ketahanan serta kemampuan untuk bertahan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Ciri-ciri ini merupakan ciri psikologi yang perlu diukur dengan tret-tret psikologi bagi menentukan ketepatan serta keselarasan ciri-ciri keusahawanan dengan ciri-ciri individu yang ingin menjadi seorang usahawan yang memerlukan atribut psikologi keusahawanan. Setakat ini agensi pembangunan keusahawanan di negara ini kurang menggunakan pendekatan psikologi untuk memilih peserta bagi menceburi dalam bidang perniagaan samaada untuk melatih mereka untuk menjadi usahawan atau memberi kemudahan pinjaman. Kemungkinan terdapat kepincangan dari segi pendekatan dalam proses pengambilan dan pemilihan peserta khususnya dari kalangan belia untuk menyertai program pembangunan keusahawanan yang hanya menekankan aspek demografi dan fizikal semata-mata tanpa menilai dari segi aspek psikologi. Bagaimana baik sekali pun pihak-pihak yang menganjurkan program pembangunan keusahawanan dengan menyediakan kemudahan latihan dengan memberi skim pinjaman perniagaan, premis- premis perniagaan dan lain-lain kemudahan infrastruktur, akan menjadi terbatas sekiranya pengurusan sumber manusia yang menyentuh aspek psikologi diabaikan (Aishah,2008).

Setakat ini, agensi pembangunan usahawan yang melaksanakan program pembangunan keusahawanan tidak menggunakan alat pengukuran psikologi mengikut acuan tempatan. Kebanyakan daripada prosedur pemilihan ini berpandukan kepada penilaian fizikal terhadap kebolehan atau kemungkinan kebolehan seseorang calon untuk terus berdaya maju sebagai seorang usahawan. Pengukuran psikologi juga merupakan kaedah pengukuran terbaik kerana berupaya memberikan penilaian yang lebih tepat dan mendalam berbanding dengan kaedah lain, kerana pengukuran psikologi menggunakan prosedur standard yang membolehkannya kurang dipengaruhi bias. Dalam pada itu, pengukuran psikologi mempunyai kaedah khusus untuk menilai keberkesanan alat pengukuran bagi mengukur ciri- ciri yang dikehendaki. Pengukuran psikologi juga lebih sahih dan mendapat keputusan yang tepat berbanding dengan kaedah lain (Sidek Mohd Noah, 1998). Alat pengukuran psikologi mempunyai prosedur yang standard dan bagi memastikan alat pengukuran digunakan dengan sepenuhnya untuk mengukur dimensi atau gagasan yang ingin diukur dengan tepat. Walaupun pengukuran psikologi untuk membangunkan usahawan di negara ini bagi mengenalapsti calon yang mempunyai potensi untuk berjaya sebagai usahawan telah lama dilakukan, namun alat pengukuran psikologi yang digunakan adalah dari barat yang mempunyai *culture bias*.

Sebahagian besar pengukuran psikologi yang ada di Malaysia adalah berasal dari luar negara yang mempunyai budaya yang berbeza dengan budaya tempatan. Oleh itu, muncul permasalahan keputusan pengukuran psikologi, interpretasi dan aplikasinya. Kebudayaan di setiap negara bahkan di dalam suatu negara di antara suku-suku atau golongan didapati berbeza. Stimulus yang berlainan akan menimbulkan reaksi yang berlainan, maka perbezaan kebudayaan akan membentuk perbezaan dari segi kebiasaan dan bentuk tingkah laku. Di dalam pengukuran, perbezaan ini akan menghasilkan perbezaan skor. Kebudayaan juga akan mempengaruhi hasil pengukuran dan juga akan mengurangkan kesahan pengukuran. Walaupun konsep gagasan, item-item atau kriteria yang dibuat bersifat universal namun penyelidik berpendapat alat pengukuran dari luar negara yang mempunyai kesahan baik, tidak semestinya mempunyai kesahan yang baik pula di Malaysia. Alat pengukuran dari luar negara pula perlu dilakukan cara perterjemahan berulang ulang. Oleh itu, pengukuran psikologi keusahawanan yang telah dibina ini adalah berdasarkan budaya tempatan. Penggunaan kaedah kualitatif melalui *indept interview* untuk meneroka *Tacit knowledge* keusahawanan merupakan asas utama yang melahirkan tingkah laku asal yang lahir melalui proses sosialisasi, undang-undang, peraturan, budaya, persekitaran kefahaman serta ciri-ciri kekeluargaan usahawan melalui pengalaman *heuristic* seseorang usahawan tempatan. Justeru itu, kesahan dan kebolehpercayaan pengukuran psikologi keusahawanan perlu dikenalpasti supaya dapat mengukur kecenderungan atau niat untuk berkeusahawanan, minat untuk berkeusahawanan, personaliti keusahawanan, religiositi keusahawanan dan efikasi keusahawanan yang menjadi teras utama dalam membangunkan usahawan yang berdaya saing dan berdaya maju di abad ini.

Kajian ini memperkenalkan pengukuran psikologi acuan tempatan untuk digunakan bagi mengukur ketepatan bagi memilih siswa/siswazah untuk menceburi dalam kerjaya keusahawanan. Pengukuran psikologi keusahawanan belia yang pertama dibangunkan di Malaysia yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi mengikut budaya dan acuan Malaysia "Malaysian Youth Entrepreneurs Phycological Test "(MY-EPT) yang dihasilkan ini akan dapat mengatasi masalah kepada kerajaan khususnya dalam membangunkan siswa/siswazah di IPT dan lepasan IPT (belia) dalam luar negara.. Strategi pembangunan insan dengan menggunakan manusia sebagai modal untuk (pembangunan insan iaitu melahirkan usahawan masa kini dan akan datang, sama ada diperingkat makro mahu pun mikro lebih menekankan kepada kualiti sumber manusia kerana ia akan mampu meningkatkan produktiviti yang lebih efisien. Alat pengukuran psikologi untuk membangunkan usahawan ini juga akan dapat menyelesaikan masalah seramai 45, 000 siswa/siswazah berminat untuk menyertai program pembangunan keusahawanan yang sebelum ini menggunakan menggunakan alat ujian Minat Kerjaya oleh Holland yang dialihbahasakan oleh Sidek Mohd. Noah, 1998) dan ujian kompetensi keusahawanan oleh McClelland, 1986 yang digunakan untuk program Skim Usahawan Siswazah (SUS) yang dihasilkan dari barat dan sudah terlalu lama dan memerlukan dimensi teras serta bersesuaian untuk membangunkan usahawan di era globalisasi dan liberalisasi ini. Alat ujian minat kerjaya ini, sebenarnya tidak dapat mengukur atribut psikologi keusahawanan individu yang tepat, kerana ianya hanya mengukur dari segi minat kerjaya sahaja dan tidak mengukur atribut psikologi individu

yang ingin menjadi seorang usahawan.

MYEPT merupakan alat pengukuran psikologi keusahawanan yang khusus untuk diaplikasikan dalam program pembangunan keusahawanan yang ada kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi mengambil kira ruang lingkup yang berkaitan dengan niat, minat, kompetensi, personaliti, religiositi keusahawanan dan efikasi keusahawanan diri untuk menjadi usahawan (*Entrepreneur self efficacy*) yang merupakan elemen teras untuk membangunkan usahawan belia di negara ini. Penggunaan pendekatan psikologi dengan mengaplikasikan MYEPT akan dapat memilih siswa/siswazah yang tepat dengan *vocation* mereka sebagai seorang yang berpotensi untuk menjadi seorang usahawan, yang mempunyai keselarasan seperti kecenderungan serta niat untuk berkeusahawanan, minat untuk berkeusahawanan, kompetensi yang dimiliki, personaliti yang berkualiti dalam bidang keusahawanan, tahap keagamaan yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan dan efikasi atau kemampuan, ketahanan serta kecekalan untuk meneruskan kerjaya sebagai seorang usahawan yang berdaya saing dan berdaya maju.

MY-EPT merupakan pengukuran psikologi keusahawanan yang mengambil kira dari aqliah dan naqliah yang menitikberatkan keseimbangan usahawan dari segi kecerdasan fikiran, kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual. Melalui ketiga-tiga kecerdasan ini akan dapat mengimbangi kecerdasan individu yang tidak hanya bias kepada fikiran dan emosi semata-mata, tetapi dapat mengimbangi sipiritual yang menjadi tuntutan kemanusiaan masa kini yang semakin pupus dengan nilai-nilai etika perniagaan yang hanya menitikberatkan keuntungan tanpa mementingkan nilai-nilai moral dan keagamaan. Kegagalan siswa/siswazah dalam bidang perniagaan perlu diberi perhatian secara serius, kerana ianya ianya mengakibatkan kerugian kepada negara. Melalui pendekatan MYEPT ini pihak agensi pembangunan usahawan lebih-lebih lagi Kementerian Pembangunan Usahawan sendiri dapat mewujudkan satu kaedah pengukuran dalam menentukan ketepatan dalam membuat pemilihan siswa/siswazah yang layak untuk menceburi dalam bidang keusahawanan melalui latihan dan pemberian modal pinjaman perniagaan.

Kajian ini telah berjaya mengenalpasti keperluan pendekatan psikologi keusahawanan dengan mengaplikasikan pengukuran psikologi penghasilan tempatan iaitu MYEPT yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Alpha 0.88 untuk menilai ciri-ciri serta keselarasan siswa/siswazah yang ingin menjadi usahawan dengan ciri-ciri kerjaya keusahawanan seperti kesungguhan / niat untuk berkeusahawanan, minat untuk berkeusahawanan, kompetensi keusahawanan, personaliti keusahawanan, religiositi keusahawanan dan efikasi keusahawanan diri. keusahawanan belia boleh dimanfaatkan untuk memilih individu belia yang tepat untuk diberi latihan dan pinjaman perniagaan bagi program pembangunan keusahawanan negara yang menjadi belia (insan) sebagai modal pertama sebelum diberi bantuan kewangan yang merupakan modal kedua. Pengukuran ini juga boleh dijadikan indikator dalam menilai petunjuk-petunjuk yang membolehkan seseorang boleh menjadi seorang usahawan atau sebaliknya.

Pendekatan psikologi dengan menggunakan instrumen MYEPT ini akan menyingkatkan masa proses pemilihan dari kalangan siswa/siswazah yang benar-benar ingin menjadi usahawan dan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensi- agensi yang membangunkan usahawan siswa / siswazah tidak membazir peruntukan yang besar untuk membangunkan bilangan siswa/siswazah yang bukan semua dari kalangan mereka yang ingin menjadi usahawan

Cadangan

1. Berdasarkan dapatan kajian ini, agensi pembangunan usahawan yang menganjurkan program pembangunan keusahawanan di negara ini disarankan menggunakan pendekatan psikologi dengan mengaplikasikan alat pengukuran psikologi keusahawanan acuan tempatan yang ada kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi tujuan untuk mengetahui individu yang ingin menjadi seorang usahawan memiliki keselarasan ciri-ciri individu dengan ciri-ciri kerjaya sebagai seorang usahawan. Alat pengukuran psikologi keusahawanan belia ” *Malaysian Youth Entrepreneurs Psychological Test* (MY- EPT) merupakan pengukuran yang tepat untuk digunakan untuk memilih siswa/siswazah IPT untuk menjadi usahawan.
2. Agensi pembangunan usahawan di negara ini digalakkan untuk menggunakan kaedah saringan dengan menggunakan MY-EPT untuk memilih peserta yang memiliki ciri-ciri keusahawanan yang terdapat dalam instrumen MY-EPT, kerana kaedah ini merupakan proses pemilihan yang tepat dan boleh dipercayai.
3. Pendekatan psikologi dengan menggunakan instrumen MY-EPT ini perlu digunakan oleh agensi-agensi yang membangunkan siswa/siswazah yang ingin menjadi usahawan bagi tujuan untuk menyingkatkan masa proses pemilihan dari kalangan siswa/siswazah yang benar-benar ingin menjadi usahawan serta mengelak daripada berlakunya pembaziran kewangan serta masa yang diperuntukan, kerana tidak semua belia atau siswa/siswazah di IPT yang memiliki niat, minat, kompetensi serta personaliti seorang usahawan.
4. Model Pembangunan Usahawan siswa/siswazah di IPT belia dengan menggunakan pendekatan psikologi keusahawanan acuan tempatan yang ada kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi perlu dibangunkan oleh pihak kerajaan atau agensi pembangunan usahawan dalam membangunkan belia di negara ini.
5. Pihak agensi pembangunan usahawan perlu membangunkan modul latihan pembangunan usahawan belia atau siswa/siswazah berkaitan dengan pembangunan ciri-ciri teras untuk menjadi usahawan seperti niat serta kesungguhan untuk menjadi usahawan, minat untuk berkeusahawanan, kompetensi serta personaliti teras yang diperlukan untuk menjadi seorang

usahawan, keperluan keusahawanan dan keagamaan serta efikasi serta kecekalan untuk menjadi usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan.

6. Di cadangkan pihak agensi pembangunan usahawan perlu membangunkan Indeks Pembangunan Usahawan dari kalangan belia dengan menggunakan pendekatan psikologi iaitu dimensi didalam MY-EPT sebagai indikator pencapaian selain daripada pencapaian fizikal perniagaan mereka.
7. Di cadangkan juga supaya pendekatan psikologi keusahawanan dengan mengaplikasikan pengukuran MY-EPT untuk mendiagnosis belia yang telah menjadi usahawan agar mereka dapat mengukur tahap pencapaian mereka sebagai seorang usahawan yang menyentuh dari segi aspek psikologi dan untuk meningkatkan motivasi mereka supaya terus sustain menjadi usahawan.

RUJUKAN

- Adnan Alias. (1998). *A Study of Entrepreneur Characteristic Business Plans and Start-up Capital of Unsuccessful New Ventures: Case Study of a Venture Creation Program in Developing Country*. Dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan, A. & Mohd. Dahlan, I. (2002). *Konsep Keusahawanan Islam*. Selangor: MEDEC, Institut Teknologi MARA, Shah Alam.
- Ainon Mohamad. (2003). *Psikologi Kejayaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azimi, H., Awang, M. & Aishah, K. (2004). *Penyelidikan dan Pembangunan Belia. Dalam Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional*. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan.
- Bandura, A. (1986). *The Social Foundations of Thought and Actions*. NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1977). *Self Efficacy Theory*. Diakses dari <http://search.yahoo.com/search?p=Efficacy+theory+in+entrepreneur+research&sp=1&ei> pada 17/10/2005.
- Brockhaus, Sr. (1982). *The Psychology of the Entrepreneur in: Encyclopedia of Entrepreneurships*. New Jersey: Englewood Cliffs.
- Brown, F.G. (1983). *Principle of Education and Psychological Testing*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Boam, R. & Sparrow, P. (1992). The rise and rationale of competency-based approaches. Dalam R. Boam & Sparrow (Ed.), *Designing and achieving competency: A Competency-based Organizations*. New York: Kogan Page.

- Cattel, R.B. & Stice, G.F. (1962). *Handbook for the 16PF Questionnaire Champaign*. 111.: IPAT.
- Gary Rabbior. (1997). *Framework for Youth Entrepreneurships Success*. Canadian: Foundation for Economic Education. Lang and Ackroyd Production Inc.
- Greenberg Eric Rolfe. (1997). Testing measure UP for quality control. *HR fokus*, 74(10), Oct., 2.3/4
- Hamad Kama Piah. (1999). *Kongres Ekonomi Bumiputera*. Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.
- Holland, J.L. (1985). *Assessment Booklet. A Guide to Educational and Vocational Planning*. Florida: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Human Hj, Mohamed. (1996). *Keusahawanan di Malaysia, Asas Keusahawanan*. Selangor: Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), Shah Alam, Universiti Institut Teknologi Mara.
- Institut Keusahawanan Negara. (2006). *Kajian Keberkesanan Strategi dan Program Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
- Jacinta Bronte & Zakia Redd, M.P.P. (2001). *The Effects of Entrepreneurial Training and Venture Creation on Youth Entrepreneurial Attitudes and Academic Performance*. DC Children and Youth Investment Trust Corporation. Universiti of South Florida.
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. (2004). *Bengkel Persediaan RM ke-9- Program MPPB 2010*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Usahawan.
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. (2004). *Bengkel Persediaan RM ke-9 – Program MPPB 2010*.
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. (2006). *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.
- Lumpkin & Dess. (1996). *Entrepreneurial Orientation Program (EOP)*. Canada: Human Resources Development.
- Mahmood, N.M. (1988). An exploration of the personality profile of small business Bumiputra entrepreneurs. *Malaysia Management Review*, 28(2) Aug., 11-19.

- McClelland & Cowel. (1976). *The Achievement Motion* (Edisi Kedua). New York: Appleton- Century -Croft.
- Md Nor Othman, Ezlika Ghazali & Ong Chee Cheng. (2004). Demographic and personal characteristics of urban Malaysian entrepreneurs: An ethnic comparison. Dalam Adnan, Ismail & Za'faran (Ed.), *SMEs in A Global Economy*. MEDEC: Shah Alam.
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the Adolescent Self-image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Robert, J. (2006). *Entrepreneurial Intention*. New York, Oxford: Oxford University Press.
- Sidek Mohd. Noah. (1998). *Penilaian dalam Kaunseling*. Serdang: IDEAL- UPM.
- Super, D.E. (1972). Vocational Development Theory: Person, Positions Processes. Dalam J.M Whitley and A. Resnikoff (Ed.), *Perspectives on Vocational Guidance*. Washington, D.C: American Personnel and Guidance Association.
- Wavers. (1996). Why use psychological assessment? *Management*, 43(1) Feb., 29, 1/7p.
- Zaidatol Akmaliah, L. and Habibah, E. (1998). *Keusahawanan Motivasi Diri*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Gejala Mat Rempit di Lembah Klang

Haslinda Abdullah, Zaid Ahmad, Nobaya Ahmad dan Syamsihana Ghazali
Universiti Putra Malaysia

PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, masalah sosial dan keruntuhan akhlak terutamanya di kalangan golongan belia di negara ini semakin jelas dan parah sehingga ke tahap yang amat membimbangkan semua pihak selain menjadi isu polemik yang sering diperkatakan. Kertas Kerja ini akan membentangkan salah satu isu terkini berkaitan belia di Malaysia iaitu isu golongan belia yang memandu motosikal secara merbahaya di jalan raya yang lebih dikenali sebagai mat rempit. Walaupun tingkah laku menunggang secara merbahaya telahpun ada sebelum ini, ianya tidak menjadi isu yang besar kerana jumlah mereka yang terlibat tidak begitu ketara. Dewasa ini ianya menjadi kritikal kerana tingkah laku 'merempit' ini turut melibatkan isu sosial yang lain seperti dadah, ragut dan bunuh. Penulis berpendapat bahawa isu merempit ini merupakan menifaestasi daripada suatu himpunan masalah yang lebih besar dari merempit. Ini kerana sekiranya suatu jalan penyelesaian ingin dirangka bagi mencegah isu ini daripada terus berleluasa, isu sebenar yang mendasari gejala merempit ini perlu dikenalpasti.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek, fenomena merempit merupakan satu ledakan budaya yang berlaku di mana-mana negara seperti yang dipaparkan dalam filem *Hollywood* seperti *Tokyo Drift* dan *The Fast and the Furious*. Masalah sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan belia ini merupakan implikasi daripada arus globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat yang telah membawa pensejagatan budaya dalam kehidupan selain kemiskinan, tahap pendidikan yang rendah, keluarga yang tidak stabil, gangguan struktur keluarga, hubungan kekeluargaan yang lemah dan nilai tradisi yang longgar atau tidak lagi wujud.

Belia adalah golongan individu yang muda secara keseluruhannya dan ianya boleh terdiri daripada lelaki dan wanita (Kamus Dewan, 2000). Pelbagai definisi belia dikemukakan sama ada berdasarkan nilai ataupun umur seseorang. Belia berdasarkan perspektif nilai adalah apabila melihat belia sebagai golongan yang mempunyai semangat serta cita-cita murni, idealisme dan dianggap oleh masyarakat sebagai seorang belia (Azizan Bahari, 1991). Manakala definisi berdasarkan umur adalah lebih memfokus kepada usia seseorang. Selain itu, takrif belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja "Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara" (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan 1) mempunyai persamaan takrif dengan Majlis Belia Malaysia 1985, 2) ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun dan 3) ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggalkan kesan secara menyeluruh (dalam Kim Hak-Su, 2002; Mohd Ismail Mustari, 2005).

Di Malaysia, golongan belia ialah mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun (Undang-Undang Malaysia, 2007). Lingkungan umur yang diguna pakai oleh Malaysia ini disifatkan sebagai '*economically active*'. Walaubagaimanapun, secara khususnya belia boleh dilihat sebagai satu golongan atau kumpulan umur anggota sesebuah masyarakat yang mempunyai tingkah laku dan budaya tertentu (Husain Mohamed, 1997). Selain itu menurut Jamilah (1998), belia boleh dilihat berdasarkan sudut fizikal, tanggungjawab sosial dan kemampuan individu selaras dengan kehendak ahli dalam sesebuah masyarakat dan budaya yang dianggotainya.

Golongan belia adalah tonggak utama sesebuah negara untuk membangunkan negara setaraf dengan negara antarabangsa. Mereka sering diuar-uarkan sebagai aset penting dan generasi penerus kepimpinan masa hadapan yang bersesuaian dengan ungkapan '*pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara*'. Generasi muda hari ini yang akan menjadi pewaris negara akan menentukan hala tuju pembangunan negara. Berjaya atau tidak adalah bergantung kepada pelaburan kita kepada generasi muda. Generasi muda perlu mempunyai ciri dan nilai baru untuk memastikan negara terus menjadi kompetitif, baik dalam aspek ekonomi, politik dan juga sosial (Samsudin A. Rahim, 2007).

Isu Merempit

Tingkah laku merempit ini menjadi isu sosial apabila ianya turut melibatkan tingkah laku negatif yang lain. Antara aktiviti yang dilakukan oleh Mat Rempit adalah lumba haram, judi, dadah, perempuan dan ragut. Lumba haram termasuk di dalam Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Kebanyakan motosikal yang digunakan oleh Mat Rempit tidak memenuhi piawaian dan standard yang ditetapkan oleh PUSPAKOM ataupun telah diubah suai. Malah ada juga segelintir Mat Rempit yang tidak mempunyai lesen sah, tidak membayar cukai jalan dan menunggang motosikal curi. Selain itu, Mat Rempit juga dikaitkan dengan pelbagai gejala sosial yang lain seperti kegiatan gengster, ragut, merompak, pergaduhan, vandalisme dan juga membuli.

Berdasarkan statistik Ops Lumba haram bagi tahun 2007, sebanyak 1,014 jumlah tangkapan di bawah Seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 di seluruh negeri telah dilakukan bagi membanteras masalah lumba haram yang semakin meningkat saban tahun. Statistik Ops Lumba Haram dari tahun 2004 hingga 2007 menunjukkan peningkatan jumlah tangkapan di mana pada tahun 2004 sebanyak 498 tangkapan telah dibuat. Walaupun pada tahun 2005 dan 2006 angkanya menurun kepada 699 dan 616, namun jumlah tangkapan tetap tinggi. Manakala jumlah tangkapan pada tahun 2007 menunjukkan peningkatan yang mendadak iaitu sebanyak 1,014 kes. Ini jelas menunjukkan gejala lumba haram berada di tahap kritikal dan memerlukan langkah intervensi yang berkesan supaya masalah ini dapat ditangani dengan segera.

Aktiviti lumba haram ini adalah salah di sisi undang-undang kerana secara amnya aktiviti rempit ini telah melanggar undang-undang di bawah Seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Kebanyakan Mat Rempit ini menunggang motorsikal di

bawah pengaruh alkohol dan dadah (Syner dan Vegega, 2001) dan (Holmgren, Holmgren dan Ahlner, 2004) dan ia merupakan salah satu bentuk tingkah laku agresif yang sering dilakukan oleh Mat Rempit. Selain itu, tingkah laku mereka juga menjadi lebih agresif apabila sesetengah mereka mengambil pil-pil khayal, dadah dan juga meminum arak. Pengambilan dadah, pil dan meminum arak bertujuan untuk meningkatkan keberanian ketika beraksi di jalan raya. Namun, tidak semua mat-mat motor terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan meminum arak kerana ia adalah kehendak individu itu sendiri bukan kerana paksaan dan sebagai lambang kumpulan.

Kegiatan Merempit

Aktiviti merempit sering dilakukan pada malam minggu atau pada hari perayaan tertentu oleh golongan belia hari ini. Kebanyakan Mat Rempit berlumba sekadar untuk mendapatkan kepuasan diri sendiri, menghilangkan tekanan serta berlumba hanya untuk menguji kelajuan motorsikal selain menunjukkan kehebatan aksi-aksi merbahaya kepada orang awam. Kegiatan ini menarik minat muda mudi dalam mencari keseronokan dengan menunggang motorsikal mereka secara merbahaya dan berisiko (Mannering dan Grodsky, 1995). Aksi merbahaya dan berisiko adalah sesuatu yang menarik dan patut dicuba. (Leaman dan Finch, 1987). Mat Rempit beranggapan bahawa dengan menunjukkan aksi atau *skill* akan menjadikan diri mereka lebih '*macho*' di jalan raya. Golongan muda juga mempunyai rangsangan tinggi untuk mencari sensasi (*sensation seeking*) dengan memandu secara bahaya atau menunggang motosikal dengan laju. Dengan cara itu, mereka akan dipandang sebagai 'jantan' dan berani oleh rakan-rakan sebaya mereka (Novandri Hasan Basri, 2007). Selain itu, motivasi utama kepada kegiatan lumba haram ini ialah ganjaran yang lumayan seperti wang, motorsikal, arak dan wanita.

Mat Rempit ini juga tidak pernah terkecuali daripada isu pergaduhan. Pergaduhan sering berlaku di kalangan Mat Rempit berikutan daripada kalah perlumbaan, tidak dapat membayar wang pertaruhan dan faktor pergaduhan yang paling utama adalah kerana wanita. Namun, jarang sekali kes melibatkan pergaduhan yang besar sehingga melibatkan kematian. Selain daripada terlibat dalam pergaduhan, segelintir mat rempit juga bersikap agresif dengan melakukan *vandalisme* atau merosakkan harta benda awam, mencuri motosikal, serta membaling objek kepada kereta dan orang. Keganasan Mat Rempit ini berterusan apabila timbulnya kes-kes ragut yang menyebabkan kematian sehingga wujudnya isu berkaitan penukaran istilah mat rempit kepada samseng jalanan oleh Ketua Trafik Bukit Aman, Datuk Abdul Aziz Yusof baru-baru ini.

Aktiviti merempit juga menyebabkan kemalangan jalan raya sama ada diri sendiri atau orang lain berikutan daripada sikap berani menanggung risiko dalam membuat aksi-aksi merbahaya. Kajian mendapati bahawa golongan muda yang kerap terlibat di dalam kemalangan jalan raya adalah di kalangan mereka yang berani untuk mengambil risiko yang tinggi (Elliot, Baughan dan Sexton, 2006). Menurut Vasallo, Smart, Sanson, Harrison, Harris, Cockfield dan McIntyre (2006), golongan muda lebih kerap terlibat dalam kemalangan raya disebabkan cara pemanduan merbahaya mereka. Menurut

kajian ini, corak pemanduan golongan muda dipengaruhi oleh sikap panas baran, corak pembelajaran pemanduan yang mereka terima, pengaruh rakan-rakan dan juga masalah sosial yang dialami. Mat Rempit mempunyai jaringan rakan sebaya yang mempunyai matlamat yang sama iaitu inginkan keseronokan berlumba sebagai satu cara bersosial (Rozmi & Norhayati, 2007).

Kebiasaannya, Mat Rempit terlibat dengan kemalangan ketika berlumba dan melakukan aksi-aksi yang berbahaya seperti *wheelie*, *wikang*, *cilok* dan *superman* dengan had laju yang melebihi 100 km/jam. Kajian membuktikan bahawa penunggang motorsikal lebih gemar untuk menunggang motorsikal mereka dengan laju dan kerap memotong kenderaan lain jika hendak dibandingkan dengan pengguna kenderaan yang lain (Horswill dan Helman, 2003). Kebanyakan kemalangan hanya melibatkan kecederaan yang ringan dan langsung tidak membataskan mereka meneruskan aktiviti rempit ini. Bagi pendapat Mat Rempit, semakin banyak pengalaman kemalangan, mereka semakin berani dan seakan lebih berkuasa.

METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan Kumpulan Berfokus ini melibatkan 2 kumpulan Mat Rempit yang aktif menyertai aktiviti lumba haram di sekitar Lembah Klang. Perbincangan Kumpulan Berfokus yang pertama telah diadakan pada 1 November 2008 di Masjid India, Kuala Lumpur pada pukul 4.20 hingga 6.00 petang melibatkan 6 orang informan. Manakala Perbincangan Kumpulan Berfokus yang kedua pula diadakan pada 12 November 2008 di Bandar Baru Bangi pada pukul 8.30 malam hingga 11 malam melibatkan 7 orang informan. Pemilihan informan adalah dengan menggunakan teknik *snowball* dengan bantuan rakan mat motor. Tujuan Perbincangan Kumpulan Berfokus ini adalah untuk memperolehi maklumat awal berkaitan aspek demografik, sosial dan psikologi Mat Rempit. Selain itu, hasil Perbincangan Kumpulan Berfokus ini seterusnya dapat membentuk instrumen kajian untuk proses pengumpulan data. Skop utama Perbincangan Kumpulan Berfokus yang dilakukan adalah untuk melihat latar belakang Mat Rempit, keterlibatan dalam aktiviti lumba motorsikal, hubungan sosialisasi antara ibu bapa dan hubungan sosialisasi antara rakan sebaya.

Latarbelakang Informan

Kesemua informan yang melibatkan diri dalam aktiviti Mat Rempit adalah dalam lingkungan umur di antara 18 hingga 25 tahun, berbangsa Melayu dan tinggal di kawasan bandar di sekitar Cheras dan Bangsar. Kesemua informan adalah bujang dan seorang telah berkahwin. Tahap pendidikan minimum informan adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ada di antaranya melanjutkan pengajian yang lebih tinggi di Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Kolej Proton di dalam jurusan Elektrikal dan Automobil. Kesemua informan telah bekerja sepenuh masa dan mempunyai kerja sampingan untuk menambahkan sumber pendapatan. Informan yang terlibat bekerja sebagai pendawai penghantar surat dan tidak bekerja. Dari segi pendapatan pula, purata pendapatan bulanan mereka adalah di dalam lingkungan RM500 hingga RM2000.

Pendapatan ini digunakan untuk pengubahsuaian motor untuk meningkatkan prestasi motor ketika berlumba. Kesemua informan mempunyai lesen memandu yang sah.

KETERLIBATAN DALAM AKTIVITI REMPIT

Hari dan Kawasan Perlumbaan

Berdasarkan maklumat informan, kegiatan lumba haram kebiasaannya diadakan pada malam minggu iaitu malam Sabtu dan Ahad selain malam perayaan tertentu seperti Hari Kemerdekaan. Kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan mereka untuk berlumba adalah di Dataran Merdeka, Maju *Junction*, Titiwangsa, Bukit Raja, *Uptown* Damansara dan Pertama kompleks. Selain itu, mereka juga gemar berlumba di kawasan lebuhraya seperti di Connought dan KESAS. Bagi mendapat lebih keseronokan dan kepuasan, mereka lebih berminat untuk berlumba di jalan-jalan yang sesak kerana ia dikatakan lebih mencabar dan boleh melakukan aksi *cilok* atau mencelah-celah di jalan raya.

Aktiviti lumba motor kebiasaannya berlaku secara tidak dirancang atau spontan di mana pada mulanya *Mat-mat Motor* berkumpul di kedai-kedai makan. Seterusnya, mereka akan berkonvoi dengan menaiki motosikal dan akhirnya menunjukkan aksi dan kehebatan mereka. Perlumbaan ini biasanya tidak melibatkan sebarang pertaruhan kerana ia hanya bertujuan untuk keseronokan dan menunjukkan kehebatan masing-masing. Kebiasaannya perlumbaan dilakukan hanya dalam lingkungan 1 hingga 2 kilometer sahaja, sehala dengan had laju di antara 120 hingga 140km/jam.

Tujuan Perlumbaan

Hasil perbincangan kumpulan berfokus ini mendapati bahawa kesemua informan berlumba sekadar untuk mendapatkan kepuasan diri sendiri selain menghilangkan tekanan. Ia menarik minat muda mudi dalam mencari keseronokan dengan menunggang motorsikal mereka secara merbahaya dan berisiko (Mannering dan Grodsky, 1995). Walau bagaimanapun, mereka juga pernah menerima wang pertaruhan hasil daripada perlumbaan. Namun, mereka tidak terlibat dengan saguhati pertaruhan seperti wanita. Mereka berlumba hanya untuk menguji kelajuan motorsikal selain menunjukkan kehebatan aksi-aksi merbahaya kepada orang awam. Pada pendapat mereka, aksi merbahaya dan berisiko adalah sesuatu yang menarik dan patut dicuba (Leaman dan Finch, 1987). Menurut kesemua informan, menunjukkan aksi atau kemahiran akan menjadikan diri mereka lebih '*macho*' di jalan raya. Golongan muda juga mempunyai rangsangan tinggi untuk mencari sensasi dengan memandu secara bahaya atau menunggang motosikal dengan laju. Dengan cara itu, mereka akan dipandang sebagai 'jantan' dan berani oleh rakan-rakan sebaya mereka (Novandri Hasan Basri, 2007).

Jenis dan Kumpulan Mat Motor

Selain itu, perlumbaan juga melibatkan jenis motor yang sama seperti kumpulan *scooter*, kumpulan *RXZ*, kumpulan *EX5*, kumpulan *125z* dan sebagainya. Setiap kumpulan motor mempunyai identifikasi sendiri yang dapat dilihat melalui topi keledar, mempunyai *stiker* kumpulan tersendiri yang ditampal di topi keledar atau motor, baju dan topi. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah kumpulan yang tidak mengambil berat isu kumpulan dan jenis motorsikal di mana mereka boleh bersama-sama berkongsi aksi-aksi hebat mereka di jalan raya. Selain itu, kumpulan Mat motor ini juga mempunyai nama kumpulan bagi identifikasi kumpulan masing-masing. Di Lembah Klang, nama-nama kumpulan yang hebat dan disegani adalah seperti *Apacer*, *Apacer Sereng*, *Putra* dan sebagainya yang kebiasaannya mewakili kawasan masing-masing.

Lesen Memandu dan Saman

Kesemua informan memiliki lesen memandu yang sah dan memiliki motosikal sendiri iaitu dari jenis *scooter*. Kesemua informan adalah daripada kumpulan *scooter* yang berlumba di sekitar Lembah Klang. Hasil perbincangan mendapati kesemua informan menyatakan pernah dikenakan saman kerana melanggar undang-undang jalan raya seperti berlumba secara haram dan memandu secara melulu dan merbahaya di mana secara amnya aktiviti rempit ini telah melanggar undang-undang di bawah Seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Kesemua informan pernah dikenakan saman di antara sekali hingga 12 kali. Kajian mendapati bahawa melanggar undang-undang jalan raya (Chang dan Yeh, 2006), menunggang tanpa lesen motosikal yang sah (Hurt, Outlet dan Thom, 1981) dan juga menunggang motorsikal di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Syner dan Vegega, 2001) dan (Holmgren, Holmgren dan Ahlner, 2004) merupakan salah satu bentuk tingkah laku agresif.

Kemalangan

Kajian mendapati bahawa remaja yang kerap terlibat di dalam kemalangan jalan raya adalah di kalangan mereka yang berani untuk mengambil risiko yang tinggi (Elliot, Baughan dan Sexton, 2006). Menurut Vasallo, Smart, Sanson, Harrison, Harris, Cockfield dan McIntyre (2006), golongan muda lebih kerap terlibat dalam kemalangan jalanraya disebabkan cara pemanduan yang merbahaya. Menurut kajian ini, corak pemanduan golongan muda dipengaruhi oleh sikap panas baran, corak pembelajaran pemanduan yang mereka terima, pengaruh rakan-rakan dan juga masalah sosial yang dialami. Hasil Perbincangan Kumpulan Berfokus mendapati bahawa, kesemua informan pernah mengalami kemalangan ketika berlumba dan melakukan aksi-aksi yang merbahaya seperti *wheelie*, *wikang*, *cilok* dan *superman* dengan had laju yang melebihi 100 km/jam. Kajian membuktikan bahawa penunggang motorsikal lebih gemar untuk menunggang motorsikal mereka dengan laju dan kerap memotong kenderaan lain jika dibandingkan dengan pengguna kenderaan yang lain (Horswill dan Helman, 2003). Kebanyakan kemalangan hanya melibatkan kecederaan yang ringan dan langsung tidak

membataskan mereka meneruskan aktiviti rempit ini. Bagi pendapat mereka, semakin banyak pengalaman kemalangan, mereka semakin berani dan seakan lebih berkuasa. Secara puratanya, kesemua informan mengalami kes kemalangan melebihi 5 kali akibat daripada perlumbaan.

Tingkah Laku Agresif

Mat-mat motor ini juga tidak pernah terkecuali daripada isu pergaduhan. Menurut informan, pergaduhan sering berlaku adalah berikutan daripada kalah perlumbaan, tidak dapat membayar wang pertaruhan dan faktor pergaduhan yang paling utama adalah kerana wanita. Namun, mereka tidak pernah terlibat dengan pergaduhan besar yang melibatkan kematian serta menggunakan senjata yang merbahaya. Selain daripada terlibat dalam pergaduhan, segelintir mat rempit juga bersikap agresif dengan melakukan *vandalisme* atau merosakkan harta benda awam, mencuri motosikal, serta membaling objek kepada kereta dan orang. Kesemua informan mengakui pernah melakukan perkara tersebut terutamanya merosakkan harta benda awam namun menyatakan bahawa ianya tidak disengajakan. Dua orang informan mengakui bahawa mereka pernah mencuri motosikal.

Menunggang motorsikal di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Syner dan Vegega, 2001) dan (Holmgren, Holmgren dan Ahlner, 2004) adalah tingkah laku agresif yang sering dilakukan oleh informan. Selain itu, tingkah laku mereka juga menjadi lebih agresif apabila sesetengah mereka mengambil pil-pil khayal, dadah dan juga meminum arak. Pengambilan dadah, pil dan meminum arak bertujuan untuk meningkatkan keberanian ketika beraksi di jalan raya. Namun, menurut informan, tidak semua *Mat Motor* terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan meminum arak kerana ia adalah kehendak individu itu sendiri bukan kerana paksaan dan sebagai lambang kumpulan. Hasil perbincangan mendapati hanya seorang informan yang terlibat dengan pengambilan dadah dan meminum arak, tiga orang informan hanya meminum arak dan dua orang informan lagi bebas dari pengambilan dadah dan meminum arak.

HUBUNGAN SOSIALISASI DENGAN IBU BAPA

Keluarga merupakan satu unit penting dalam sistem sosial terutamanya sebagai agen sosialisasi kerana keluarga adalah kelompok asas yang pertama bagi setiap remaja. Menurut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang ke alam dewasa. Persekitaran keluarga yang tidak memberangsangkan mampu memberi kesan ke atas prestasi pelajaran anak-anak, aktiviti sosial mereka dan perkara ini akan membawa kepada masalah tingkah laku yang negatif (Zarinah, 2001). Kebanyakan daripada ibu bapa hari ini mula bersikap terbuka, memberikan ruang kepada anak-anak dalam membuat keputusan dan bertindak. Namun malangnya, ada di antara mereka yang menyalahgunakan kebebasan serta kepercayaan yang diberikan kerana terlalu seronok, mudah terpengaruh, ceteknya pengalaman, menyebabkan remaja terlibat dengan gejala Mat Rempit ini. Menurut informan, ibu

bapa mereka terlalu yakin dan memberi sepenuh kepercayaan kepada mereka di dalam melakukan kegiatan seharian. Ibu bapa mereka mengetahui dan tidak kisah dengan siapa mereka berkawan. Selain itu, ibu bapa mereka juga kadang-kadang mengetahui aktiviti luar rumah yang dilakukan secara umum seperti makan bersama kawan, melepak dan menonton wayang. Namun, kesemua informan mengakui bahawa mereka tidak pernah memberitahu aktiviti rempit yang mereka lakukan.

▪ Bercucuk tanam (n=90)*	2.43 81 (90.0)	▪ Bercucuk tanam (n=164)*	2.24 140 (85.4)	▪ Bercucuk tanam (n=35)*	2.91 35 (100)	289
▪ Menganyam (n=90)*	0.34 15 (16.7)	▪ Menganyam (n=163)*	0.36 27 (16.6)	▪ Menganyam (n=35)*	0.66 10 (28.6)	288
▪ Membuat tembikar (n=90)*	0.06 2 (2.2)	▪ Membuat tembikar (n=163)*	0.09 7 (4.3)	▪ Membuat tembikar (n=35)*	0.40 6 (17.1)	288
▪ Mengukir (n=90)*	0.11 6 (6.7)	▪ Mengukir (n=163)*	0.07 7 (4.3)	▪ Mengukir (n=35)*	0.83 11 (31.4)	288
▪ Menyulam (n=89)*	0.04 3 (3.4)	▪ Menyulam (n=163)*	0.06 5 (3.1)	▪ Menyulam (n=35)*	0.60 10 (28.6)	287
▪ Mendandan (n=90)*	0.02 2 (2.2)	▪ Mendandan (n=163)*	0.07 6 (3.7)	▪ Mendandan (n=35)*	0.40 9 (25.7)	288
Keseluruhan kemahiran warisan	1.27	Keseluruhan kemahiran warisan	0.98	Keseluruhan kemahiran warisan	1.81	

*Bilangan yang respon

Jadual 2: Modal insan ketua keluarga – kemahiran warisan

Pola kemahiran yang agak sama juga dapat dikesan bagi etnik Melayu Proto. Kemahiran warisan yang bersifat 'survival' terutamanya untuk mendapatkan keperluan makanan masih menonjol seperti memancing (93.9%), bercucuk tanam (85.4%), menyangkul (86.5%), Walau bagaimanapun, kemahiran tradisi menyumpit, memburu dan menjerat binatang agak rendah peratusannya berbanding kategori kemahiran yang pertama tadi, dengan masing-masing mencatatkan 25.6%, 36.2% dan 42.3%. Kemahiran motor-halus juga kurang menyerlah bagi kumpulan etnik ini. Lain-lain kemahiran yang mampu menghasilkan pulangan ekonomi kepada mereka seperti mencari ramuan ubat tradisional (28.0%), membuat ubat tradisional (26.8%), mengubati penyakit (9.8%) dan mencari rotan, gaharu dan damar (49.1%) juga tidak berapa signifikan.

Sama seperti dua kumpulan etnik Senoi dan Melayu-Proto, etnik Negrito juga menunjukkan kecekapan dalam kemahiran motor-kasar bagi tujuan melansungkan kehidupan seperti mencangkul, memancing, menebang pokok dan bercucuk tanam. Begitu juga bagi kemahiran motor-halus, kurang menyerlah bagi etnik ini.

Namun jika diteliti pula nilai purata bagi sesetengah kemahiran tradisi, kajian menunjukkan terdapat sedikit perbezaan antara ketiga-tiga etnik ini. Etnik Negrito mencatatkan nilai purata yang tinggi bagi responden kemahiran tradisi menyumpit dan memburu, masing-masing 2.40 dan 2.20 berbanding bagi etnik Senoi (1.71 dan 1.52) dan Melayu Proto (0.58 dan 0.85). Begitu juga bagi kemahiran-pengetahuan watan (*indigenous skill-knowledge*) etnik yang sama (Negrito) mempunyai nilai purata yang tinggi bagi respon untuk item kemahiran mencari ramuan ubat tradisional (2.06) dan mencari rotan, gaharu dan damar (2.57) berbanding etnik Senoi dan Melayu-Proto yang rendah purata bagi item berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, purata keseluruhan kemahiran warisan (18 jenis kemahiran warisan) adalah rendah bagi Melayu-Proto, Senoi dan Negrito masing-masing dengan nilai purata 0.98, 1.21 dan 1.8. (lihat jadual 2).

Kemahiran yang dipelajari

Kemahiran yang dipelajari adalah kemahiran baru yang diperolehi kesan daripada perubahan persekitaran hidup, kemajuan atau pemodenan yang di 'datang'kan kepada mereka. Perubahan-perubahan ini memberikan pengalaman baru, justeru memperluaskan modal insan mereka yang terlibat. Berdasarkan Jadual 3, dalam kalangan etnik Senoi, kemahiran menoreh getah (74.2%) dan mengira (71.9%) mencatatkan peratusan tertinggi berbanding kemahiran baru yang lain.

Jadual 3: Modal insan ketua keluarga – kemahiran yang dipelajari

Senoi	Melayu proto				Negrito				Keseluruhan responses mengikut kemahiran bagi 3 etnik
	Purata	Ada kemahiran			Purata	Ada kemahiran			
Modal Insan		n (%)	Modal Insan	n (%)	Modal Insan	n (%)			
• Kemahiran Fizikal			• Kemahiran Fizikal		• Kemahiran Fizikal				
○ Kemahiran Dipelajari			○ Kemahiran Dipelajari		○ Kemahiran Dipelajari				
▪ Menoreh getah (n=89)*	2.08	66 (74.2)	▪ Menoreh getah (n=164)*	1.23	74 (45.1)	▪ Menoreh getah (n=35)*	2.14	27 (77.1)	288
▪ Mengait kelapa sawit (n=90)*	0.36	14 (15.6)	▪ Mengait kelapa sawit (n=162)*	0.75	47 (29.0)	▪ Mengait kelapa sawit (n=35)*	1.37	19 (54.3)	287
▪ Melukis (n=90)*	0.42	28 (31.1)	▪ Melukis (n=163)*	0.67	53 (32.5)	▪ Melukis (n=35)*	0.94	20 (57.1)	288
▪ Menulis (n=90)*	0.80	44 (48.9)	▪ Menulis (n=163)*	1.34	95 (58.3)	▪ Menulis (n=35)*	1.03	22 (62.9)	288
▪ Membaca (n=90)*	0.87	45 (50.0)	▪ Membaca (n=164)*	1.48	104 (63.4)	▪ Membaca (n=35)*	1.00	20 (57.1)	289
▪ Mengira (n=89)*	1.28	64 (71.9)	▪ Mengira (n=164)*	1.81	130 (79.3)	▪ Mengira (n=35)*	1.57	28 (80.0)	288
▪ Menaip (mesin taip/komputer) (n=90)*	0.10	4 (4.4)	▪ Menaip (mesin taip/ omputer) (n=164)*	0.21	20 (12.2)	▪ Menaip (mesin taip/ omputer) (n=35)*	0.26	5 (14.3)	289
Keseluruhan kemahiran dipelajari	0.84		Keseluruhan kemahiran dipelajari	1.06		Keseluruhan kemahiran dipelajari	1.18		

*Bilangan yang
respon

Pola yang hampir sama juga boleh dikesan dalam kalangan etnik Melayu-Proto, walau bagaimanapun lebih separuh dari kalangan etnik ini dilaporkan boleh dan mempunyai kemahiran membaca (63.4%) dan menulis (58.3%). Bagi etnik Negrito pula, kesan daripada perubahan dan pembangunan sosioekonomi yang berlaku dalam persekitaran hidup mereka (sama juga seperti etnik yang lain), dapat disaksikan peratusan mereka yang mengakui mempunyai kemahiran menoreh dan mengait kelapa sawit adalah tinggi, masing-masing sebanyak 77.1% dan 54.3%. Malah, nilai purata bagi respon memperolehi kemahiran menoreh dan mengait kelapa sawit adalah tinggi (2.14 dan 1.37), secara relatifnya, dalam kalangan etnik Negrito berbanding etnik yang lain.

Pendedahan mereka terhadap ekonomi baru iaitu sistem wang dan ekonomi komoditi, seperti juga kumpulan etnik yang lain, etnik Negrito juga mempunyai kemahiran mengira (80%). Namun bagi lain-lain kemahiran, kajian mendapati polanya adalah hampir sama bagi ketiga-tiga etnik. Secara keseluruhan, kajian mendapati bahawa kemahiran yang dipelajari bagi ketiga-tiga etnik ini masih rendah berdasarkan kepada nilai purata yang dikira, masing-masing dengan catatan 1.18 untuk Negrito, 1.06 untuk Melayu-Proto dan 0.84 untuk Senoi (lihat Jadual 3).

Kesediaan kognitif – Nilai terhadap perubahan dan kemajuan

Umumnya, kajian mendapati etnik minoriti Orang Asli mempunyai nilai positif terhadap kemajuan dan perubahan. Ketiga-tiga suku etnik ini sukakan kemajuan dan mahukan perubahan dengan nilai purata masing-masing sebanyak 3.6 dan 3.6 bagi Senoi, 3.77 dan 3.79 bagi etnik Melayu-Proto manakala 3.91 dan 3.91 bagi Negrito (lihat Jadual 4). Bagi kalangan etnik Negrito, mereka berpandangan dan sangat setuju bahawa kemahiran dan pengetahuan yang diwarisi boleh diketengahkan (dengan nilai purata 3.40), diikuti oleh etnik Melayu-Proto (3.08) dan Senoi (3.05). Peratusan mereka yang respon terhadap ketiga-tiga item berkenaan adalah tinggi bagi kesemua kumpulan etnik yang ditemuduga. Sungguhpun mempunyai nilai yang positif terhadap perubahan, namun mereka juga masih berpegang pada nilai murni - menghormati orang tua, terutamanya dalam kalangan etnik Negrito dengan nilai purata 3.89 bersetuju dengan item berkaitan dalam pengukuran, diikuti oleh etnik Melayu-Proto dan Senoi masing-masing dengan nilai purata 3.70. Peratusan responden yang respon terhadap item tersebut juga tinggi bagi ketiga-tiga kumpulan etnik. Berpegang atau patuh kepada adat resam dan pantang larang masih kuat dipersetujui oleh etnik Negrito (dengan nilai purata 3.63), diikuti oleh etnik Senoi (3.17) dan akhir sekali Melayu-Proto (2.95).

Jadual 4: Modal insan ketua keluarga – Nilai terhadap kemajuan dan perubahan

Senoi			Melayu Proto			Negrito			Keseluruhan responses mengikut nilai bagi 3 etnik
	purata	Ya setuju n(%)		purata	Ya setuju n(%)		purata	Ya setuju n(%)	
• Nilai o Saya suka kemajuan/perubahan (n=86)* o Saya mahu kemajuan/perubahan (n=86)* o Saya fikir kemahiran dan pengetahuan yang kami warisi dari nenek moyang boleh diketengahkan (n=86)* o Saya patuh pada adat resam dan pantang larang kaum saya walaupun berubah (n=86)* o Saya menghormati orang yang lebih tua dari saya (n=86)* o Saya lebih suka tinggal dalam keadaan begini (lama/tradisi) (n=86)* Keseluruhan nilai	3.60	82 (95.3)	• Nilai o Saya suka kemajuan/perubahan (n=154)* o Saya mahu kemajuan/perubahan (n=154)* o Saya fikir kemahiran dan pengetahuan yang kami warisi dari nenek moyang boleh diketengahkan (n=151)* o Saya patuh pada adat resam dan pantang larang kaum saya walaupun berubah (n=152)* o Saya menghormati orang yang lebih tua dari saya (n=151)* o Saya lebih suka tinggal dalam keadaan begini (lama/tradisi) (n=153)* Keseluruhan nilai	3.77	148 (96.1)	• Nilai o Saya suka kemajuan/perubahan (n=35)* o Saya mahu kemajuan/perubahan (n=35)* o Saya fikir kemahiran dan pengetahuan yang kami warisi dari nenek moyang boleh diketengahkan (n=35)* o Saya patuh pada adat resam dan pantang larang kaum saya walaupun berubah (n=35)* o Saya menghormati orang yang lebih tua dari saya (n=35)* o Saya lebih suka tinggal dalam keadaan begini (lama/tradisi) (n=35) Keseluruhan nilai	3.91	35 (100)	275
	3.58	82 (95.3)		3.79	148 (96.1)		3.91	35 (100)	275
	3.05	68 (79)		3.08	116 (76.8)		3.40	16 (85.7)	272
	3.17	67 (77.9)		2.95	101 (66.4)		3.63	31 (88.5)	273
	3.70	85 (98.8)		3.70	147 (97.4)		3.89	34 (97.1)	272
	2.97	61 (60.4)		3.23	147 (97.4)		3.00	24 (68.5)	274
	3.34			3.43			3.62		

*Bilangan yang respon

Secara keseluruhannya, nilai terhadap perubahan dan kemajuan bagi ketiga-tiga etnik ini adalah tinggi berdasarkan skor purata keseluruhan item yang diukur. Bolehlah diujahkan di sini bahawa dengan nilai yang positif terhadap perubahan atau kemajuan yang ditunjukkan oleh warga Orang Asli bermakna mereka juga berupaya menyumbang kepada pewujudan modal insan dalam proses membangunkan negara

Kesediaan kognitif – kepercayaan terhadap perubahan dan kemajuan

Satu lagi aspek kesediaan kognitif yang menyumbang kepada pembentukan modal insan sesebuah komuniti ialah kepercayaan ahli-ahlinya terhadap perubahan dan kemajuan. Kajian mendapati hampir setiap item yang diajukan mendapat skor purata melebihi 3.5 dengan peratusan respon yang melebihi 85% bagi setiap empat item yang dikemukakan (lihat jadual 5). Satu petunjuk yang jelas mengenai kepercayaan mereka terhadap perubahan dan kemajuan dapat dikesan pada item “Saya percaya pembangunan/kemajuan itu adalah satu perkara yang baik” dengan skor purata respon bagi Senoi 3.6, Melayu-Proto 3.79 dan 3.91 Negrito yang menunjukkan darjah persetujuan yang tinggi bahawa pembangunan itu bersifat positif. Mereka juga mempercayai bahawa pembangunan boleh membawa manfaat (skor purata respon bagi Negrito 3.89; Melayu-Proto 3.78 dan Senoi 3.56). Dengan skor purata mereka yang respon melebihi paras 3 (skala tahap ‘setuju’) telah memungkinkan skor purata keseluruhan bagi kepercayaan terhadap pembangunan mencapai angka 3.50 bagi Senoi, 3.66 bagi Melayu-Proto dan 3.75 bagi Negrito.

Kesediaan kognitif – sikap terhadap perubahan dan kemajuan

Sikap mampu membentuk modal insan yang ampuh. Ia satu elemen penting dalam pembentukan dan penyediaan modal insan. Berbeza dengan kemahiran yang mudah dipupuk, diajar dan diajar, sikap adalah satu sifat dalaman yang unik dan sukar sekali dibentuk dalam masa yang singkat. Komuniti yang mempunyai sikap yang positif terhadap sesuatu boleh dianggap sebagai satu aset yang bernilai. Dalam kajian ini, didapati bahawa secara umumnya sikap warga minoriti Orang Asli terhadap perubahan adalah positif. Keadaan ini digambarkan oleh skor purata berasaskan respon responden terhadap lima item yang dikemukakan, dimana Senoi mempunyai skor purata 3.12, 3.22 bagi Melayu-Proto dan 3.49 bagi Negrito yang kesemuanya melepasi tahap ‘bersetuju’ dalam skala 4 mata Likert (lihat jadual 6)

Jadual 5: Modal insan ketua keluarga – Kepercayaan terhadap kemajuan dan perubahan

Senoi			Melayu Proto			Negrito			Keseluruhan responses mengikut kepercayaan bagi 3 etnik
	purata	Ya setuju n(%)		purata	Ya setuju n(%)		purata	Ya setuju n(%)	
• Kepercayaan			• Kepercayaan			• Kepercayaan			
o Saya percaya pembangunan/kemajuan itu adalah satu perkara yang baik (n=86)*	3.60	83 (96.5)	o Saya percaya pembangunan/kemajuan itu adalah satu perkara yang baik (n=154)*	3.79	149 (96.7)	o Saya percaya pembangunan/kemajuan itu adalah satu perkara yang baik (n=35)*	3.91	35 (100)	275
o Saya rasa kemajuan/pembangunan boleh memberi manfaat kepada kami (n=86)*	3.56	80 (93)	o Saya rasa kemajuan/pembangunan boleh memberi manfaat kepada kami (n=154)*	3.78	150 (97.4)	o Saya rasa kemajuan/pembangunan boleh memberi manfaat kepada kami (n=35)*	3.89	35 (100)	275
o Saya yakin saya mampu berdikari jika diberikan dorongan yang betul (n=85)*	3.34	76 (89.5)	o Saya yakin saya mampu berdikari jika diberikan dorongan yang betul (n=153)*	3.47	140 (91.5)	o Saya yakin saya mampu berdikari jika diberikan dorongan yang betul (n=35)*	3.46	31 (88.6)	273
o Saya fikir kalau mahu maju (OA), kerajaan patut mengadakan banyak program meningkatkan Orang Asli untuk berubah (n=86)*	3.49	80 (93)	o Saya fikir kalau mahu maju (OA), kerajaan patut mengadakan banyak program meningkatkan Orang Asli untuk berubah (n=154)*	3.61	148 (96.1)	o Saya fikir kalau mahu maju (OA), kerajaan patut mengadakan banyak program meningkatkan Orang Asli untuk berubah (n=35)*	3.74	34 (97.1)	275
o Saya tidak yakin kampung (penduduk) ini boleh berubah (n=86)*	3.09	65 (75.6)	o Saya tidak yakin kampung (penduduk) ini boleh berubah (n=152)*	3.34	132 (86.9)	o Saya tidak yakin kampung (penduduk) ini boleh berubah (n=35)*	3.11	26 (74.3)	273
Keseluruhan kepercayaan	3.42		Keseluruhan kepercayaan	3.60		Keseluruhan kepercayaan	3.62		

*Bilangan yang respon

Jadual 6: Modal insan ketua keluarga- Sikap terhadap kemajuan dan perubahan

Senoi	Melayu Proto			Negrito			Keseluruhan responses mengikut sikap bagi 3 etnik		
	Setuju			Setuju					
Modal Insan	Min	n(%)	Modal Insan	Min	n(%)	Modal Insan	Min	n(%)	
• Sikap			• Sikap			• Sikap			
o Saya yakin penduduk kampung ini mudah terima perubahan (n=86)*	3.30	73 (84.9)	o Saya yakin penduduk kampung ini mudah terima perubahan (n=154)*	3.44	134 (87)	o Saya yakin penduduk kampung ini mudah terima perubahan (n=35)*	3.71	35 (100)	275
o Saya sanggup tinggalkan amalan lama (tradisi) untuk maju (n=86)*	2.35	41 (47.7)	o Saya sanggup tinggalkan amalan lama (tradisi) untuk maju (n=151)*	2.48	76 (50.3)	o Saya sanggup tinggalkan amalan lama (tradisi) untuk maju (n=35)*	2.20	15 (42.9)	272
o Saya berminat mengetahui perkembangan semasa dalam komuniti, dalam dan luar kawasan saya (n=86)*	3.29	73 (84.9)	o Saya berminat mengetahui perkembangan semasa dalam komuniti, dalam dan luar kawasan saya (n=154)*	3.55	104 (93.5)	o Saya berminat mengetahui perkembangan semasa dalam komuniti, dalam dan luar kawasan saya (n=35)*	3.83	35 (100)	275
o Saya suka dan ingin mengetahui (pelajari) sesuatu yang baru (n=83)*	3.39	71 (85.5)	o Saya suka dan ingin mengetahui (pelajari) sesuatu yang baru (n=153)*	3.42	135 (88.2)	o Saya suka dan ingin mengetahui (pelajari) sesuatu yang baru (n=35)*	3.86	35 (100)	271
o Jika diberi peluang menghadiri kursus kemahiran, saya bersedia/mahu (sanggup mengikutinya) (n=86)*	3.38	73 (84.8)	o Jika diberi peluang menghadiri kursus kemahiran, saya bersedia/mahu (sanggup mengikutinya) (n=153)*	3.27	127 (83)	o Jika diberi peluang menghadiri kursus kemahiran, saya bersedia/mahu (sanggup mengikutinya) (n=35)*	3.89	35 (100)	274
Keseluruhan sikap	3.12		Keseluruhan sikap	3.22		Keseluruhan sikap	3.49		

*Bilangan yang respon

Tingkah laku prososial

Secara umum, kajian mendapati bahawa ketiga-tiga etnik Orang Asli mempamerkan pola prososial yang sama untuk tingkah laku nilai sosial positif. Ini ditunjukkan oleh peratusan yang tinggi mengakui mereka selalu menghormati orang lain (94.2% Senoi; 95.5% Melayu-Proto dan 100% Negrito), selalu menghargai pertolongan orang lain (83.7% Senoi; 83.8% Melayu-Proto dan 97.1% Negrito) dan selalu mesra dengan kawan (84.9% Senoi; 85% Melayu-Proto dan 85.7% Negrito) (lihat jadual 7).

Semangat berkumpul atau semangat kolektif mereka juga tinggi. Hanya segelintir sahaja yang tidak pernah membantu kawan apabila ditimpa bencana (1.16% Senoi; 1.94% Melayu-Proto dan 5.7% Negrito) ataupun melakukan kerja secara berkumpul (5.8% Senoi; 5.84% Melayu-Proto dan 2.85% Negrito).

Satu lagi aspek tingkah laku prososial ialah berdaya saing, dan kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga etnik minoriti ini menunjukkan pola tingkah laku yang hampir sama. Dalam kalangan etnik Negrito seramai 85.7% selalu merasakan diri mereka berdaya saing, begitu juga bagi Melayu-Proto (70.1%) dan Senoi (64%).

Berdasarkan ketiga-tiga unsur tingkah laku prososial tersebut dan juga peratusan yang tinggi mengakui secara positif terhadap item diri yang dikemukakan, maka boleh diujahkan bahawa mereka mempunyai potensi diri menyumbang kepada penyediaan modal insan.

Jadual 7: Modal Insan ketua keluarga- Tingkahlaku Prososial

Senoi	Melayu Proto						Negrito						Keseluruhan responses mengikut tingkahlaku prososial bagi 3 etnik
	Tidak pernah	Kadang- kala	Selalu		Tidak pernah	Kadang- kala	Selalu		Tidak pernah	Kadang- kala	Selalu		
Modal Insan • Tingkahlaku prososial	n(%)	n(%)	n(%)	Modal Insan • Tingkahlaku prososial	n(%)	n(%)	n(%)	Modal Insan • Tingkahlaku prososial	n(%)	n(%)	n(%)		
o Saya menghormati orang lain (n=86)*		5 (5.8)	81 (94.2)	o Saya menghormati orang lain (n=154)*		7 (4.5)	147 (95.5)	o Saya menghormati orang lain (n=35)*			35 (100)	275	
o Saya menolong kawan atau jiran apabila ditimpa masalah/bencana (n=86)*	1 (1.16)	10 (11.6)	75 (87.2)	o Saya menolong kawan atau jiran apabila ditimpa masalah/bencana (n=154)*	3 (1.94)	26 (16.9)	125 (81.2)	o Saya menolong kawan atau jiran apabila ditimpa masalah/bencana (n=35)*		2 (5.7)	33 (94.3)	275	
o Saya melakukan aktiviti/kerja secara berkumpulan (n=86)*	5 (5.8)	16 (18.8)	64 (75.3)	o Saya melakukan aktiviti/kerja secara berkumpulan (n=154)*	9 (5.84)	29 (18.8)	116 (75.3)	o Saya melakukan aktiviti/kerja secara berkumpulan (n=35)*	1 (2.85)	2 (5.7)	32 (91.4)	275	
o Saya mesra dengan jiran dan kawan (n=86)*		13 (15.1)	73 (84.9)	o Saya mesra dengan jiran dan kawan (n=154)*	1 (0.64)	22 (14.3)	131 (85.1)	o Saya mesra dengan jiran dan kawan (n=35)*		1 (2.9)	34 (97.1)	275	
o Saya mempunyai semangat ingin bersaing (n=86)*	10 (11.6)	21 (24.4)	55 (64.0)	o Saya mempunyai semangat ingin bersaing (n=154)*	9 (5.84)	37 (24.0)	108 (70.1)	o Saya mempunyai semangat ingin bersaing (n=35)*		5 (14.3)	30 (85.7)	275	
o Saya menghargai pertolongan atau pemberian daripada orang lain (n=86)*	1 (1.16)	13 (15.1)	72 (83.7)	o Saya menghargai pertolongan atau pemberian daripada orang lain (n=154)*	1 (0.64)	24 (15.6)	129 (83.8)	o Saya menghargai pertolongan atau pemberian daripada orang lain (n=34)*		1 (2.9)	33 (97.1)	274	

*Bilangan yang respon

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Modal insan di dalam komuniti Orang Asli sememangnya telah wujud, namun disebabkan tidak diasah dan digunakan ianya semakin terhakis dari sehari ke sehari. Ini boleh dilihat melalui kemahiran warisan yang dimiliki oleh minoriti Orang Asli ini yang semakin kurang dipraktikan berdasarkan nilai min bagi setiap item. Dapat diperhatikan nilai min bagi semua etnik Orang Asli tidak ada satu pun yang mencecah paras 3 (mempunyai kemahiran yang baik). Rata-ratanya menunjukkan mempunyai kemahiran tetapi lemah ataupun hampir tidak mempunyai kemahiran warisan tersebut. Begitu juga dengan kemahiran yang dipelajari, namun minoriti Orang Asli tidak boleh dipersalahkan dengan situasi sebegini kerana kemudahan untuk mempelajari kemahiran sebegini (membaca, menulis dan mengira) agak terhad pada masa dahulu. Generasi ketua keluarga terdahulu mungkin tidak atau kurang terdedah dengan kemahiran baru kerana masih ramai yang tidak bersekolah, dan jika pun bersekolah ramai yang hanya tamat peringkat rendah dan menengah sahaja. Namun demikian, kemahiran yang mempunyai kaitan yang rapat dengan hidup (ekonomi) iaitu menoreh (getah) kajian menunjukkan mereka menguasainya.

Walaupun, minoriti Orang Asli mempunyai nilai min yang agak rendah dalam kemahiran, namun mereka mempunyai keinginan untuk berubah apabila purata bagi nilai mahukan kemajuan dan perubahan agak tinggi. Ini mungkin kerana sudah wujud kesedaran dalam diri untuk memajukan diri dan komuniti mereka. Begitu juga dari segi kepercayaan di mana pemikiran mereka mengatakan mereka boleh maju sekiranya diberikan peluang berdasarkan purata yang tinggi bagi kepercayaan terhadap kemajuan dan perubahan. Selari dengan sikap terhadap kemajuan dan perubahan di mana skor purata adalah tinggi dan ini menggambarkan kesungguhan mereka untuk berubah. Berdasarkan fakta ini bolehlah diujahkan bahawa ketua keluarga Orang Asli tidak terlalu terasing dalam arus perdana dan proses pembangunan. Walaupun secara fizikalnya, barang kali tidak semua mereka berkesempatan turut sama dalam pembangunan, namun sikap, nilai dan kepercayaan mereka terhadap perubahan adalah positif. Kesiediaan kognitif yang baik terhadap kemajuan, perubahan dan pembangunan adalah indikator umum menilai bahawa ketua keluarga Orang Asli adalah responsif kepada perubahan. Justeru itu juga bolehlah disebutkan di sini kesiediaan kognitif yang positif ini juga sebagai petunjuk bahawa komuniti Orang Asli (ketua keluarga) membentuk atau menyediakan stok modal insan, yang boleh dijadikan aset (pelaburan) bagi tujuan pembangunan masa depan.

Tingkahtaku prososial dalam kalangan minoriti Orang Asli juga menunjukkan peratusan yang agak tinggi dari segi nilai-nilai murni seperti menghormati orang lain, dan tolong menolong, sama juga dengan semangat berdaya saing dan semangat bekerjasama yang menunjukkan hal yang sama. Ini mengukuhkan lagi bahawa minoriti Orang Asli kini mempunyai sikap yang semakin terbuka dalam pergaulan dan ini memungkinkan mereka menerima kemajuan dan perubahan dalam komuniti dan juga masyarakat luar.

Satu hakikat yang selalu tidak culas difikirkan adalah komuniti Orang Asli adalah satu stok manusia/insan. Stok manusia kumpulan atau golongan ini seharusnya tidak dilihat sebagai satu kumpulan manusia yang sentiasa menagih bantuan atau pertolongan. Satu pandangan baru perlu ada mengenai mereka. Dari penelitian ini yang khusus kepada ketua keluarga Orang Asli, kajian mendapati Orang Asli berpotensi besar menyediakan

dan menjadi stok modal insan pada masa hadapan. Mereka perlu terus didampingi oleh agen perubahan, agen pembangunan, pekerja komuniti dan seumpamanya demi membimbing, memperluas, dan memantapkan modal insan dalam kalangan semua peringkat usia Orang Asli agar mereka tidak lagi terpinggir dalam arus perdana. Sebaliknya dengan memperakui bahawa mereka juga adalah sebagai daripada penyumbang pembentukan modal insan negara, maka beberapa langkah atau usaha boleh direncanakan oleh pihak pemerintah. Mengadakan program pembangunan modal insan yang sesuai dengan keperluan warga Orang Asli, memperluaskan lagi hamparan peluang mereka untuk membangunkan modal insan pada masa-masa hadapan.

RUJUKAN

Asnarulkhadi Abu Samah (2007). Memahami konsep modal insan, *Berita Harian*, 25 Jun 2007 hal 8.

Asnarulkhadi Abu Samah (2007). Modal Insan dan kepentingannya- Satu pandangan dari sudut kebajikan dlm *Berita YKN*, Yayasan Kebajikan Negara, Bil. 1/2007.

Asnarulkhadi Abu Samah, Nuzul Fitrah Shamsudin & Mariani Mansor (2008). “Modal insan, pembentukan keupayaan dan pendayaupayaan komuniti menerusi kerja komuniti dan pembangunan komuniti”, *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, vol 16.

Bartel, A. P. (1994). Workplace training in the United States. In S. Aseta & W. C.

Huang (Eds.), *Human capital and economic development* (pp. 109-128). Kalamazoo, MI: W.E. Upjohn Institute for Employment Research.

Beaulieu, L. J., & Mulkey, D. (eds.) (1995). *Investing in people- The Human capital needs of rural America*. Boulder: Westview Press.

Becker, G. S. (1964). *Human capital*. New York: Columbia University Press.

Dess, G.G. & Picken, J. C. (1999). *Beyond Productivity- How Leading Companies Achieve Superior Performance by Leveraging Their Human Capital*. New York: American management Association.

Lucas, R. E., Jr. (1988). On the mechanics of economic development. *Journal of Monetary Economics*, 22, 3-42.

Mathur V.K. (1999). Human Capital-Based Strategy For Regional Economic Development, *Economic Development Quarterly*, 13, 3, 203-216.

Romer, P. M. (1990). Capital, labor and productivity. In M. N. Bailly & C. Winston (Eds.), *Brookings papers on economic activity: Microeconomics* (pp. 317-367). Washington, DC: Brookings Institution.

Verhoglyadova, N. I (2006). Definition and content interpretation of human capital *Annals. Computer Science Series*, IV, 249- 259.

Modal Sosial dalam Kalangan Komuniti Nelayan Teluk Gong Pelabuhan Klang

Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzuhailmi Dahalan, Mohammad Rezal Hamzah, Jegak Uli, Jamilah Othman, & Nor Azliza Wan Abdullah

Universiti Putra Malaysia

Mohammad Rezal Hamzah

Universiti Malaysia Perlis

Abstrak

Modal sosial merupakan aset penting yang sangat mempengaruhi kekuatan dalam pembangunan sesebuah komuniti. Modal sosial adalah nilai keupayaan yang diperoleh daripada semua ahli komuniti untuk bekerjasama dan bersatu padu untuk kebaikan bersama (Montgomery, 1998). Kertas kerja ini adalah berasaskan kepada kajian modal sosial nelayan di Selangor yang menerangkan dapatan data kualitatif berdasarkan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) ke atas lima orang nelayan Kampung Teluk Gong di bawah persatuan nelayan kawasan terpilih (Persatuan Nelayan Kawasan Pelabuhan Klang) dan enam orang pegawai Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Institusi Nelayan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Hasil temu bual mendapati terdapat beberapa dimensi sosial seperti kumpulan dan rangkaian, kepercayaan dan perpaduan, tindakan kolektif dan kerjasama, sumber informasi dan komunikasi, kejelekitan sosial dan kebersamaan, serta pengupayaan dan tindakan berpolitik yang boleh mempengaruhi pembangunan sosioekonomi komuniti nelayan di Selangor. Ringkasnya, strategi pembangunan komuniti melalui pendekatan modal sosial perlu dilihat sebagai indikator penting kepada kejayaan sesebuah komuniti.

PENGENALAN

Modal sosial merupakan pendekatan yang semakin popular digunakan untuk memahami status perhubungan sosial di seluruh dunia. Modal sosial mempunyai pelbagai tafsiran dan definisi mengikut pandangan dan situasi. Umumnya modal sosial difahami sebagai sumber sosial dalam kalangan individu sesebuah komuniti. Ahli sosiologi seperti Cox (1996) menyatakan bahawa modal sosial adalah nilai kepercayaan yang diwujudkan melalui perhubungan antara individu secara sosial.

Terdapat tiga komponen modal sosial yang utama iaitu jaringan sosial, norma sosial dan peraturan sosial. Jaringan sosial merupakan hubungan sesama individu seperti hubungan sesama keluarga dan semangat kejiranan di mana ia boleh meningkatkan pengaliran maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat. Norma sosial pula adalah satu peraturan yang diterima dalam sesebuah komuniti yang dapat meningkatkan kerjasama serta sikap saling memahami sesama mereka. Manakala peraturan sosial pula adalah satu bentuk undang-undang yang dapat membentuk keharmonian dalam masyarakat bagi menyelesaikan sesuatu pertelingkahan.

Di Malaysia, konsep modal sosial ini telah wujud sejak sekian lama tetapi tafsiran mengenainya tidak begitu jelas. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 yang berlaku adalah kerana tiada sifat saling mempercayai antara satu sama lain dalam masyarakat di negara ini.

Kejayaan negara dalam mengharungi saat getir ini adalah kerana negara telah membentuk satu dasar pembangunan yang sebenarnya secara tidak langsung membina modal sosial.

Selain daripada itu, usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) kepada golongan sasaran bagi membangunkan modal insan dan bina upaya adalah satu langkah yang sangat membanggakan. Namun begitu, pelaksanaan program ini akan menjadi lebih cepat jika elemen modal sosial dijadikan sebagai agenda bersama. Perlu diingat, pembangunan negara perlu berpandukan kepada pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni, saling mempercayai, bekerjasama dan bertolak ansur dalam pembentukan dasar pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, dalam kajian *Bowling Alone* yang dijalankan oleh Robert Putnam (1995) mendapati bahawa imigrasi dan perbezaan kaum cenderung dalam mengurangkan perpaduan dan juga modal sosial. Kepercayaan sesama sendiri dalam masyarakat menjadi semakin rendah di samping rakan-rakan juga semakin berkurangan. Sikap individualistik semakin menjadi budaya hidup dan semangat kerjasama dalam masyarakat semakin hilang.

Begitu juga semangat kerjasama dalam kehidupan masyarakat Melayu kini yang semakin luntur. Aktiviti seperti gotong-royong dan rewang yang telah wujud sejak sekian lama sudah tidak penting lagi dalam masyarakat yang mengejar kebendaan. Arus pembangunan yang semakin pesat dan teknologi yang semakin maju telah menyebabkan aktiviti-aktiviti seperti ini semakin dilupakan. Perubahan gaya hidup masyarakat kini yang terlalu sibuk mencari rezeki menjadi penyebab kepada kelunturan semangat kerjasama ini.

Strategi dan Pengukuran Modal Sosial

Montgomery (1998) menjelaskan bahawa modal sosial adalah nilai keupayaan yang diperoleh daripada semua ahli komuniti untuk bekerjasama dan bersatu padu untuk kebaikan bersama. Walau bagaimanapun, ahli ekonomi pula berpandangan bahawa modal sosial sebagai aset yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan modal fizikal seperti wang dan kemudahan. Sarjana ekonomi seperti Robinson dan Hanson (1995) menjelaskan modal sosial adalah entiti yang dapat memberi nilai kepercayaan dalam menjalankan urusan niaga. Ia akan memastikan semua yang terlibat dalam urusan niaga akan memperoleh keuntungan dan memberi kebaikan secara berpanjangan. Penggunaan modal sosial dalam kalangan ahli ekonomi semakin meluas dalam usaha mereka untuk memperoleh faedah daripada hubungan sosial seperti pengaliran maklumat yang boleh diguna pakai dalam aktiviti penjaan pendapatan.

Kebanyakan sarjana dalam pembangunan komuniti akan menggunakan dimensi yang pelbagai dalam mengukur modal sosial. Bastelaer (2002) menggunakan dimensi mikro dan makro dalam konteks kognitif dan struktural. Manakala Robinson dan Hanson (1995) menggunakan penglibatan dalam pembuatan keputusan, peraturan dan kepercayaan. Grootaert (2001) telah menggunakan dimensi penglibatan dalam kumpulan, sivil dan masyarakat berpolitik, interaksi sosial, peraturan dan pentadbiran. Manakala Narayan (2004) telah mengeluarkan dimensi yang lebih komprehensif untuk mengukur potensi modal sosial dalam pembinaan dan pembangunan komuniti di dalam menangani

masalah kemiskinan. Gabungan keseluruhan dimensi tersebut telah berjaya mengeluarkan alat pengukuran yang dikenali sebagai *Social Capital Integrated Questionnaire* (SCIQ). Ia telah digunakan oleh kebanyakan negara membangun termasuk Indonesia dan Thailand dalam kajian pengukuran modal sosial dan membuktikan bahawa modal sosial telah berjaya meningkatkan sosioekonomi golongan miskin.

Social Capital Integrated Questionnaire (SCIQ) direka untuk kegunaan para penyelidik, penilai dan pengurus projek yang menjalankan taksiran kemiskinan atau kaji selidik tentang modal sosial serta membangunkan strategi dalam mengurangkan kadar kemiskinan. Terdapat 6 dimensi yang telah digunakan dalam mengukur modal sosial. Dimensi pertama ialah kumpulan dan rangkaian di mana ia merupakan dimensi paling biasa dikaitkan dalam modal sosial yang menyentuh soal penglibatan dalam sesuatu organisasi dan rangkaian sosial. Dimensi yang kedua ialah kepercayaan dan perpaduan yang menekankan kepada aspek kepercayaan terhadap jiran dan orang yang tidak dikenali serta bagaimana persepsi ini telah berubah sepanjang masa. Dimensi yang ketiga ialah tindakan kolektif dan kerjasama. Dimensi ini meneroka bagaimana masyarakat bekerja dalam sesebuah komuniti dan menghadapi krisis. Seterusnya dimensi sumber informasi dan komunikasi yang melihat bagaimana sesebuah masyarakat mendapatkan maklumat keadaan pasaran dan khidmat awam. Dimensi kelima iaitu kejeleketan sosial dan kebersamaan digunakan kerana komuniti merupakan kelompok yang memiliki perbezaan yang boleh mencetuskan konflik. Dimensi yang terakhir ialah pengupayaan dan tindakan berpolitik yang meneliti kegembiraan, keberkesanan peribadi dan keupayaan untuk mempengaruhi keputusan politik.

PERNYATAAN MASALAH

Keupayaan modal sosial dalam pembangunan komuniti semakin mendapat minat dalam kalangan penyelidik sosial. Pelbagai kajian telah dijalankan bagi membuktikan bahawa modal sosial mampu menjadi indikator penting dalam pembangunan komuniti seperti kajian yang telah dijalankan oleh *World Bank* (1998) terhadap beberapa negara bagi mengenal pasti dimensi sosial yang mempengaruhi pembangunan ekonomi. Kajian ini telah membuktikan bahawa dimensi seperti kepercayaan dan penglibatan dalam persatuan memberi faedah kepada ahli dalam komuniti dalam memperoleh maklumat dan jaringan perhubungan yang boleh digunakan bagi membangunkan aktiviti penjana ekonomi. Kajian oleh negara di benua Afrika Selatan, Nigeria, Uganda serta negara Amerika Latin oleh Narayan dan Pritchett (1999) juga membuktikan bahawa modal sosial merupakan penyumbang penting dalam pembangunan sosioekonomi isi rumah dan memberikan pembelaan dari segi kebajikan. Kajian tersebut telah mengeluarkan dimensi pengukuran modal sosial dalam pembasmian kemiskinan.

Pendekatan modal sosial masih baru di Malaysia. Tidak banyak kajian telah dijalankan dalam mengenal pasti potensi modal sosial dalam pembangunan komuniti terutamanya di luar bandar. Di Malaysia pelbagai program pembangunan telah dijalankan yang kebanyakannya berbentuk subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Memandangkan masalah kemiskinan masih menjadi agenda utama negara, potensi modal sosial harus diserlahkan dalam usaha membantu dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan isu pembasmian kemiskinan. Menurut Ariff (1999) Malaysia masih belum menyerlahkan potensi modal sosial dalam pembangunan komuniti luar bandar kerana kebanyakan golongan miskin masih menerima bantuan subsidi tanpa sebarang usaha pembangunan yang berterusan.

Justeru, ia tidak memberi perubahan dan impak yang besar terhadap pengurangan kemiskinan. Umum mengetahui bahawa masalah kemiskinan selalunya dikaitkan dengan masyarakat luar bandar.

Kajian oleh Zainal Abidin & Mohamad Rezal (2006) menunjukkan bahawa komuniti nelayan merupakan golongan yang masih dibelenggu masalah kemiskinan di tahap tegar. Dengan memperoleh purata pendapatan bulanan RM435, komuniti nelayan perlu diserlahkan potensi mereka melalui peningkatan keupayaan individu dan sistem sokongan sosial yang lain dalam masyarakat atau dengan kata lain melalui pendekatan modal sosial. Abu Kassim & Ezanee (2006) menjelaskan bahawa selama ini Malaysia banyak menggunakan pendekatan modal fizikal dalam pembangunan negara. Usaha untuk mengenal pasti modal sosial sebagai faktor penyumbang kepada pembangunan masih belum dikenal pasti secara saintifik melalui kajian-kajian pembangunan.

Persoalannya apakah pendekatan modal sosial benar-benar bersesuaian apabila ia dikaitkan dengan pembangunan komuniti luar bandar amnya dan komuniti miskin khususnya? Persoalan-persoalan lain yang signifikan untuk dikaji ialah: (1) Apakah ciri-ciri profil komuniti yang boleh digunakan dalam mengukur modal sosial bagi pembangunan komuniti nelayan? (2) Sejauh mana maklumat profil ciri-ciri penduduk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi? (3) Sejauh mana dimensi modal sosial yang telah dikenal pasti mempengaruhi peningkatan sosioekonomi? dan (4) Adakah *Social Capital Integrated Questionnaire* (SCIQ) bersesuaian digunakan dalam mengukur indikator modal sosial dalam konteks Malaysia?

Justeru, penulisan dalam kertas kerja ini memberikan penekanan kepada aspek kewujudan elemen modal sosial dalam kalangan masyarakat nelayan. Pada masa yang sama penulisan ini juga melihat sama ada komuniti nelayan yang dikaji memanfaatkan atau tidak jaringan antara ahli dalam komuniti dan jaringan dengan agensi yang berkaitan dalam komuniti.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan teknik Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD). Seramai 5 orang ahli Persatuan Nelayan Kawasan Pelabuhan Klang dari komuniti nelayan Teluk Gong telah ditemu bual bagi mendapatkan gambaran secara ringkas berkenaan aspek modal sosial yang terdapat dalam komuniti. Pengkaji juga telah menjalankan FGD ke atas 6 orang pegawai Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Institusi Nelayan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi mendapatkan penjelasan serba sedikit daripada pihak pemegang taruh berkenaan peranan yang dimainkan dalam membangunkan komuniti nelayan menerusi pendekatan modal sosial. Perbincangan ini dilakukan berdasarkan soalan-soalan terbuka dan tidak berstruktur yang telah disediakan oleh pengkaji serta direkodkan dan disalin semula (*transcribe*). Perbincangan bersama dengan nelayan dan pegawai yang terlibat berlangsung di 2 lokasi yang berbeza pada hari yang berlainan dan mengambil masa purata satu jam bagi setiap sesi.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dan perbincangan dalam bahagian di bahagikan kepada beberapa topik iaitu peranan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), latar belakang komuniti nelayan Kampung Teluk Gong, kehidupan komuniti nelayan ini serta dimensi modal sosial yang dimiliki oleh mereka.

Peranan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)


Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diperbadankan menurut Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971. Akta ini berkuat kuasa bagi negeri-negeri di Malaysia Barat pada 1 November 1971; di Sarawak pada 1 Julai 1973; dan di Sabah pada 1 Ogos 1995. Fungsi utama LKIM adalah untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan dengan memberi penumpuan kepada peningkatan pendapatan, memperkembangkan dan memajukan perusahaan perikanan negara. LKIM berperanan dalam meningkatkan pembangunan institusi nelayan dengan memberikan latihan dan kemahiran kepada para nelayan, menyediakan peralatan dan kemudahan pejabat bagi persatuan nelayan. Selain itu, LKIM memberi bantuan latihan dan kemudahan lain kepada ahli persatuan nelayan melalui persatuan nelayan kawasan. LKIM juga mengadakan program pembangunan kampung nelayan dengan menyediakan jeti-jeti kecil di setiap pelabuhan, balai-balai nelayan, tempat parkir sampan (tambatan bot). LKIM juga turut membantu dalam menaik taraf jalan kampung.

LKIM turut menganjurkan program pembangunan masyarakat nelayan. Program ini tidak hanya memberi tumpuan kepada nelayan sahaja malah juga kepada isteri-isteri nelayan iaitu melalui penubuhan Kumpulan Wanita nelayan (KUNITA), Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) dan untuk anak-anak nelayan serta pelajar. LKIM juga menyediakan kemudahan skim pinjaman iaitu Program Dana Nelayan yang merupakan Tabung Pinjaman Tanpa Faedah khusus untuk nelayan pantai yang berpotensi maju bagi meningkatkan pendapatan dan produktiviti tangkapan. Tujuan pembiayaan dana ini adalah untuk membeli atau membaiki bot, enjin, pukot dan peralatan, pinjaman kecemasan atau segera dan juga sebagai modal pusingan projek pemasaran bagi membantu nelayan secara terus. LKIM juga memberikan kemudahan subsidi minyak dan diesel kepada nelayan di bawah program pembangunan masyarakat nelayan ini.

Peruntukan bagi pembangunan golongan nelayan terus menerus disalurkan melalui agensi-agensi tertentu. Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di Selangor khususnya mendapat dana dari pelbagai institusi iaitu Dana Nelayan (Geran) dari LKIM, dana nelayan dari Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Lembaga Zakat Selangor, Tekun, Agro Bank dan JKKP. Setiap ahli persatuan nelayan yang membuat pinjaman akan membuat bayaran balik kepada Persatuan Nelayan Kawasan melalui cara sama ada persatuan membeli semua hasil tangkapan nelayan tersebut atau nelayan membuat bayaran kepada persatuan setiap bulan.

Persatuan Nelayan Negeri Selangor seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 mempunyai lima Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) iaitu PNK Pelabuhan Klang, PNK Kuala Langat, PNK Sungai Besar, PNK Kuala Selangor dan PNK Sepang. Setiap PNK

mempunyai pengurus yang merupakan kakitangan dari LKIM dan pengerusi yang terdiri daripada nelayan dalam komuniti.



Rajah 1: Struktur Persatuan Nelayan Negeri

Menurut maklumat dan data yang diperolehi daripada pegawai LKIM, PNK dikategorikan mengikut kategori maju, sederhana dan daif. Penilaian ini ditentukan berdasarkan kepada urusan niaga, pendapatan dan untung rugi tahunan. LKIM juga mengadakan pertandingan Nelayan Jaya, Nelayan Muda Jaya, KNK Jaya dan juga KUNITA Jaya pada setiap tahun bertujuan untuk menilai tahap keaktifan PNK di mana selain daripada pendapatan, kebajikan kakitangan, kemajuan ahli persatuan nelayan dan juga kerjasama antara persatuan nelayan dengan para nelayan dan masyarakat sekitar juga diambil kira. Selain itu, Anugerah Desa Wawasan Nelayan juga diadakan bagi melihat penonjolan sesebuah perkampungan nelayan.

Latar belakang Kampung Teluk Gong

Hasil daripada sesi perbincangan yang diadakan bersama dengan nelayan di Kampung Teluk Gong telah memberikan pelbagai input yang dapat membantu kumpulan penyelidik dalam pengumpulan maklumat. Sesi perbincangan ini terdiri daripada beberapa 5 orang nelayan yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa PNK Pelabuhan Klang. Purata umur mereka dalam lingkungan 56-66 tahun.

Kampung Teluk Gong merupakan sebuah perkampungan nelayan yang bernaung di bawah Persatuan Nelayan Kawasan Pelabuhan Klang. Menurut rekod daripada Jabatan Perikanan Negeri Selangor terdapat seramai 1950 orang nelayan yang bekerja atas *vessel* menangkap ikan di kawasan Pelabuhan Klang pada tahun 2008. Di kawasan Pelabuhan Klang ini terdapat sebanyak 31 persatuan nelayan yang dikenali sebagai unit-unit pangkalan dan di setiap pangkalan pula akan diketuai oleh seorang ketua pangkalan.

Pangkalan nelayan Kampung Teluk Gong ini telah ditubuhkan sejak tahun 1980-an lagi. Terdapat seramai lebih daripada 200 orang ahli dalam persatuan di pangkalan nelayan Kampung Teluk Gong. Yuran untuk menjadi ahli dalam persatuan nelayan adalah

sebanyak RM2 sahaja setahun. Ahli persatuan adalah sama dengan ahli koperasi di mana pada tahun 1980-an, persatuan ini dikenali sebagai koperasi. Persatuan nelayan ini memberi peluang dan menjadi tempat untuk setiap nelayan menyalurkan pendapat dan juga aduan mereka jika terdapat sebarang masalah. Selain itu, persatuan nelayan juga merupakan satu rangkaian di mana ia menjadi tempat untuk berhubung dengan nelayan-nelayan yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat juga nelayan yang tidak menjadi ahli dalam persatuan nelayan. Terdapat ahli wanita dalam persatuan di kampung ini tetapi mereka tidak terlibat dengan aktiviti penangkapan ikan di laut. Ahli wanita dalam persatuan ini merupakan isteri para nelayan yang membantu suami mereka secara langsung atau tidak langsung dalam penjualan hasil tangkapan dan juga aktiviti-aktiviti lain.

Kehidupan Komuniti Nelayan Teluk Gong

Pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk mengubah dan mempertingkatkan taraf hidup serta membasmi kemiskinan tegar para nelayan di negara ini. Tiada jangka masa yang ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan komuniti nelayan, tetapi kerajaan menerusi agensi dan jabatan yang berkaitan akan terus memberi bantuan kepada golongan itu. Namun ini semua bergantung pada sikap para nelayan sendiri sama ada mereka mahukan perubahan atau sebaliknya. Hasil temu bual mendapati masih terdapat segelintir nelayan yang masih tidak tahu mengenai kemudahan yang disalurkan oleh LKIM. Hal ini menyukarkan bagi pihak persatuan untuk memberikan bantuan yang sepatutnya kepada nelayan pada masa yang sama nelayan itu sendiri tidak berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Hasil temu bual dengan ahli komuniti nelayan Teluk Gong mendapati jumlah pendapatan harian yang mereka peroleh kadang-kadang sangat lumayan dan kadang-kadang mereka juga pernah pulang dengan tangan kosong. Pendapatan harian yang mereka peroleh tidak menentu bergantung pada keadaan dan cuaca semasa di laut.

“...kadang-kadang satu malam boleh dapat RM1000, tapi 2,3 bulan kemudian belum tentu dapat apa-apa. Nak cover minyak pun susah, itu cara dia”.

Hasil tangkapan ikan yang diperolehi tidak akan dikumpul bersama dengan nelayan lain tetapi akan dijual secara persendirian kepada peraih-peraih yang telah sedia menunggu di jeti untuk terus dijual ke pasar-pasar. Walau bagaimanapun, masih terdapat lagi sesetengah nelayan yang mempunyai masalah dari segi pemasaran di mana mereka sukar untuk mendapatkan peraih bagi menjual hasil tangkapan mereka dan terpaksa menunggu pelanggan untuk membeli hasil tangkapan.

“.....tu fasal kita nak mencari juga tukang ambil ikan ni. Kita tak ada lah jadi kelam kabut nak menjual ke sana sini. Macam kalau ada peraih ni, kita dah tetap. Dia memang ada ikan naik, dah ada orang dah nak tolak. Tak perlu menunggu kan. Kadang-kadang kita sampai 2 jam

menunggu. Kalau ada orang kampung datang membeli, cepat lah habis. Kadang-kadang tu, kita dah naik, tapi orang kampung tak datang nak beli, termenung nak tunggu ikan habis. Tu pun masalah juga kita orang”.

Selain keluar menangkap ikan di laut, mereka juga mendapat pendapatan sampingan daripada hasil projek ternakan ikan dalam sangkar secara kecil-kecilan dan juga petani. Sebagai contoh, Encik Said mempunyai kebun pisang sendiri. Beliau akan turun ke laut sebagai nelayan pada waktu malam dan pada waktu siang beliau akan berkebun. Selain ikan, kupang juga merupakan hasil laut yang digunakan dalam projek ternakan dalam sangkar. Projek ternakan dalam sangkar tersebut dilakukan secara berkelompok dan ini merupakan salah satu usaha untuk memperoleh pendapatan secara berterusan dan tidak hanya bergantung pada hasil tangkapan ikan di laut.

“.....kalau musim tengkujuh, kita cari lah kerja lain untuk menyara keluarga”.

Selain itu, ada juga dalam kalangan nelayan ini yang mempunyai pekerjaan lain tetapi menjadikan aktiviti menangkap ikan sebagai sumber pendapatan sampingan. Hal ini bersesuaian dengan saranan pihak kerajaan supaya golongan nelayan tidak hanya terus bergantung pada sumber laut semata-mata, tetapi boleh menceburi bidang ternakan termasuk akuakultur atau industri asas tani secara kecil-kecilan.

Peningkatan bilangan warga tua di Malaysia (60 tahun ke atas) akan mencapai paras 2.2 juta orang atau 9.5% menjelang tahun 2020. Statistik ini akan membawa satu dimensi baru berkaitan dengan penjagaan warga tua dalam kalangan anak dewasa. Anak-anak dewasa pula, selain daripada menghadapi bebanan untuk menyara keluarga sendiri, terpaksa menyara orang tua mereka yang mana kosnya semakin hari semakin meningkat. Kertas kerja ini meninjau aspek sokongan emosional dan timbal balik dalam hubungan anak dewasa (penjaga) dengan warga tua menggunakan pendekatan teori pertukaran sosial. Kaedah survei telah digunakan untuk mengumpul data daripada 640 orang anak dewasa daripada etnik Melayu, Cina dan India. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 65% (bandar) dan 59.7% (luar bandar) anak dewasa yang menjaga warga tua adalah anak dewasa perempuan yang majoritinya telah berkahwin dan mempunyai anak antara 1 ke 3 orang. Majoriti responden luar bandar (92.8%) dan 43.1% responden bandar tinggal bersama dengan warga tua yang dijagainya dan kerelaan untuk menjadi penjaga kepada warga tua adalah merupakan pilihan mereka sendiri. Pasangan penjaga merupakan pemberi bantuan fizikal dan emosional utama dalam proses penjagaan warga tua.

Kata Kunci: sokongan emosional, anak dewasa dan warga Tua

PENGENALAN

Isu penjagaan warga tua oleh anak dewasa, terutama mereka yang tinggal di bandar, merupakan salah satu isu yang baru dan menarik perhatian masyarakat umum di Malaysia. Walaupun ia telah lama dikaji di negara-negara yang maju, fenomena ini masih lagi dianggap baru di negara yang sedang membangun (Jameelah, et al., 2003). Kecanggihan teknologi perubatan dan pertambahan jangka hayat individu telah membawa kepada peningkatan jumlah warga tua di Malaysia. Kini, Malaysia dianggarkan akan mempunyai seramai 9.5 % atau 2.2 juta populasi yang berumur 60 tahun ke atas menjelang tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2001). Ini bermakna lebih ramai warga tua yang terpaksa bergantung kepada orang lain untuk menjalani kehidupan harian. Justeru itu, keadaan ini memberi kesan kepada anak dewasa dan keluarga mereka untuk menanggung perbelanjaan kesihatan, perkhidmatan penjagaan dan menggalas pelbagai tanggungjawab yang lebih besar.

Pada kebiasaannya warga tua lebih senang dengan persekitaran yang telah sehati dengan diri mereka, misalnya rumah, pasar, keluarga, saudara-mara dan kawan yang telah lama mereka

berhubungan. Di dalam masyarakat Asia sendiri, fenomena warga tua yang selesa menetap bersama dengan anak atau anggota keluarga yang mempunyai hubungan persaudaraan menjadi suatu lumrah yang biasa. Mereka sering mengharapkan bantuan dan perhatian daripada anak-anak, saudara-mara, jiran-tetangga dan rakan-rakan (Steenvoorden et al., 1993). Di Malaysia, terdapat lebih kurang 72% warga tua yang menetap dengan anak-anak mereka (Chen, 2002). Dapatan kajian yang dibuat oleh Chen, 2002 jelas menunjukkan kebergantungan warga tua kepada anak dewasa untuk mengharungi sisa-sisa kehidupan mereka.

Kebergantungan warga tua berlaku apabila mereka dahulunya berdikari kini telah uzur dan terpaksa bergantung kepada anak dewasa. Perubahan hubungan ini juga mewujudkan pola hubungan asimetri antara anak dewasa dan ibu bapa. Hubungan asimetri semasa peringkat akhir hidup ibu bapa tua berlaku dengan anak dewasa yang mengambil alih peranan sebagai penjaga kepada ibu bapa (Qureshi dan Walker, 1989). Kebanyakan kajian lepas yang dijalankan, khususnya di Malaysia, mencadangkan bahawa anak-anak mesti berperanan membalas pengorbanan orang tua kerana mereka juga bakal menjadi tua suatu masa nanti. Anak dewasa harus memahami perasaan, bersikap timbang rasa, menghargai, menyayangi dan menghormati ibu bapa mereka (Yaacob Harun, 1993; Faridatul Azna dan Che Sahak, 1999; Yahya dan Wan Ibrahim, 2000 dan Tengku Aizan et al. 2000).

Dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, aspek yang paling penting dalam hubungan intergenerasi adalah sokongan dan bantuan untuk satu atau lebih warga tua merupakan tanggungjawab utama anak dewasa. Tetapi sokongan dan bantuan untuk warga tua selalunya dianggap sebagai hubungan statik dan bergantung kepada anak dewasa. Manakala anak dewasa pula menjangkakan hubungan seperti itu telah memenuhi tanggungjawab atau memuaskan hati ibu bapa mereka. Sebaliknya, aspek sokongan emosional dan timbal balik (*reciprocal*) antara hubungan generasi tidak diberi perhatian sepenuhnya oleh anak dewasa dalam menjaga ibu bapa tua mereka. Dalam hubungan intergenerasi antara anak dewasa dan warga tua yang melibatkan pelbagai jenis sokongan sosial dan hubungan timbal balik, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti sokongan emosional dan hubungan timbal balik dengan menggabungkan dimensi yang dicadangkan oleh teori pertukaran sosial (*social exchange theory* oleh Emerson, 1962 dan 1972; Brackbill dan Kitch, 1991) dalam kalangan anak dewasa yang menjaga warga tua.

Teori Pertukaran Sosial dan Penjagaan Warga Tua

Emerson (1962) berpendapat bahawa hubungan bergantung kepada keupayaan antara satu sama yang lain berasaskan kepada ganjaran yang mempunyai nilai. Sumber pertukaran (*exchange resources*) dalam bentuk ganjaran yang bernilai merangkumi sokongan, kewangan, maklumat, kasih sayang, tenaga, patuh kepada arahan ibu bapa tua atau pemberian harta. Menurut teori ini, jika seseorang individu mempunyai keupayaan yang rendah dalam memberikan ganjaran kepada individu lain, maka individu itu dianggap mempunyai hubungan kebergantungan kepada individu lain dan individu yang mempunyai sumber pertukaran yang lebih besar mempunyai lebih banyak kuasa dalam hubungan tersebut. Tambahan pula, jika pertukaran dalam hubungan terlalu jauh dan tidak seimbang, maka hubungan tersebut menjadi tidak stabil dan boleh berlaku konflik.

Brackbill dan Kitch (1991) pula mendapati bahawa konsep dalam teori pertukaran sosial ini amat berguna untuk memahami mengapa sesetengah individu boleh tinggal bersama dengan ibu bapa tua mereka dan mengapa individu lain tidak boleh berbuat demikian. Warga tua yang masih tinggal serumah dengan anak dewasa membawa lebih pertukaran berbanding dengan warga tua yang tidak boleh tinggal dengan anak dewasa mereka. Warga tua yang tinggal bersama dengan anak dewasa biasanya kurang suka mendesak atau membebankan anak dewasa dalam aspek meminta bantuan dan sokongan sosial. Malah warga tua cenderung memberi bantuan kepada keluarga dari segi kewangan di samping mereka juga cenderung melakukan aktiviti di luar rumah dan secara tidak langsung mengurangkan interaksi dalam rumah tangga yang boleh mencetuskan konflik dalam perhubungan anak dan warga tua tersebut. Manakala Brackbill dan Kitch (1991) mendapati bahawa warga tua yang tinggal berasingan dengan anak dewasa cenderung untuk mendesak dan membebankan serta kurang memberi sumbangan timbal balik kepada anak dewasa. Warga tua tersebut memerlukan lebih banyak bantuan; mereka kurang suka membantu keluarga daripada aspek kewangan dan ini bermakna anak dewasa akan berdepan dengan konflik antara ingin menjaga ibu bapa mereka atau mencari peluang pekerjaan untuk menampung kos penjagaan. Apabila warga tua kurang melakukan aktiviti di luar rumah, ada kecenderungan dalam kalangan mereka bagi mencetuskan konflik dalam interaksi dan perhubungan dalam keluarga.

Apabila warga tua boleh membawa lebih banyak nilai dalam pertukaran (hubungan timbal balik) terutama dalam memberi bantuan kewangan, maka anak dewasa adalah lebih berkemungkinan untuk merasakan yang mereka kurang autonomi, kebebasan dan privasi dalam mengimbang balas. Tetapi apabila warga tua kurang membawa pertukaran dalam perhubungan, maka warga tua merasakan bahawa tanggungjawab dalam menjaga mereka kurang memuaskan dan sebaliknya anak dewasa juga merasakan bahawa menjaga warga tua tersebut juga sesuatu yang amat membebankan (Atchley dan Barush, 2004).

Isu penjagaan ini daripada perspektif sokongan sosial adalah merupakan fokus kertas kerja ini. Kahn dan Antonucci (1980) mendefinisikan sokongan sosial sebagai transaksi interpersonal yang melibatkan satu atau lebih elemen berikut: kasih sayang, pengakuan dan bantuan. Kasih sayang dilihat sebagai ekspresi minat dan merangkumi bantuan. Pengakuan atau persetujuan dilihat sebagai ekspresi persetujuan atau penerimaan kesesuaian atau kebenaran sesuatu tindakan atau pernyataan oleh seseorang. Bantuan merangkumi bantuan secara langsung atau pertolongan dari segi kewangan, maklumat, masa dan keperluan.

George dan Gwyther (1986) mengkaji keperluan sokongan sosial untuk kesejahteraan keluarga. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesejahteraan anak dewasa lebih baik jika mereka merasakan perlu ada lebih banyak jaringan sokongan sosial dalam proses penjagaan ibu bapa. Walau bagaimanapun, keberkesanan jaringan sokongan sosial sebagai bantuan bergantung kepada penyesuaian keperluan mereka yang menerima bantuan sosial dengan sumber dan kemahiran pemberi bantuan sosial tersebut. Thoits (1986) mencadangkan bahawa sosiobudaya dan kesamaan situasi boleh meningkatkan keberkesanan bantuan kerana ia mempertingkatkan kemungkinan untuk mengangap dan menerima pemahaman empati. Dapatan kajian kualitatif yang dijalankan oleh Khadijah (2008) membuktikan bahawa sokongan timbal balik hanya wujud di kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat berbanding dengan ibu bapa yang kurang

upaya dan sakit terlantar. Fenomena ini bersesuaian dengan rumusan Bengston et al. (1996) bahawa warga tua yang sihat biasanya bukan sahaja penerima bantuan, malah lazimnya mereka juga merupakan pemberi bantuan kepada anak dewasa.

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti sokongan emosional, fizikal dan hubungan timbal balik dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua mereka. Ia merupakan satu bahagian kecil daripada satu kajian besar tentang penjagaan anak dewasa terhadap orang tua. Secara spesifiknya, kertas kerja ini akan menghuraikan:

- (a) hubungan di antara komponen sokongan emosional dan sokongan sosial yang lain dengan hubungan timbal balik antara anak dewasa dan ibu bapa tua mereka; dan
- (b) siapakah yang paling banyak beri bantuan kepada responden dalam proses penjagaan.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah survei di mana anak dewasa (responden kajian) yang menjaga warga tua telah ditemu bual secara bersemuka oleh enumerator yang telah dilatih oleh para penyelidik. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan berstruktur yang disediakan dalam borang soal selidik. Secara keseluruhan seramai 640 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Pembahagian jumlah responden setiap negeri adalah setara iaitu sebanyak 160 responden bagi tiap-tiap negeri. Pengenal pastian responden telah dibuat oleh penghulu dan ketua kampung kawasan masing-masing dengan mendapat kebenaran daripada pegawai daerah di setiap negeri. Pihak penyelidik tidak menghadapi sebarang halangan dalam menemubual responden. Lokasi kajian ini merangkumi empat negeri iaitu Perak (utara), Selangor (tengah), Negeri Sembilan (selatan) dan Pahang (timur). Secara spesifiknya, lokasi kajian adalah di bandar dan luar bandar kerana ia merupakan salah satu kriteria pemilihan sampel untuk kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India. Jadual 1 menunjukkan negeri dan daerah yang dipilih dalam kajian ini.

Jadual 1: Kawasan Kajian mengikut Negeri

Negeri	Kawasan kajian
Perak	Ipoh Taiping
Selangor	Seri Kembangan Semenyih
Negeri Sembilan	Seremban Kuala Pilah
Pahang	Kuantan Raub

Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan SPSS dan statistik deskriptif seperti min dan peratus telah digunakan untuk menentukan taburan responden mengikut faktor-faktor terpilih serta hubungan antara komponen sokongan emosional dan sokongan sosial dengan hubungan timbal balik antara anak dewasa yang menjaga warga tua.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Daripada 640 responden yang ditemu bual, 62.4% adalah perempuan dan 37.4% adalah lelaki. Kajian-kajian lepas memfokuskan kepada penjaga primer sahaja, di mana 74.0% merupakan golongan wanita yang menjadi penjaga kepada warga tua. Amat kurang anak lelaki dan saudara mara lelaki yang memberi penjagaan primer (Stone, Cafferata dan Singl, 1987). Jadual 2 menunjukkan bahawa umur di antara 30 hingga 49 tahun merupakan majoriti responden yang mengambil tanggungjawab menjaga warga tua. Purata min umur anak dewasa yang menjaga warga tua adalah 43 tahun untuk mereka di bandar dan luar bandar. Purata umur ini jelas menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada generasi tengah. Generasi tengah ialah generasi anak dewasa yang bertanggungjawab terhadap keluarga sendiri di samping menjaga ibu bapa tua mereka. Bagi generasi tengah, mereka akan berhadapan dengan isu bantuan dan sokongan kepada ibu bapa yang mengalami proses penuaan di samping bertanggungjawab di atas keluarga mereka sendiri (Bertram et al., 1996).

Masyarakat Melayu lebih banyak di luar bandar, iaitu 92.8% dibandingkan dengan 43.1% di bandar. Ini diikuti dengan etnik Cina dan India yang lebih banyak di bandar, iaitu 36.6% dan 20.3% berbanding dengan mereka yang tinggal di luar bandar yang hanya 5.3% (etnik Cina) dan 1.9% (etnik India). Daripada segi status perkahwinan pula, kajian ini mendapati kebanyakan responden sudah berkahwin dan kira-kira 15% ke 20% masih bujang dan sudah terlibat dalam penjagaan orang tua mereka. Selain daripada itu, hampir dua per tiga daripada responden (64.2%) di bandar dan luar bandar mempunyai bilangan anak antara 1 hingga 3 orang (sila lihat Jadual 2 untuk maklumat terperinci).

Status Kesihatan Responden

Kajian ini juga menunjukkan bahawa 77.5% (bandar) dan 77.8% (luar bandar) mempunyai status kesihatan yang baik. Hanya kira-kira 22% sahaja yang menyatakan bahawa mereka pernah mengalami masalah kesihatan. Penyakit-penyakit yang dilaporkan oleh responden adalah seperti darah tinggi, kencing manis, sakit sendi dan lain-lain (sila rujuk Jadual 3 untuk maklumat terperinci).

Jadual 2: Profil Demografi Responden (n = 640)

<i>Profil Responden</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Jantina		
Lelaki	35.0	40.3
Perempuan	65.0	59.7
Kumpulan Umur		
< 29	0.7	0.6
30-39	35.6	33.1
40-49	45.0	45.3
50-59	15.3	18.8
60 >	3.4	2.2
Umur (min 43.3)		
Etnik		
Melayu	43.1	92.8
Cina	36.6	5.3
India	20.3	1.9
Status Perkahwinan		
Bujang	15.9	20.3
Berkahwin	76.9	75.0
Berceraai/berpisah	3.7	2.9
Duda/balu	3.5	1.8
Bilangan Anak Responden		
1-3	67.5	60.9
4-6	28.1	33.4
7-9	4.1	4.7
10-13	0.3	0.6
14-18	0	0.4

Jadual 3: Status Kesihatan Responden (n = 640)

<i>Status Kesihatan</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Pernah mengidap sebarang penyakit		
Ya	22.5	22.2
Tidak	77.5	77.8
Jenis penyakit responden		
Darah Tinggi	51.4	45.8
Kencing Manis	26.4	26.4
Sakit Sendi	11.1	8.3

Demam Chikungnya	5.6	6.9
Sakit Jantung	2.8	9.7
Kanser	1.4	1.4
Angin Ahmar (Stroke)	1.4	1.4

Jadual 4: Hubungan Antara Responden dengan Warga Tua (n = 640)

<i>Item</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Hubungan dengan warga tua		
Ibu	50.8	50.9
Bapa	32.0	30.4
Ibu/Bapa Mertua	14.9	13.5
Ibu/Bapa Tiri	0.6	1.5
Ibu/Bapa Angkat	0.3	0.2
Ibu/Bapa Saudara	0.3	1.5
Nenek/Datuk	1.1	2.0
Umur Warga Tua		
50-60	10.2	6.4
61-70	41.7	29.2
71-80	31.8	40.4
81-90	15.5	22.8
90 >	0.8	1.2
Tempat Tinggal Responden-Warga Tua		
Tinggal bersama keluarga	43.1	92.8
Tinggal berdekatan	36.6	5.3

Hubungan Reponden dengan Warga Tua

Dapatan kajian ChorSwang dan DaVanzo (1999) menunjukkan bahawa anak dewasa dalam masyarakat Melayu, terutama yang telah berkahwin, agak bebas untuk keluar bekerja atau mencari kerja di mana sahaja. Anak dewasa yang telah berkahwin tidak dipertanggungjawabkan untuk tinggal bersama dengan ibu bapa mereka. Keluarga Melayu juga lazimnya mengamalkan sistem bilateral, di mana anak dewasa boleh memilih tempat tinggal selepas berkahwin sama ada di pihak lelaki ataupun pihak perempuan. Walau bagaimanapun, Jadual 4 menunjukkan bahawa peratusan yang sama (50%) bagi responden bandar dan luar bandar yang menjaga ibu mereka, manakala kira-kira 30% menjaga bapa, 14% menjaga ibu bapa mertua dan lain-lain. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak ada perbezaan ketara antara penjagaan gender di bandar maupun luar bandar. Piercy (1998) menyatakan bahawa apabila anak dewasa memberikan bantuan penjagaan kepada ibu bapa mereka, anak perempuan dan menantu perempuan biasanya memainkan peranan penjagaan yang utama (primary care givers) dan anak lelaki dan menantu lelaki pula menyediakan bantuan tambahan kepada isteri atau adik/kakak perempuan mereka. Jenis-jenis penjagaan yang diberikan oleh anak

perempuan antaranya: penjagaan praktikal (misalnya mencuci pakaian, penyediaan makanan, penjagaan anak dan mengemas rumah) bantuan personal (misalnya bercakap tentang masalah dan memberi nasihat) dan bantuan *material* (misalnya kewangan dan hadiah) (Eriksen dan Gerstel, 2002).

Daripada segi umur terdapat sedikit perbezaan antara warga tua di bandar dan luar bandar di mana 41.7% responden bandar menjaga warga tua yang berumur antara 61-70 tahun berbanding dengan 29.2% responden luar bandar yang menjaga warga tua yang berumur sama. Bagi warga tua yang berumur antara 71-90 tahun pula, 47.3% responden bandar dan 63.2% responden luar bandar yang menjaga warga tua dalam lingkungan umur berkenaan.

Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap pergantungan terhadap anak dewasa bandar dan luar bandar. Bagi warga tua yang berumur di antara 61-70 tahun, tahap pergantungan kepada anak dewasa lebih tinggi di bandar berbanding dengan luar bandar. Sebaliknya penjagaan warga tua di bandar semakin berkurangan pada usia 71 hingga 90 tahun (47.3%) berbanding dengan di luar bandar iaitu, sebanyak 63.2%. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa jangka hayat kehidupan warga tua di luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan di bandar.

Kajian ini juga telah memilih anak dewasa yang tinggal serumah dengan warga tua dan/atau berhampiran sebagai sampel bagi menghuraikan pengalaman penjagaan mereka. Hampir semua responden yang tinggal di luar bandar memilih untuk tinggal bersama ibu bapa kandung dan/atau ibu bapa mertua, iaitu, 92.8%. Berbanding dengan responden di bandar, 43.1% memilih tinggal bersama warga tua dan 36.6% tinggal berdekatan dengan warga tua. Hasil kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4 memberi gambaran bahawa kebanyakan anak dewasa masih tinggal bersama ibu bapa kandung atau ibu bapa mertua di bandar ataupun di luar bandar, walaupun ada indikator yang menunjukkan peningkatan dalam trend di mana anak dewasa tinggal berdekatan dengan warga tua mereka terutama di bandar.

Dapatan kajian Da Vanzo dan Chan (1994), lebih dua pertiga penduduk Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas tinggal bersama anak dewasa. Jabatan Statistik Malaysia (1998) juga melaporkan 59% warga tua tinggal bersama anak-anak mereka. Kajian Chen (2002) pula mendapati bahawa hampir 72% warga tua di Malaysia tinggal bersama anak dewasa mereka. Di negara Asia Tenggara yang lain juga mempamerkan ibu bapa tua yang menetap bersama anak dewasa secara relatifnya sangat tinggi; misalnya 71% atau lebih ibu bapa tua tinggal bersama anak dewasa di Filipina. Di Taiwan dan Thailand pula menunjukkan trend yang hampir sama iaitu 63%. Manakala di Indonesia dan Singapura kebanyakan ibu bapa tua tinggal bersama anak dewasa (Chan, 2005; Cameron, 2000; Ofstedal et al., 1999). Berpanduan kajian lepas, kajian ini juga menunjukkan ramai ibu bapa tinggal bersama anak dewasa mereka.

Jangka Masa Penjagaan dalam Kalangan Anak Dewasa

Sesuatu peristiwa (suka/duka, pahit/manis, susah/senang) yang mesti dilalui/dialami oleh seseorang untuk memahami makna sesuatu pengalaman. Jangkamasa penjagaan amat signifikan dalam kehidupan seseorang anak dewasa untuk memahami makna sesuatu pengalaman. Dalam kajian ini makna pengalaman berasaskan kepada proses penjagaan

berasaskan tempoh jangka masa yang dilalui oleh anak dewasa dalam menjaga ibu bapa mereka. Proses penjagaan ini sering dilihat sebagai aktiviti yang dilakukan oleh anak perempuan kerana penekanannya terhadap membela (*nurturance*), aktiviti penjagaan diri (*personal care tasks*) dan kerja rumah (*household activities*). Tetapi definisi ini tidak mengambil kira isu kuasa (*authority*) dalam menjaga warga tua, penyeliaan dalam mengurus penjagaan dan keperluan mendapatkan perubatan (Miller, 1987; Prunco dan Resch, 1989).

Jadual 5 menunjukkan lebih daripada separuh (58% bandar dan 57.7% luar bandar) responden menyatakan bahawa mereka menjaga warga tua dalam tempoh 1 hingga 10 tahun dan diikuti dengan jangkamasa 11 hingga 20 tahun, iaitu, sebanyak kira-kira 28% di bandar dan luar bandar.

Jadual 5: Jangka Masa dan Pengalaman Membantu Penjagaan (n = 640)

<i>Profil Penjagaan</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Tempoh Penjagaan		
1 - 10 tahun	58.0	57.7
11 - 20 tahun	28.4	28.2
21 - 30 tahun	11.4	12.8
30 - 40 tahun	2.3	1.3
Pengalaman Penjagaan		
Ya	71.2	96.4
Tidak	28.8	3.6

Apabila ditanya sama ada mereka mempunyai pengalaman penjagaan warga tua, 71.2% responden bandar dan 96.4% responden luar bandar menyatakan mereka mempunyai pengalaman penjagaan (Jadual 6). Majoriti responden (90%) di bandar dan luar bandar menyatakan bahawa mereka yang menentukan pilihan untuk menjadi penjaga kepada warga tua. Manakala warga tua pula memilih responden sebagai penjaga hanya sebanyak kira-kira 5% di bandar dan luar bandar (Jadual 7). Ini bermakna atas rasa tanggungjawab seseorang itu memilih untuk menjaga orang tua mereka. Mereka tinggal serumah atau berdekatan dan sudah menjadi lumrah (atau ada yang menyatakan bahawa takdir yang menentukan segala-galanya) untuk mereka mengambil peranan berbuat demikian.

Jadual 7: Penentu Menjadi Penjaga (n = 640)

<i>Penentu Penjaga</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Pilihan sendiri	91.0	90.7
Pilihan warga tua	5.2	5.8
Dipilih adik beradik	1.3	3.5

Sokongan Sosial Yang Diberikan Selain Daripada Responden

Kajian yang dijalankan oleh Asnarulkhadi et al. (2006) mengenai peranan keluarga dalam memberikan sokongan sosial kepada warga tua mendapati bahawa jenis sokongan terbahagi kepada dua. Jenis sokongan bukan fizikal yang diterima seperti penjagaan kesihatan, penjagaan semasa sakit, penjagaan harian, riadah, komunikasi, tempat mengadu masalah dan lain-lain. Dari aspek sokongan fizikal pula seperti penyediaan alat pergerakan, alat komunikasi, pengangkutan, tempat tinggal, makanan, kelengkapan rumah, pakaian dan pemberian kewangan. Antara yang paling kurang diterima adalah riadah dan paling banyak diterima pemberian wang, makanan dan sebagainya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa secara keseluruhan warga tua amat berpuas hati dengan sokongan bantuan daripada keluarga.

Khadijah (2008) mendapati bahawa jenis bantuan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak dewasa adalah bantuan emosi melalui berkongsi masalah, memberi bantuan kewangan, memasak, membeli belah, mengemas rumah dan mengurus cucu serta mengurus pergi dan balik sekolah cucu semasa anak dewasa keluar bekerja. Daripada aspek pengurusan penjagaan pula, anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat kurang mengalami beban penjagaan. Bahkan mereka mendapat banyak bantuan daripada keluarga luas dan pelbagai bantuan tambahan daripada organisasi sosial. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan warga tua di bandar atau luar bandar masih sihat dan aktif.

Jadual 8: Pemberi Bantuan Fizikal selain daripada responden (n = 640)

Pemberi Bantuan	Tidak Pernah		Jarang		Kadang - kadang		Kerap		Setiap hari		Min	Min
	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar	Luar Bandar
Pasangan	24.4	28.4	3.4	2.2	10.3	8.8	36.9	32.5	25.0	28.1	3.35	3.30
Anak-anak	8.4	9.1	19.1	16.3	38.4	37.8	28.4	31.3	5.7	5.5	3.04	3.08
Adik-beradik	25.0	27.8	14.1	10.3	23.1	26.3	29.4	26.6	8.4	9.1	2.82	2.79
Saudara-mara	30.9	22.5	33.1	34.7	30.3	35.0	5.7	7.8	0	0	2.11	2.28
Kawan	31.9	29.7	32.5	32.2	30.3	35.0	5.3	2.8	0	0.3	1.88	1.98
Jiran	36.6	34.4	39.4	37.8	22.2	24.7	1.8	3.1	0	0	1.95	2.13
Jawatankuasa Rumah Ibadat	72.2	53.8	19.1	26.1	8.1	18.8	0.6	1.3	0	0	1.37	1.68

Jadual 8 membentangkan dapatan mengenai pemberi bantuan yang terdiri daripada pasangan (suami atau isteri), anak-anak, adik-beradik, saudara mara, kawan, jiran dan jawatankuasa rumah ibadat (masjid, gereja, tokong atau kuil). Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa pasangan responden merupakan paling kerap membantu menjaga ibu bapa tua mereka (min = 3.35), diikuti oleh anak-anak (min = 3.04), adik beradik (min = 2.82) dan saudara-mara (min = 2.11). Purata kekerapan bantuan menunjukkan trend yang hampir sama di bandar mahupun di luar bandar. Sebaliknya dapatan kajian juga

menunjukkan bahawa responden kurang mendapat bantuan daripada saudara mara, kawan, jiran dan jawatankuasa rumah ibadat.

Jadual 9 memaparkan pemberi bantuan emosional selain daripada responden kepada warga tua di bandar dan luar bandar. Bantuan emosional dalam kajian ini didefinisikan sebagai bantuan daripada aspek berbual-bual, mendengar keluh-kesah, memujuk, prihatin dengan masalah yang dihadapi, tempat mengadu daripada segi agama dan rohani. Hasil kajian menunjukkan trend yang sama seperti bantuan fizikal di mana pasangan kepada responden yang paling kerap memberi bantuan emosional kepada warga tua (min = 3.23), diikuti dengan anak-anak, adik beradik dan saudara-mara. Dapatan kajian bantuan fizikal dan emosional memang sudah dijangka kerana mereka yang paling hampir dengan warga tua (tinggal serumah atau berdekatan dan/atau yang mempunyai pertalian darah sudah semestinya menyumbang lebih daripada mereka yang bukan ahli keluarga.

Jadual 9: Pemberi Bantuan Emosional selain daripada responden (n = 640)

Pemberi Bantuan	Tidak Pernah		Jarang		Kadang - kadang		Kerap		Setiap hari		Min	Min
	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar	Luar Bandar
Pasangan	24.7	27.5	4.1	1.3	12.8	10.9	36.3	32.8	22.1	27.5	3.27	3.32
Anak-anak	16.5	11.6	19.7	20.0	34.4	42.2	26.9	23.7	2.5	2.5	2.79	2.86
Adik-beradik	35.0	38.4	15.9	15.0	19.4	18.4	25.0	21.9	4.7	6.3	2.48	2.43
Saudara-mara	31.3	28.1	33.4	33.8	29.4	31.2	5.9	6.9	0	0	2.10	2.17
Kawan	31.9	29.7	32.5	32.2	30.3	35.0	5.3	2.8	0	0.3	2.09	2.12
Jiran	36.6	34.4	39.4	37.8	22.2	24.7	1.8	3.1	0	0	1.89	1.97
Jawatankuasa Rumah Ibadat	70.6	57.5	19.4	25.0	9.7	17.2	0.3	0.3	0	0	1.40	1.60

Dapatan kajian Asnarulkhadi et al. (2006) juga mendapati bahawa jenis sokongan yang paling diharapkan oleh warga tua adalah sokongan sosial, iaitu ziarah, sokongan kewangan dan kasih sayang daripada keluarga. Persoalannya, siapakah yang paling diharapkan untuk memberi sokongan? Anak lelaki atau perempuan? Persepsi tradisional mengharapkan anak lelaki. Persepsi tradisional ini agak sukar dipertahankan dalam amalan kehidupan harian yang moden dewasa ini (Asnarulkhadi et al., 2006). Salah satu sebab mengapa persepsi tradisional ini tidak dapat dipertahankan oleh masyarakat kini kerana kesan modenisasi yang mengubah struktur keluarga dan harapan (norma dan budaya tradisional) masyarakat. Fenomena ini juga ada kaitan dengan jumlah anak dan kos menyara hidup dewasa ini di mana kadar fertiliti anak dewasa menurun dan kos keseluruhan menyara keluarga telah meningkat sehingga memaksa sumai isteri bekerja. Secara tidak langsung, data kajian ini juga menunjukkan bahawa jangka hayat warga tua juga meningkat seiring dengan kos perubatan dan penjagaan warga tua yang turut meningkat dengan drastik. Berdasarkan faktor-faktor inilah yang menyebabkan sokongan emosional dan fizikal secara keseluruhan yang diberikan oleh anak dewasa dan selain daripada mereka hanya sekadar “ambil ada” sahaja.

RUMUSAN

Kajian ini merumuskan bahawa warga tua kurang mendapat bantuan secara fizikal dan emosional selain daripada responden. Manakala bagi meringankan beban penjagaan responden, sokongan dan bantuan daripada anggota keluarga dan komuniti adalah amat perlu. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden masih bekerja, telah berkeluarga, mempunyai anak di bawah tanggungan dan menjaga ibu bapa mereka. Oleh yang demikian, kajian ingin mencadangkan sokongan sosial berteraskan pendidikan komuniti perlu direka bentuk untuk mengerakkan secara berterusan antara keluarga dan anggota komuniti yang lain dengan institusi sosial dalam persekitaran kehidupan warga tua bagi mencapai penuaan berjaya (*successful aging*).

Pendidikan informal untuk penjagaan warga tua kepada anak dewasa, warga tua dan komuniti secara keseluruhan adalah amat penting dalam meningkat kualiti kehidupan komuniti. Sebaliknya diharapkan kerajaan perlu mengambil langkah proaktif dalam meningkat kualiti dan kuantiti rumah penjagaan harian untuk warga Tua dan rumah penjagaan sementara (*respite care*) terutama untuk melatih warga tua berdikari dan memberi peluang kepada penjaga (responden) berehat seketika. Secara praktis, polisi kerajaan telah mengaplikasikan bantuan dan sokongan untuk warga tua dan penjaga mereka di Malaysia. Tetapi kekurangan rumah penjagaan harian dan rumah penjagaan sementara adalah amat serius untuk jangkamasa 10 tahun akan datang. Polisi ini secara signifikan dapat mengurangkan beban penjagaan anak dewasa dan kesejahteraan warga tua juga lebih terjamin dan berkualiti.

RUJUKAN

- Asnarulkhadi Abu Samah, Amna Md. Noor, Maa'rof Redzuan, Nobaya Ahmad, Maznah Baba dan Mohamad Fadzillah Bagat. (2006). *Sokongan sosial warga tua: Satu kajian rol famili*. Monograf Institut Gerontologi, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Atchley, R. dan Baruch, A. (2004). *Social forces and aging: An introduction to social gerontology* (10th edition). USA: Thompson Wadsworth.
- Bengtson, V.L, Rosenthal C., Burton, L., Binstock, R.H. (1996). *Handbook of aging and the social sciences*. Academic Press: San Diego, CA
- Bertram, J. dan Karen Altergott (1996). The family of the second half of life: connecting theories and findings. In Rosemary B. and Victoria H. B. (Ed), *Aging and the family : Theories and research*. London: Praeger.
- Brackbill, Y dan Kitch, D (1991). Intergenerational relationships: A social exchange perspective on joint living arrangements among the elderly and their relatives. *Journal of Aging Studies*, 5 (1): 315-325.
- Chan, Angelique. (2005). Formal and informal intergenerational support transfers in south-eastern asia. *United Nations Expert Group meeting on social and economy*

implications of changing populations age structures. United Nations Secretariat, Mexico City, 31 August – 2 September, 2005.

Chen, P.C.Y. (2002). The elderly Malaysian. *Malaysian Medical Association*. http://www.mma.org.my/info/4_elderly_84.htm.

ChorSwang Ngin and DaVanzo, J. (1999). Parent-child coresidence and quasi-coresidence in Peninsular Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 27, No. 2: 43-64.

DaVanzo, J. dan Angelique Chan. (1994). Living arrangement of older Malaysians who coresides with their adult children? *Demography*. 3 (1) 95 – 114.

Department of Statistics, Malaysia. *Senior Citizens and Population Ageing in Malaysia*. Population Census Monograph Series no. 4. Kuala Lumpur: National Printing Department, 1998.

Emerson, R.M. (1962). Power-dependence relations. *American Sociological Review*, 27: 31-41.

Emerson, R.M. (1972). Exchange theory. In J. Berger, M. Zelditch and B. Anderson (eds). *Sociological Theories in Progress*, vol. 2: 38-87. Boston: Houghton Mifflin.

Eriksen, S. dan Gerstel, N. (2002). A labor of love or labor itself: Care work among adult brothers and sisters. *Journal of Family Issues*, 23 (7):836-856.

Faridatul Azna Ahmad Shahabuddin dan Romzi Che Sahak. (1999). Perbelanjaan kesihatan warga di Semenanjung Malaysia. Dalam Abdul Aziz Jemain et al. (Penyunting). *Prosiding Isu-Isu Kependudukan Malaysia II*. Bangi, UKM.

George, L. K. dan Gwyther, L. (1986). Caregiver well-being: A multidimensional examination of family caregivers of demented adults. *The Gerontologist*, 26: 253 - 259.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1998). *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2001). *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Jameelah Zainuddin, Arokiasamy, J. T., Philip, P. (2003) Caregiving burden is associated with short rather than long duration of care for older persons. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 15,2, 88-93.

Kahn, R. dan Antonucci, T. (1980). Convoys over the life course: Attachment, roles and social support. In Baltes, P. B. dan Brim, O. *Life Span Development and Behaviour*. New York: Academic Press.

- Khadijah Alavi. (2008). Pengalaman menjaga ibu bapa tua dalam kalangan anak dewasa Melayu berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Tesis PhD. Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.
- Miller, S. A. (1987). *Developmental research method*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Ofstedal, M.B.; J. Knodel dan N. Chayovan. (1999). Intergenerational support and gender: A comparison of four Asian Countries. *Southeast Journal of Social Sciences*, 27 (2).
- Piercy, K.W. (1998). Theorizing about family caregiving. The role of responsibility. *Journal of Marriage and the Family*, 60 (1): 109 -118.
- Pruchno, R.A. dan Resch, N.L. (1989). Aberrant behaviors and Alzheimer's disease: Mental health effects of spouse caregivers. *Journal of Gerontology*, 44: 177 -182.
- Qureshi, H. dan Walker, A. (1989). The caring relationship: Elderly people and their families. Philadelphia: Temple University Press.
- Steenvoorden, M.A, Van der Pas & N.G.J., de Boer (1993). Family care of the older elderly: Casebook of initiatives. Netherlands Institute of Care and Welfare. EU Communities. Luxembourg.
- Tengku Aizan Hamid, Asnarulkhadi dan Masilawati (2000). *Kajian perspektif masalah dan keperluan warga tua johor*, UPM dan Yayasan Pembangunan Kerajaan Johor.
- Thoits, P.A. (1986). Multiple identities: Examining gender and marital status differences in distress, *Journal of Marriage and the Family*, 51: 873-893.
- Yaacob Harun. (1993). *Keluarga Melayu Bandar: Satu analisis perubahan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Yahya Ibrahim dan Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2000). Warga tua: Isu dan fenomena dalam konsep jiran pengaruh dalam konteks penjagaan warga tua Bandar. Dalam *Warga tua isu dan fenomena*. Abdul Aziz Jemain, Rahimah Abdul Aziz dan Lukman Z. Mohamad. Bangi : Penerbit UKM.

Faktor Penyumbang kepada Amalan Komunikasi Berkualiti dalam Keluarga dari Perspektif Remaja

Md. Salleh Hj. Hassan, Nurani Kamaruddin, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar,
Arnida Ayu Che Mee, Zaridah Abdullah
Universiti Putra Malaysia

Narimah Ismail
Universiti Malaysia Perlis

Abstrak

Kertas kerja ini menunjukkan bahawa hubungan baik antara ibu bapa dan anak mampu menghalang remaja daripada terlibat dengan aktiviti salah laku. Kajian lepas juga mendapati bahawa komunikasi antara ibu bapa dan anak adalah merupakan salah satu faktor yang menghalang anak daripada membabitkan diri dengan masalah sosial. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang dapat menyumbang kepada amalan komunikasi berkualiti dalam keluarga menurut perspektif remaja. Seramai 600 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa sifat saling mempercayai, keluarga yang harmoni dan berfikir positif merupakan faktor yang menyumbang kepada amalan komunikasi berkualiti dalam keluarga.

Kata kunci: amalan komunikasi, pembentukan indeks, salah laku, keluarga dan remaja

PENGENALAN

Komunikasi adalah satu perkara asas yang berlaku dalam kehidupan manusia. Ianya merupakan satu proses interaksi di antara individu untuk membentuk hubungan di antara mereka (Beebe, Beebe & Redmond; 2007). Menurut Pearson dan Nelson (2000), komunikasi bermaksud satu proses untuk memahami dan berkongsi makna di antara komunikator. Dalam erti kata lain, komunikasi adalah satu proses untuk bertukar-tukar pendapat dan perasaan. Keharmonian dalam hubungan (komunikasi) akan dapat dicapai apabila kedua belah pihak saling memahami dan menghormati di antara satu sama lain. Komunikasi boleh dizahirkan melalui perkataan (verbal) dan juga perbuatan (bukan verbal).

Banyak daripada kajian lepas telah mendapati komunikasi anak dengan ibu bapa sebagai salah satu daripada faktor penting yang dapat mengekang anak-anak daripada terjebak ke dalam kancah sosial (Clark & Shields, 1997). Komunikasi yang berlangsung dengan bebas dan terbuka di mana anak-anak boleh berkongsi masalah dengan ibu bapa dan boleh memberikan pandangan dan idea dapat membina keperibadian mereka dan secara

tidak langsung menjadikan mereka berfikir positif dan tidak mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak luar untuk melakukan hal-hal yang negatif. Hartos dan Power (2000), menegaskan bahwa komunikasi antara remaja dengan ibu bapa adalah mempunyai kaitan dengan tingkah laku positif anak-anak seperti pencapaian dalam akademik dan juga tingkah laku negatif anak-anak seperti penagihan dadah dan alkohol dan juga salah laku yang lain.

Clark dan Shields (1997) turut memetik kajian Hirschi yang mendapati bahawa peningkatan keintiman komunikasi antara anak dan ibu bapa boleh mengurangkan salah laku dalam kalangan anak-anak. Barberet (2004) mendapati bahawa hubungan yang rapat antara ibu bapa dengan anak-anak dapat menjadi penghalang kepada salah laku remaja. Begitu juga kajian yang telah dilakukan oleh Klein et al. (1997) yang mendapati bahawa komunikasi antara ibu dan anak adalah salah satu daripada pemboleh ubah yang mempunyai kaitan dengan peningkatan atau penurunan kadar salah laku dalam kalangan anak-anak.

Komunikasi Dalam Keluarga

Di dalam sesebuah keluarga, komunikasi yang baik berperanan untuk mengikat sesebuah keluarga menjadi satu institusi yang utuh kerana segala kekusutan dapat diatasi apabila kedua-dua belah pihak dapat meluahkan perasaan masing-masing dan dalam masa yang sama boleh memahami dan mengatasi segala masalah yang dihadapi. Menurut Lily Mastura dan Ramlah Hamzah (2007), komunikasi dalam keluarga bermakna perhubungan dua hala (memberi dan menerima) secara lisan dan bukan lisan. Komunikasi bukan lisan melibatkan gerak-geri, air muka, pandangan mata, dan cara memandang. Keluarga yang sihat akan menerima dan cuba memahami mesej yang disampaikan sama ada kabur atau jelas, antara satu sama lain. Manakala bagi keluarga yang tidak berfungsi, mesej yang disampaikan jarang diterima secara betul, bahkan tidak diambil kisah atau dipedulikan.

Saphir dan Chaffee (2002) berkata, interaksi berbentuk verbal yang berlaku setiap hari di antara ibu bapa dengan anak-anak meliputi luahan perasaan, menyoal dan menjawab pertanyaan, membincangkan idea, bertengkar, berunding dan lain-lain lagi. Aktiviti-aktiviti tersebut yang sering berlaku merupakan satu proses sosialisasi di mana anak-anak yang masih muda belajar mengenai nilai, sikap dan lain-lain perlakuan lagi.

Semasa mendidik anak-anak, ibu bapa perlu mengamalkan komunikasi berbentuk autoritatif iaitu menentukan peraturan yang perlu dipatuhi oleh anak-anak tetapi dalam masa yang sama memberi ruang kebebasan kepada anak-anak tersebut (Guerrero, Andersen & Afifi, 2001). Tambahan lagi, anak-anak dalam keluarga ini mempunyai ciri-ciri positif iaitu lebih berdikari, matang, dan tinggi harga diri. Ibu bapa juga perlu banyak meluangkan masa berinteraksi dengan anak-anak kerana kekerapan interaksi ini akan mengeratkan hubungan antara mereka. Menurut Jolly (2007), hubungan erat yang terjalin antara anak dan ibu bapa akan memberi mereka keselesaan untuk berkongsi masalah, perasaan, harapan dan juga buah fikiran.

Manakala Brock dan Bernard (1992) telah menggariskan ciri-ciri optimum situasi berkomunikasi dalam keluarga. Mereka menyatakan bahawa cara komunikasi yang

terbaik dalam keluarga mestilah dan melibatkan rasa ingin mendengar dan berkongsi. Mesej yang disampaikan juga harus jelas dan sesuai. Apabila terdapat percanggahan pendapat, keluarga itu akan menerima persetujuan untuk berbincang. Keluarga sihat menjurus ke arah penyelesaian masalah dengan cara positif iaitu memfokuskan bagaimana masalah yang dihadapi dapat diselesaikan bukan dengan cara mencari siapa yang bersalah.

Ibu bapa yang meletakkan jurang komunikasi dengan anak-anak akan menyebabkan mereka tidak mempunyai tempat untuk mengadu masalah dan memendam perasaan sehingga mengalami tekanan perasaan. Perkara ini telah ditekankan oleh Hartos dan Power (2000) yang telah merumuskan kajian-kajian lalu yang telah mengaitkan masalah komunikasi antara ibu bapa-anak sebagai antara punca anak-anak merasa sunyi dan tertekan. Perasaan kesunyiaan dan tertekan tersebut akhirnya akan menjebak anak-anak dengan gejala sosial seperti mengambil dadah, bertindak ganas dan sebagainya bagi melepaskan perasaan masing-masing.

Faktor Penyumbang Kepada Amalan Komunikasi Berkualiti

Semua telah sedia maklum di antara masalah yang melanda remaja adalah bermula daripada ponteng sekolah, pengambilan dadah, pergaulan dan seks bebas, merokok, lari dari rumah, pergaduhan, jenayah dan kes jenayah remaja bawah umur, *black metal*, samseng dan gengsterisme, lumba haram dan sebagainya sehinggalah ke pembunuhan. Saban hari berita tentang gejala ini yang tidak menunjukkan ada tanda-tanda semakin reda.

Antara faktor penyumbang kepada amalan komunikasi berkualiti menurut Abd. Zaman @ Bakri Mohamed (2007) ialah ibu bapa harus memainkan peranan yang bersungguh-sungguh dalam pendidikan anak-anak serta pengaruh rakan-rakan yang menjadi sahabat kepada anak-anak remaja. Siti Noor Diana Juhari (2007) menyatakan antara faktor lain ialah persekitaran yang kondusif. Persekitaran yang tegang perlu dielakkan semasa berkomunikasi dengan anak-anak remaja kerana ini akan memberi kesan kepada pertumbuhan anak-anak remaja yang meningkat dewasa. Terdapat beberapa bentuk persekitaran yang menyumbang kepada pembentukan peribadi dan perwatakan seseorang iaitu, persekitaran fizikal dan persekitaran sosial.

Persekitaran fizikal termasuklah suasana tempat tinggal sesebuah keluarga iaitu prasarana dan kemudahan yang disediakan oleh ibu bapa. Selain itu aspek kebendaan yang dinikmati serta digunakan oleh anak-anak juga menjadi faktor fizikal yang menyumbang kepada pembentukan komunikasi berkualiti. Persekitaran sosial ialah perhubungan interpersonal secara langsung ataupun tidak langsung sesama manusia sama ada ibu bapa, keluarga, adik-beradik, rakan sebaya, guru-guru serta orang sekeliling mereka. Pengaruh media elektronik seperti televisyen, radio, video, internet dan ditambah pula media cetak juga memberi kesan kepada cara komunikasi anak-anak remaja.

Teori Kawalan Sosial dan Ikatan Anak Dengan Ibu Bapa

Teori kawalan sosial yang diperkenalkan oleh Hirschi dalam tahun 1969 menjelaskan bagaimana proses sosialisasi yang berlaku dalam kalangan anak-anak dapat menghindarkan mereka daripada terjebak dengan perbuatan salah laku (Kim, 2003).

Menurut Kim (2003), nilai dan norma masyarakat secara tidak langsung dapat diterapkan melalui proses sosialisasi yang berlaku di antara kanak-kanak dengan institusi seperti keluarga, rakan sebaya, sekolah, dan masyarakat.

Menurut Sokol-Katz, Dunham & Zimmerman (1997), manusia bekecenderungan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan norma kerana ianya lebih mencabar dan menyeronokkan. Kebanyakan sarjana turut berpendapat salah laku atau tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berlaku kerana kawalan sosial oleh institusi yang berkaitan tidak wujud ataupun lemah (dalam Kim, 2003; Carswell, 2005).

Kawalan sosial wujud menerusi ikatan atau hubungan yang terjalin antara individu dengan ibu bapa, sekolah, institusi kemasyarakatan dan sebagainya. Hirschi (1969; dalam Kim, 2003) telah membahagikan ikatan sosial kepada empat elemen iaitu ikatan (attachment), penglibatan (involvement), komitmen, dan kepercayaan (belief).

Bagi elemen ikatan, hubungan yang wujud dengan orang lain dalam masyarakat (seperti ibu bapa, sekolah dan sebagainya) akan menyebabkan seseorang itu menjauhkan diri daripada perbuatan salah laku demi menjaga hubungan berkenaan. Manakala bagi elemen penglibatan pula, individu yang menghabiskan banyak masa dengan aktiviti konvensional seperti melakukan kerja sekolah atau bersama keluarga tidak akan mempunyai masa dan peluang untuk terlibat dengan gejala-gejala yang kurang sihat.

Bagi faktor komitmen, seseorang yang telah mempunyai komitmen untuk berjaya mencapai cita-cita sama ada dalam pelajaran atau kerjaya tidak akan sekali-kali mengorbankan harapan mereka dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma masyarakat. Elemen keempat dalam ikatan sosial ialah kepercayaan iaitu berpegang kepada norma-norma masyarakat. Hirschi (1969) (dalam Kim, 2003) menegaskan bahawa orang yang berpegang dan patuh kepada norma dan nilai tidak akan mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan tidak mengikut batas-batas moral.

Berbanding dengan ikatan-ikatan sosial yang lain, sarjana berpendapat faktor ikatan di antara anak-anak dengan ibu bapa didapati lebih konsisten sebagai peramal (predictor) kepada salah laku remaja (Carswell, 2005; Kim 2003; Smith & Krohn, 1995; Vazsonyi & Pickering, 2003). Ikatan (attachment) anak dengan ibu bapa telah didefinisikan sebagai tahap keintiman hubungan, kemesraan, rasa hormat, dan kasih sayang yang terjalin antara ibu bapa dengan anak-anak (Akers, 1997; Hirschi, 1969; Smith & Stern, 1997) (dalam Carswell, 2005).

Hirschi (1969) berpendapat ikatan antara ibu bapa dan anak-anak dibentuk melalui komunikasi yang baik (good communication), disiplin dan pemantauan oleh ibu bapa (parental supervision and discipline), dan kebolehan anak untuk mengidentifikasikan diri mereka dengan ibu bapa (ability to identify with their parents). Komunikasi yang baik bermaksud hubungan dua hala yang positif dan harmoni di antara ibu bapa dengan anak-anak mereka. Ibu bapa juga bersikap toleransi dalam mendidik anak-anak kerana karenah anak remaja yang adalakalanya mencabar kesabaran ibu bapa. Manakala disiplin dan pemantau ibu bapa menjurus kepada membentuk peraturan-peraturan dalam keluarga yang perlu dipatuhi dan sentiasa mengambil tahu aktiviti dan pergerakan anak-anak

mereka. Kebolehan mengidentifikasikan diri dengan ibu bapa merujuk kepada keadaan di mana remaja merasa bangga dengan ibu bapa mereka dan sering ingin dikaitkan dengan ibu bapa mereka.

Konsep ikatan keibubapaan ini terbahagi kepada tiga komponen yang saling berkaitan antara satu sama lain: pemantauan maya (virtual supervision), komunikasi intim (intimate communication), identifikasi kasih sayang (affectionate identification) (Carswell, 2005). Pemantauan maya bermaksud secara psikologinya anak-anak merasakan ibu bapa sentiasa memerhatikan mereka walaupun pada hakikatnya tidak sehingga menyebabkan mereka berhati-hati daripada terjebak dengan gejala sosial. Manakala komunikasi intim pula ialah keselesaan anak-anak untuk berkongsi fikiran dan perasaan dengan ibu bapa, dan juga tempat mereka mengadu dan meminta nasihat. Bagi identifikasi kasih sayang, ialah tahap dimana anak-anak merasa amat rapat dan terikat dengan ibu bapa dan ingin menjadi seperti orang tua mereka apabila dewasa.

METODOLOGI

Data telah dikumpul menerusi soal selidik tadbir sendiri (*self administered questionnaire*). Proses pengumpulan data bermula daripada bulan Januari dan tamat pada bulan Mac 2009. Kandungan borang soal selidik telah di pra-uji terlebih dahulu bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahihannya dalam mengukur pemboleh ubah yang dikehendaki dan juga bagi memastikan soalan-soalan tersebut mudah difahami oleh para responden. Seramai 30 orang responden telah terlibat dalam pra-uji ini. Ujian kebolehpercayaan (*reliability test*) telah dijalankan menggunakan nilai *Cronbach Alpha*. Hasil bagi keseluruhan pemboleh ubah adalah dalam lingkungan .61– .85 melebihi nilai yang telah ditetapkan oleh Nunnally's (1978) pada .70. Maka instrumen yang digunakan boleh dipercayai.

Seramai 641 orang responden daripada sekolah menengah harian biasa sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipilih. Pemilihan responden adalah berdasarkan pensampelan rawak berperingkat. Kriteria tersebut adalah berdasarkan gred sekolah iaitu hanya gred A dan B dipilih dengan jumlah pelajar 1500 orang ke atas dan terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Daripada jumlah tersebut enam buah sekolah sahaja yang telah menepati ciri-ciri yang dikehendaki. Seterusnya responden di pilih berdasarkan nisbah pelajar mengikut kaum iaitu 5:4:1. Sebelum proses pengumpulan data dibuat, penyelidik telah mendapatkan kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran terlebih dahulu dan telah membuat temu janji dengan Pengetua sekolah sebelum memulakan pengumpulan data.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif digunakan bagi menerangkan maklumat demografi responden. Bagi menjawab objektif kajian ujian *t* dan ANOVA telah digunakan untuk mengetahui perbezaan min pada aras keertian 0.05 terhadap pemboleh ubah bebas terpilih dengan amalan komunikasi.

DAPATAN KAJIAN

Profil Demografi Responden

Seramai 641 orang responden telah terlibat dalam kajian ini (Rujuk Jadual 1). Daripada jumlah tersebut sebanyak 16.8% adalah merupakan pelajar daripada SMK Sinar Bintang, 16.2% daripada SMK Kepong Baru, 16.1% pelajar SMK Jinjang, 15% daripada pelajar SMK Seksyen 5, Wangsa Maju, 13.6% pelajar SMK Taman Bukit Maluri, 12.6% pelajar SMK Sg. Besi dan 9.7% daripada SMK Bandar Baru Sentul. Sejumlah 50.7% responden adalah pelajar perempuan manakala selebihnya (49.3%) adalah pelajar lelaki.

Daripada jumlah tersebut, lebih dari separuh responden (56.9%) merupakan pelajar berbangsa Melayu diikuti dengan pelajar Cina (32.8%) dan pelajar India sebanyak 10.3%. Sebanyak 40.2% daripada responden berumur 16 tahun dan diikuti dengan pelajar berumur 14 tahun (35.4%), 15 tahun (13.7%), 19 tahun (5.0%) dan 18 tahun sebanyak 2.3%. Manakala bilangan responden yang tersedikit adalah yang berumur 13 tahun (1.7%) dan 17 tahun (1.6%).

Jadual 1: Profil Responden berdasarkan Sekolah, Jantina, Kaum dan Umur (n = 641)

Ciri-ciri Demografi (n = 641)	Kekerapan	Peratus (%)
Sekolah		
SMK Sinar Bintang	108	16.8
SMK Kepong Baru	104	16.2
SMK Jinjang	103	16.1
SMK Seksyen 5, Wangsa Maju	96	15.0
SMK Tmn.Bukit Maluri	87	13.6
SMK Sg. Besi	81	12.6
SMK Bandar Baru Sentul	62	9.7
Jantina		
Lelaki	316	49.3
Perempuan	325	50.7
Kaum		
Melayu	365	56.9
Cina	210	32.8
India	66	10.3
Umur		
13 tahun	11	1.7
14 tahun	227	35.4
15 tahun	88	13.7
16 tahun	258	40.2
17 tahun	10	1.6
18 tahun	15	2.3
19 tahun	32	5.0

Jadual 2 menerangkan profil responden berdasarkan kedudukan dalam keluarga dan bilangan adik-beradik. Daripada jumlah keseluruhan responden, sebanyak 36.7% merupakan anak pertama di dalam keluarga, 26.1% anak kedua dan 20.7% anak ketiga dalam keluarga. Manakala peratus yang merupakan anak ke tujuh, lapan dan sembilan adalah kecil iaitu 0.8%, 0.3% dan 0.3%. Selebihnya adalah mereka yang berada dalam lingkungan anak ke empat hingga enam dengan peratusan 9.4%, 3.7% dan 2.0%.

Majoriti daripada responden mempunyai bilangan adik beradik di antara dua hingga lima orang [tiga orang (31.5%), empat orang (22.8%), dua orang (21.7%) dan lima orang (12.2%)]. Hanya 4.3% sahaja merupakan anak tunggal dalam keluarga. Manakala selebihnya mempunyai bilangan adik-beradik yang besar iaitu dari enam orang hingga ke sepuluh orang [enam orang (3.9%), tujuh orang (1.9%), lapan orang (1.2%), sembilan orang (.5%) dan sepuluh orang (.2%)].

Jadual 2: Profil Responden berdasarkan Kedudukan dalam Keluarga dan Bilangan Adik Beradik

Ciri-ciri Demografi (n = 641)	Kekerapan	Peratus (%)
Anak ke berapa		
1	235	36.7
2	167	26.1
3	133	20.7
4	60	9.4
5	24	3.7
6	13	2.0
7	5	.8
8	2	.3
9	2	.3
Bil. adik beradik		
1	27	4.3
2	139	21.7
3	202	31.5
4	146	22.8
5	78	12.2
6	25	3.9
7	12	1.9
8	8	1.2
9	3	.5
10	1	.2

Daripada Jadual 3, didapati seramai 38.1% daripada bapa responden mempunyai tahap pendidikan hingga ke taraf SPM dan sebanyak 21.7% mempunyai sijil SRP dan 13.7 % lagi tamat sekolah rendah. Sebahagian kecil lagi (20.8%) mempunyai pendidikan hingga ke tahap pasca siswazah manakala 9.7% lagi mempunyai lain-lain kelulusan. Manakala bagi ibu pula, sebanyak 38.8% mendapat pendidikan sehingga ke SPM, 18.1% hingga SRP dan 16.8% tamat sekolah rendah. Hanya 17% daripada kaum ibu yang mempunyai

kelulusan hingga ke tahap pasca siswazah dan selebihnya (8.6%) mempunyai lain-lain kelulusan.

Jadual 3: Profil Responden berdasarkan Pendidikan Tertinggi Ibu dan Bapa

Ciri-ciri Demografi (n = 641)	Kekerapan	Peratus (%)
Pendidikan tertinggi (bapa)		
Sek.Rendah	88	13.7
SRP	114	17.8
SPM	244	38.1
Sijil Kemahiran	30	4.7
Diploma	37	5.8
Ijazah Pertama	40	6.2
Ijazah Sarjana	26	4.1
Lain-lain	62	9.7
Pendidikan tertinggi (ibu)		
Sek.Rendah	108	16.8
SRP	116	18.1
SPM	249	38.8
Sijil Kemahiran	28	4.4
Diploma	45	7.0
Ijazah Pertama	19	3.0
Ijazah Sarjana	21	3.3
Lain-lain	55	8.6

Berdasarkan Jadual 4 didapati hampir keseluruhan (92.0%) kaum bapa adalah bekerja manakala hanya 36.7% sahaja kaum ibu yang bekerja. Majoriti kaum ibu merupakan suri rumah tangga. Secara kasar, hampir separuh (47.0%) daripada pendapatan keluarga responden adalah dalam lingkungan RM1000 – RM5000 manakala 24.5% mempunyai pendapatan di bawah RM1000. Terdapat juga keluarga responden yang mempunyai pendapatan keluarga melebihi RM9001 iaitu sebanyak 3.3%. Selebihnya iaitu 15.9% dalam lingkungan RM3001 – RM5000, 6.6% dalam lingkungan RM5001 – RM7000 dan 2.8% dalam lingkungan RM7001 – RM9000.

Jadual 4: Profil Responden berdasarkan Status Pekerjaan Ibu dan Bapa serta Pendapatan

Ciri-ciri Demografi (n = 641)	Kekerapan	Peratus (%)
Bapa bekerja		
Ya	590	92.0
Tidak	51	8.0
Ibu bekerja		
Ya	235	36.7
Tidak	406	63.3
Pendapatan Keluarga < RM1000	157	24.5

RM1001 – RM3000	301	47.0
RM3001 – RM5000	102	15.9
RM5001 – RM7000	42	6.6
RM7001 – RM9000	18	2.8
> RM9001	21	3.3

Masa Interaksi antara Ibu Bapa dan Anak

Jadual 5 menerangkan mengenai taburan responden berdasarkan masa berinteraksi. Berpanduan kepada masa interaksi, hampir separuh (44.8%) daripada responden menghabiskan masa kurang daripada sejam untuk berinteraksi dengan bapa pada hari persekolahan manakala hanya sedikit sahaja (2.5%) yang mengambil sehingga lebih daripada sebelas jam sehari pada waktu persekolahan. Manakala pada hari minggu sebanyak 32.3% responden menghabiskan masa kurang daripada sejam untuk berinteraksi dengan bapa. Peratusan ini agak berkurangan daripada masa yang diluankan pada hari persekolahan. Walau bagaimanapun peratusan yang diluankan untuk berinteraksi lebih daripada sebelas jam pada hari minggu adalah lebih tinggi berbanding daripada hari persekolahan iaitu sebanyak 11.4%.

Manakala masa interaksi yang terbanyak diluankan pada hari persekolahan dengan ibu juga adalah kurang daripada sejam (32.6%). Peratusan ini adalah berkurangan daripada masa yang diluankan dengan bapa pada hari persekolahan dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, peratusan yang meluankan masa lebih daripada sejam sehari untuk berinteraksi bersama ibu pada hari persekolahan adalah lebih tinggi berbanding masa yang diluankan bersama bapa iaitu pada 5.6%.

Jadual 5: Taburan Responden berdasarkan Masa Berinteraksi

Ciri-ciri Demografi (n = 641)	Kekerapan	Peratus (%)
Berinteraksi Hari Sekolah (Bapa)		
< 1jam	287	44.8
1.1jam – 3jam	178	27.8
3.1jam – 5jam	96	15.0
5.1jam – 7jam	33	5.1
7.1jam – 9jam	16	2.5
9.1jam – 11jam	15	2.3
> 11.1jam	16	2.5
Berinteraksi Hari Minggu (Bapa)		
< 1jam	207	32.3
1.1jam – 3jam	140	21.8
3.1jam – 5jam	81	12.6
5.1jam – 7jam	70	10.9
7.1jam – 9jam	56	8.7
9.1jam – 11jam	14	2.2
> 11.1jam	73	11.4
Berinteraksi Hari Sekolah (Ibu)		
< 1jam	209	32.6

1.1jam – 3jam	152	23.7
3.1jam – 5jam	119	18.6
5.1jam – 7jam	65	10.1
7.1jam – 9jam	32	5.0
9.1jam – 11jam	28	4.4
> 11.1jam	36	5.6
Berinteraksi Hari Minggu (Ibu)		
< 1jam	158	24.6
1.1jam – 3jam	120	18.7
3.1jam – 5jam	87	13.6
5.1jam – 7jam	83	12.9
7.1jam – 9jam	48	7.5
9.1jam – 11jam	39	6.1
> 11.1jam	106	16.5

Remaja dan Salah Laku

Salah laku remaja diukur berdasarkan kepada analisis 26 item. Pengukuran adalah berdasarkan kepada skala Likert empat poin iaitu 1 = tidak pernah, 2 = sekali sekala, 3 = beberapa kali, dan 4 = kerap. Berdasarkan kepada nilai min yang tercatat pada Jadual 6 iaitu di antara 1.46 hingga ke 1.09 menunjukkan bahawa keseluruhan salah laku remaja tidak begitu membimbangkan.

Jadual 6: Remaja dan Salah Laku

Pernyata (n = 641)	Peratus (%)				Min	S.P.
	1	2	3	4		
Ponteng sekolah	64.7	26.4	6.4	2.5	1.46	.726
Melepak	70.4	19.3	5.6	4.7	1.45	.801
Memaki hamun orang lain	69.7	21.8	5.9	2.5	1.41	.715
Menipu dalam ujian	67.9	25.1	6.7	.3	1.40	.626
Bermain komputer di kafe-kafe	75.0	15.8	5.5	3.7	1.38	.755
Pergaduhan fizikal	73.2	19.0	5.6	2.2	1.37	.690
Terlibat dengan judi	74.4	18.6	5.3	1.7	1.34	.660
Menonton, melayari, membaca bahan lucah	76.8	16.1	5.0	2.2	1.33	.672
	78.2	16.1	4.1	1.7	1.30	.626
Meminum minuman keras	84.7	6.7	5.5	3.1	1.27	.703
Menghisap rokok	80.5	13.6	4.5	1.4	1.27	.610
Merosakkan harta awam	82.5	11.7	3.7	2.0	1.25	.621
Berpeluk, bercium-teman lelaki/wanita	85.6	9.4	3.9	1.1	1.20	.554
Melawan guru	88.0	8.3	2.3	1.4	1.17	.523
Memukul binatang	90.5	4.7	3.0	1.9	1.16	.555
Berlumba motosikal	88.8	8.1	2.3	.8	1.15	.471
Mencuri barang/duit	88.9	8.3	2.2	.6	1.14	.453
Memukul seseorang	89.9	7.0	2.2	.9	1.14	.471
Membuli rakan-rakan	92.0	4.2	1.4	2.3	1.14	.538
Memancitkan tayar, mencalarakan kereta	91.3	5.6	1.4	1.7	1.13	.499
Membaling objek pada kereta/orang	93.3	3.7	1.4	1.6	1.11	.471
Menceroboh	94.4	2.5	1.4	1.7	1.10	.474
Ahli kongsi gelap	93.6	3.7	1.4	1.2	1.10	.442
Membawa alatan berbahaya keluar	92.7	4.8	2.0	.5	1.10	.401
Lari daripada rumah	94.4	2.8	1.6	1.2	1.09	.440
Melakukan hubungan seks	94.4	2.5	2.7	.5	1.09	.406
Mengambil dadah						

Walaubagaimanapun kegiatan ponteng sekolah merupakan aktiviti salah laku yang kerap dibuat oleh para remaja (min = 1.46; s.p = .726) dan diikuti dengan melepak dengan min sebanyak 1.45 dan memaki hamun orang lain (min = 1.41; s.p: .715). Manakala tiga aktiviti salah laku yang paling kurang dibuat adalah mengambil dadah (min = 1.09; s.p: .406), diikuti dengan melakukan hubungan seks dengan min sebanyak 1.09 dan lari daripada rumah dengan min 1.10

Amalan Komunikasi Berkualiti dalam Keluarga

Amalan komunikasi berkualiti dalam keluarga diukur berdasarkan 24 pernyataan. Responden diberikan lima pilihan jawapan bermula dari “sekali sekala” hingga ke “amat kerap”. Berdasarkan nilai min yang dinyatakan pada Jadual 7 iaitu diantara .74 hingga ke 2.68, menunjukkan bahawa keseluruhan amalan komunikasi remaja adalah sederhana. Tiga pernyataan yang menunjukkan amalan tertinggi adalah “menonton televisyen” (min = 2.68), “berdoa bersama” (min = 2.67) dan “mengambil tahu” (min = 2.64). Manakala

pernyataan yang merekodkan nilai min terendah adalah “masalah – cari guru” (min = .74).

Jadual 7: Mengenalpasti Amalan Komunikasi Berkualiti Dalam Keluarga

Pernyataan	Peratus (%)					Min	S.P.
	0	1	2	3	4		
Menonton televisyen	7.2	12.5	20.3	25.3	34.8	2.68	1.263
Berdoa bersama	8.1	10.9	18.9	30.1	32.0	2.67	1.252
Mengambil tahu	8.4	11.9	20.0	27.0	32.8	2.64	1.277
Aktiviti makan	9.4	12.3	20.0	25.6	32.8	2.60	1.306
Meraikan hari ulang tahun	10.3	13.3	24.6	18.7	33.1	2.51	1.340
Memberi semangat	8.3	15.4	24.5	26.2	25.6	2.45	1.252
Shopping	11.1	16.5	26.4	24.8	21.2	2.29	1.275
Berhubung melalui ICT	17.6	15.8	20.1	21.1	25.4	2.21	1.432
Kenduri	14.8	18.1	23.1	21.1	22.9	2.19	1.367
Luangkan masa untuk bersama	13.4	17.3	26.8	22.0	20.4	2.19	1.309
Diberi peluang untuk bersuara	18.9	19.5	27.8	16.8	17.0	1.94	1.341
Berbincang bersama	18.7	23.1	25.6	19.3	13.3	1.85	1.298
Aktiviti santai	22.2	24.2	26.7	17.8	9.2	1.68	1.254
Berkelah	27.3	23.7	22.0	12.8	14.2	1.63	1.375
Aktiviti riadah	22.9	22.0	32.1	15.3	7.6	1.63	1.208
Aktiviti solat	27.8	23.4	23.6	14.8	10.5	1.57	1.314
Menonton wayang	31.4	24.3	19.2	12.9	12.2	1.50	1.367
Gotong-royong	32.3	25.0	22.5	10.6	9.7	1.40	1.297
Mendengar radio	33.1	28.2	19.7	13.1	5.9	1.30	1.222
Membincangkan sesuatu buku	34.2	30.3	19.8	11.4	4.4	1.21	1.159
Masalah-cari saudara	36.8	27.9	18.9	10.3	6.1	1.21	1.214
Melakukan hobi	36.0	32.4	20.0	7.8	3.7	1.20	1.282
Masalah-cari kawan	42.4	27.6	16.7	7.6	5.6	1.10	1.183
Masalah-cari guru	52.0	31.4	10.0	3.7	3.0	.74	.986

Tahap Amalan Komunikasi Remaja

Berdasarkan Jadual 8, didapati hanya 11.2% sahaja yang mempunyai tahap amalan komunikasi yang tinggi. Manakala 25.9% lagi mempunyai tahap amalan yang rendah. Lebih daripada separuh (62.9%) responden mempamerkan tahap amalan komunikasi yang sederhana. Hasil ini agak memeranjatkan kerana hanya segelintir remaja sahaja yang mempunyai amalan yang tinggi terhadap komunikasi. Ini merupakan satu petanda yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa agar lebih banyak meluangkan masa berkualiti bersama anak-anak mereka.

Jadual 8: Tahap Amalan Komunikasi Remaja

Tahap (n = 641)	Bil.	Peratus (%)	Min	S.P.
			1.85	.592
Rendah (1 – 1.33)	166	25.9		
Sederhana (1.34 – 2.66)	403	62.9		
Tinggi (2.37 – 4)	72	11.2		

Faktor Mempengaruhi Amalan Komunikasi Berkualiti

Ujian *t* telah dijalankan bagi mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan komunikasi dengan dua pemboleh ubah bebas terpilih iaitu jantina dan umur. Keputusan ujian dinyatakan dalam Jadual 9.

Jadual 9: Faktor Mempengaruhi Amalan Komunikasi berdasarkan Ujian *t*

Pemboleh ubah (n = 641)	n	min	s.p	<i>t</i>	<i>p</i>
Jantina				3.19	.946
Lelaki	316	1.82	.76		
Perempuan	325	1.82	.35		
Umur				2.823	.093
13 – 15 tahun	326	1.894	.726		
>15 tahun	315	1.740	.677		

Berdasarkan faktor jantina, hasil ujian *t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi amalan komunikasi antara lelaki dan perempuan. Ini berdasarkan min = 1.82, s.p = .76 bagi lelaki dan min = 1.82, s.p = .65; $t(641) = 3.19$, $p = .946$ bagi perempuan. Ini menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan mempunyai tahap amalan komunikasi yang setara.

Ujian *t* ke atas umur juga mendapati bahawa umur bukanlah faktor yang mempengaruhi tahap amalan komunikasi seorang remaja. Ini adalah berdasarkan kepada nilai *p* yang telah direkodkan iaitu [13- 15 tahun: min = 1.89, s.p = .73, >15 tahun: min = 1.74, s.p = .68; $t(641) = 2.82$, $p = .093$].

Ini memberi gambaran bahawa faktor jantina dan umur remaja tidak memainkan peranan dalam mempengaruhi amalan komunikasi remaja tersebut di dalam keluarga. Maka ibu bapa perlu peka bahawa jantina atau umur anak bukanlah penyebab anak mereka tidak puas hati dengan komunikasi, sebaliknya ada faktor lain yang menyebabkan mereka berbuat sedemikian.

Ujian ANOVA telah dibuat bagi mencari sekiranya terdapat perbezaan signifikan terhadap dua pemboleh ubah bebas lagi iaitu kaum dan masa berinteraksi. Keputusan ujian seperti yang dinyatakan pada Jadual 10.

Jadual 10: Faktor Mempengaruhi Amalan Komunikasi berdasarkan ANOVA

Pemboleh ubah (n = 641)	n	min	s.p	F	p
Kaum				7.291	.001
Melayu	365	1.73	.66		
Cina	210	1.91	.75		
India	66	2.02	.72		
Masa berinteraksi (bapa – hari				33.345	.000
<1jam	287	1.590	.627		
1 – 5 jam	323	1.974	.716		
>5 jam	31	2.305	.612		
Masa berinteraksi (bapa – hari				46.834	.000
<1jam	207	1.522	.653		
1 – 5 jam	347	1.871	.657		
>5 jam	87	2.318	.693		
Masa berinteraksi (ibu – hari				26.162	.000
<1jam	209	1.558			
1 – 5 jam	368	1.909			
>5 jam	64	2.150			
Masa berinteraksi (ibu – hari				31.400	.000
<1jam	159	1.517	.644		
1 – 5 jam	338	1.825	.687		
>5 jam	145	2.132	.619		

Hasil ujian ANOVA yang dilakukan ke atas pemboleh ubah kaum mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan komunikasi dalam tiga kumpulan yang di kaji berdasarkan kepada nilai $F(3, 641) = 7.291$, $p > .05$. Analisis Post Hoc yang dilakukan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara Melayu, Cina dan India. Walau bagaimanapun, didapati tiada perbezaan yang signifikan dari segi amalan antara Cina dan India. Ada kemungkinan remaja India mempunyai tahap amalan yang tinggi berdasarkan nilai min skor tertinggi yang direkodkan iaitu pada 2.02.

Masa interaksi didapati merupakan faktor yang paling signifikan dalam menentukan tahap amalan komunikasi. Ini adalah berdasarkan kepada nilai p bagi keempat-empat kumpulan jenis interaksi yang dijalankan di rekod pada .000 iaitu lebih kecil daripada aras keertian .05. Masa interaksi dibahagikan kepada dua iaitu masa interaksi dengan bapa dan masa interaksi dengan ibu di mana kedua-dua item telah di klasifikasi kepada masa interaksi pada hari persekolahan dan masa interaksi pada hujung minggu.

Analisis Post Hoc yang dilakukan terhadap keempat-empat kumpulan jenis interaksi menunjukkan bahawa ketiga-tiga kumpulan masa (<1jam, 1 – 5 jam, dan >5 jam) tersebut adalah signifikan antara satu sama lain. Ini bermaksud bahawa setiap kumpulan masa

yang direkodkan merupakan faktor yang menyumbang kepada tahap amalan komunikasi seseorang remaja itu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, didapati bahawa salah laku remaja tidak begitu membimbangkan. Walau bagaimanapun tahap amalan komunikasi yang berkualiti yang ditunjukkan oleh remaja agak membimbangkan kerana lebih separuh (62.9%) daripada remaja mempunyai tahap amalan komunikasi yang sederhana. Hanya 11.2% sahaja yang mempunyai tahap amalan yang tinggi dan selebihnya berada pada tahap rendah. Usaha perlu dibuat untuk mengenal pasti mengapakan keadaan ini berlaku dan bagaimana cara untuk memperbaiki tahap amalan komunikasi para remaja. Ini kerana, hasil kajian ini telah membuktikan bahawa amalan komunikasi yang berkualiti antara remaja dan ibu bapa mampu untuk membendung remaja daripada terjerumus dengan aktiviti salah laku (Hartos & Power, 2000; Klein, Forehand, Armistead & Long, 1997).

Teori Kawalan Sosial oleh Hirschi menjelaskan bagaimana proses sosialisasi yang berlaku dalam kalangan anak-anak dapat menghindarkan mereka daripada terjebak dengan perbuatan salah laku (Kim, 2003). Para sarjana seterusnya sependapat faktor ikatan di antara anak-anak dengan ibu bapa didapati lebih konsisten sebagai peramal (predictor) kepada salah laku remaja (Carswell, 2005; Kim 2003; Smith & Krohn, 1995; Vazsonyi & Pickering, 2003). Menyedari hal tersebut, para ibu bapa harus memberikan lebih perhatian terhadap jumlah masa yang diluangkan untuk berinteraksi dengan anak mereka memandangkan faktor jumlah masa interaksi merupakan faktor yang paling ketara dalam mempengaruhi amalan komunikasi para remaja. Namun apa yang perlu diingatkan bahawa, kuantiti sahaja tidak mencukupi tetapi harus diselangi dengan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kualiti proses interaksi tersebut.

Ibu bapa juga harus sedar bahawa faktor jantina dan umur bukanlah faktor yang menyumbang kepada masalah yang dihadapi oleh anak untuk berkomunikasi di dalam keluarga. Namun harus disedari bahawa terdapat perbezaan yang ketara dari segi amalan komunikasi berdasarkan kaum. Justeru itu, pihak yang berkenaan seharusnya peka dan mengambil kira faktor ini supaya perancangan program memperkasakan yang dibuat dapat di dimanfaatkan sepenuhnya.

RUJUKAN

- Abd. Zaman @ Bakri Mohamed (2007). Didikan Awak Kanak-Kanak. Majalah Kefahaman Islam April 2007, Bil. 76. Kuala Lumpur: IKIM publication.
- Barberet, R., Bowling, B., Junger-Tas, J., Rechea-Alberola, C., van Kesteren, J. & Zurawan, A. (2004). Self-report juvenile delinquency in England and Wales, The Netherlands and Spain. *Publication Series No. 43*. European Institute for Crime Prevention and Control.
- Beebe, S.A., Beebe, S.J. & Redmond, M.V. (2007). *Interpersonal communication: Relating to others* (ed.5). Boston: Allyn and Bacon.

- Clark, R.D. & Shields, G. (1997). Family communication and delinquency. *Adolescence*, 32(125), 81-92.
- Guerrero, L.K., Andersen, P.A. & Afifi, W.A. (2001). *Close encounters: Communicating in relationships*. California: Mayfield.
- Hartos, J.L. & Power, T.G. (2000). Association between mother and adolescent reports for assessing relations between parent-adolescent communication and adolescent adjustment. *Journal of Youth and Adolescence*, 29(4), 441-450.
- Jum C. Nunnally. (1978). Psychometric Theory. 2nd edition. McGraw-Hill, New York.
- Jolly, C. (2007). Take charge in changing times: Improving family Communication. Family Life 7. Dilayari pada 19 September 2007 daripada World Wide Web: <http://www.extension.iastate.edu/Publications/PM1200.pdf>
- Klein, K., Forehand, R., Armistead, L. & Long, P. (1997). Delinquency during the transition to early adulthood: Family and parenting predictors from early adolescence. *Adolescence*, 32(125), 61-80.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational & Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lily Mastura & Ramlan Hamzah.(2007). Asas Kaunseling Keluarga. *Corak Komunikasi Berkesan*. Universiti Teknologi Mara.
- Pearson, J.C. & Nelson, P.E. (2000). *An introduction to Human Communication: Understanding and sharing* (ed. 8). Boston: McGraw-Hill.
- Saphir, M.N. & Chaffee, S.H. (2002). Adolescents' contributions to family communication pattern. *Human Communication Research*, 28(1), 86-108.
- Siti Noor Diana Juhari (2007). Pembangunan Modal Insan. Majalah Kefahaman Islam Februari 2007, Bil. 74. Kuala Lumpur: IKIM publication.

Konflik Komunikasi Antarabudaya: Pola Komunikasi dan Strategi Pengurusan Konflik Komunikasi di Kalangan Majikan Malaysia dan PRA Indonesia

Abdul Hadi Sulaiman, Jamilah Othman, Md Salleh Hassan & Inon Beydha
Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), UPM

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan perihal pola komunikasi dan strategi pengurusan konflik komunikasi di kalangan Pembantu rumah asing (PRA) Indonesia dan Majikan Malaysia. Kajian tinjauan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik ini dilaksanakan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seramai 110 pasang (majikan dan PRA) sekitar Kuala Lumpur dipilih sebagai responden kajian ini menggunakan teknik persampelan mudah dan rantaian bertujuan. Bagi dapatan kajian berkaitan pola komunikasi, data menunjukkan bahawa majikan dan PRA sama-sama mengamalkan komunikasi konteks tinggi dan juga mengutamakan komunikasi dua hala. Manakala bagi strategi pengurusan konflik komunikasi pula majikan lebih mengamalkan strategi dominasi manakala PRA lebih mengamalkan strategi mengelak. Cadangan kajian menekankan agar majikan dan PRA sama-sama berusaha mengenal pasti budaya dan cara hidup masing-masing agar penerimaan dan adaptasi budaya dapat berlaku lalu membawa keharmonian dalam perhubungan.

PENGENALAN

Sejarah migrasi antara Indonesia dan Malaysia adalah satu sejarah panjang bermula sejak masa raja-raja kuno dan masa penjajahan kolonial. Perkara ini terus berlanjutan sehingga kini kerana terdapat pelbagai kesamaan bahasa, komunikasi, budaya, mahupun agama. (Mantra, 1997). sehingga 30 Jun 2008, terdapat seramai 256,097 orang pembantu rumah asing bekerja di negara ini. Seramai 237,256 orang atau 92.64% PRA di Malaysia adalah warga Indonesia, bakinya adalah warga Filipina seramai 10,112 orang, dan dari negara lain seperti Kemboja, Sri Lanka, Thailand, Vietnam, India, Nepal, Laos dan lain-lain seramai 8,729 orang (Hansard Dewan Rakyat, 2008).

Kehadiran PRA Indonesia di Malaysia mempunyai erti penting kepada institusi kekeluargaan dan pekerjaan, kerana ramai keluarga di Malaysia menggunakan khidmat PRA Indonesia untuk tujuan penjagaan anak, penjagaan ahli keluarga yang uzur, mahupun untuk melakukan kerja-kerja dalam rumah. Hal ini berlaku ekoran daripada tindakan ramai wanita yang menceburkan diri dalam pekerjaan luar rumah seperti sektor perkhidmatan pegawai kerajaan, doktor perubatan, majikan, eksekutif, pensyarah dan sebagainya dan tidak mempunyai masa untuk menguruskan hal rumah tangga pada waktu mereka keluar bekerja (Mantra, 1998; Rohana Ariffin, 2001). Walaupun, faktor keperluan PRA di rumah-rumah majikan tersebut telah diketahui, namun kehadiran PRA Indonesia dalam keluarga Malaysia kurang difahami oleh majikan (Azizah, 1997; Zainol, 2004; Raja Zulkeply, 2007). Perkara inilah yang kerap mencetuskan konflik interpersonal di kalangan PRA Indonesia dan majikan Malaysia. Hasil daripada keadaan itu menyebabkan berlakunya konflik antara kerajaan Indonesia dan Malaysia (Kiong Hock, 1996; Hugo, 2000; Parrens, 2001).

Lambakan PRA di Malaysia juga telah membawa kepada satu gejala yang merungsingkan kepada pihak kerajaan. Meningkatnya berbagai kes-kes jenayah, seperti penderaan, keganasan, PRA melarikan diri, gaji PRA tidak dibayar, PRA membunuh majikan mahupun majikan membunuh PRA, penipuan, jam kerja tidak jelas, adalah berpunca daripada masalah sosial, bahasa, budaya dan komunikasi di kalangan PRA, majikan dan juga pihak agensi (Kedutaan Besar Republik Indonesia, 2007). Pada tahun 2006 didapati seramai 18.000 orang PRA Indonesia yang melarikan diri dari majikan kerana berbagai sebab (News Straits Time, 2006). Walaupun Indonesia dan Malaysia adalah negara serumpun, serta banyak mempunyai persamaan komunikasi dan budaya, tetapi masih wujud berbagai konflik mahupun kes-kes penderaan di kalangan PRA Indonesia dan majikan Malaysia, berpunca daripada masalah kurang memahami, ketidakpastian dalam bidang tugas dan kuasa masing-masing yang menjadi pencetus konflik di kedua-dua belah pihak (Zainol, 2004; Raja Zulkepley, 2006).

Sesungguhnya telah banyak penulisan mengenai peningkatan kadar jenayah, konflik majikan-pembantu rumah, konflik agensi pembantu rumah-majikan-pembantu rumah asing, keganasan, eksploitasi, masalah moral (Rohana Ariffin; 2001, Anne-Marie; 2003, Human Right Watch; 2004) dan juga kesannya kepada negara sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun begitu, kajian yang benar-benar memberi tumpuan kepada konflik komunikasi di kalangan PRA Indonesia dan majikan masih belum ditemui. Oleh itu, kajian ini cuba melihat dari sudut perbezaan budaya sebagai salah satu punca PRA dan majikan menghadapi konflik dalam komunikasi mereka seharian. Justeru, kajian ini berusaha menambah sumber maklumat daripada kajian berbentuk kuantitatif dalam konteks konflik komunikasi yang merupakan suatu perkara asas yang menjadi punca kepada timbulnya konflik antara budaya dalam sesebuah perhubungan di antara majikan dan pembantu rumah. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini diharap dapat memberi kesedaran dan gambaran yang lebih bermakna kepada majikan, pembantu rumah asing, agensi pekerjaan dan pihak berwajib yang lain mengenai isu perbezaan budaya dan corak komunikasi di kalangan kedua-dua belah pihak supaya dengan itu konflik yang bakal berlaku dapat dibendung atau dikawal.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini bertujuan (1) Mengenalpasti pola komunikasi di kalangan majikan Malaysia dan PRA Indonesia. (2) Mengenalpasti strategi pengurusan konflik komunikasi di kalangan majikan Malaysia dan PRA Indonesia.

Konflik Komunikasi Antarabudaya

Perkataan ‘konflik’ berasal dari perkataan Latin ‘*confligere*’ yang bermaksud “menyerang bersama” (Wright, 1990). Manakala dalam Kamus Dewan, 2008 perkataan konflik membawa maksud bertentangan, berlawanan dan berlainan pandangan. Dalam perhubungan di antara individu, definisi konflik adalah berbeza. Maurer (1991) mendefinisikan konflik sebagai ketidakpersetujuan akibat daripada permintaan atas hak mereka yang tidak adil di antara dua atau lebih individu. Dalam situasi mempertahankan hak, tanggapan seseorang individu kepada individu lain akan memulakan proses mewujudkan konflik. Manakala konflik komunikasi antara budaya ditakrifkan sebagai gaya berkomunikasi yang mengalami salah komunikasi atau *miscommunication*, ketidakserasian ataupun salah faham dalam kepentingan, kepercayaan, amalan, adat,

budaya, peraturan atau matlamat dan juga salahfaham antara orang yang berbeza budaya dan saling bergantung serta mempunyai satu komitmen untuk menjaga satu hubungan yang wujud di antara mereka (Ting-Toomey, 2001; Inon Beydha 2007). Folger dan Poole, (2001) (dalam Rosli, (2001) memberi definisi konflik komunikasi sebagai interaksi manusia yang saling perlu memerlukan bagi mencapai matlamat, tetapi mempunyai tanggapan matlamat yang berbeza serta wujud gangguan yang tidak seimbang di antara mereka, di mana gangguan yang dimaksudkan ialah proses komunikasi yang tidak jelas dan sempurna. Pernyataan ini disokong lagi dengan kenyataan Ting-Toomey (2006, p. 65) dengan “Konflik apabila diurus dengan berkesan boleh menghasilkan suatu perubahan positif di dalam perhubungan. Ia membenarkan pasangan yang berkonflik menggunakan peluang dari konflik tersebut untuk menilai semula perhubungan. Konflik membuka pintu kepada individu untuk berbincang secara mendalam mengenai keperluan dan kehendak dalam perhubungan mereka. Namun dalam keadaan sebaliknya, kegagalan mengurus konflik dengan berkesan akan mempengaruhi fizikal, emosi dan kesihatan mental seseorang”.

Teori Pengurusan Air Muka (Face Negotiation Theory)

Ting-Toomey & Oetzel (2003) menjelaskan bahawa Strategi pengurusan konflik di kalangan individu yang berbeza budaya boleh dikenal pasti melalui Teori Pengurusan Air Muka (face negotiation theory), iaitu sebuah teori yang menerangkan bagaimana individu dari budaya yang berbeza mengurus konflik. Teori pengurusan air muka memberi tumpuan ke atas hubungan antara konflik dan komunikasi antara budaya, ia menyediakan satu pemahaman yang mendalam tentang strategi-strategi pengurusan konflik komunikasi yang dianggap sesuai atau tidak sesuai ke atas hubungan di kalangan individu yang berbeza budaya, dan berhubung kait dengan konsep konflik yang membina atau bersifat konstruktif, dengan andaian-andaian konflik yang berikut: (1) Individu dari pelbagai budaya selalu berunding tentang air muka atau ‘face’. (2) Kepentingan menjaga air muka di kalangan mereka dari budaya konteks tinggi adalah berbeza daripada kepentingan menjaga air muka dalam budaya konteks rendah. (3) Kepentingan air muka yang berbeza menyebabkan strategi mengurus konflik juga berbeza.

Budaya Individualisme-Kolektivisme

Satu lagi pembolehubah utama yang terkandung dalam teori pengurusan air muka ialah budaya Individualism-Kolektivism (I-K). Individualisme adalah satu pola sosial yang mengandungi perhubungan yang lemah dengan individu yang merasakan diri mereka bersendirian daripada kolektif dan mementingkan matlamat peribadi berbanding matlamat orang lain. Kolektivisme adalah satu pola sosial yang mengandungi perhubungan yang rapat dengan individu yang melihat orang lain sebagai sebahagian daripada diri mereka sendiri atau lebih kolektif (keluarga, rakan sekerja, bangsa, negara) dan sanggup untuk mementingkan matlamat-matlamat kolektif daripada matlamat peribadi (Triandis, 1995).

Strategi Pengurusan Konflik Komunikasi Antarabudaya

Pengurusan air muka adalah sebagai strategi pengurusan konflik komunikasi di kalangan individu boleh diamalkan untuk meningkatkan imej positif diri (self-face), untuk menyokong ataupun mencabar imej pihak lain (other-face), ataupun untuk menjaga imej kedua pihak yang saling berhubungan (mutual-face), dalam situasi-situasi konflik (Oetzel, Ting-Toomey 2000, Inon Beydha 2007). Menurut teori pengurusan air muka, sesiapa yang cenderung berbudaya konteks rendah cenderung melihat dirinya sendiri

sebagai orang yang lebih bebas atau tidak bergantung berbanding orang yang berbudaya konteks tinggi, sementara individu yang berbudaya konteks tinggi biasanya mempunyai stail yang melihat dirinya sebagai saling bergantung dengan yang lain, dan bersikap ambil berat kepada kedua-dua pihak, baik kepada diri sendiri mahupun kepada pihak lain (Ting-Toomey & Oetzel, 2003). Strategi pengurusan konflik komunikasi yang dirujuk mengikut teori pengurusan air muka dapat dilihat menerusi rajah 1 di bawah ini.

Model Pengurusan Konflik Komunikasi Antara Budaya


Strategi Bersepadu (*Collaborating*). Individu mengamalkan pengurusan konflik dengan mengimbangi hubungan interpersonal untuk memastikan kedua-dua pihak yang berkonflik mencapai matlamat, sebaik sahaja menyedari konflik timbul, individu tersebut akan menggunakan kesemua kaedah pengurusan konflik, yang pasti untuk menjaga air muka kedua-dua belah pihak yang berkonflik. Strategi ini merupakan kedudukan menang-menang (*win-win*).

Strategi Mengawal (*dominating*). Sikap yang mempunyai keinginan yang tinggi terhadap matlamat peribadi dan sikap mengambil berat yang rendah terhadap perhubungan. Strategi yang mengambil tindakan yang berpatutan demi untuk memastikan matlamat seseorang tercapai dalam hubungan interpersonal. Pendekatan yang diambil dapat digambarkan seperti menang-kalah (*win-lose*) di mana kemenangan anda disebabkan oleh pengaruh status dan kuasa. Ini merupakan satu strategi penggunaan kuasa di mana seseorang yang berkonflik akan menggunakan kuasa untuk sampai kepada matlamatnya. Strategi ini merupakan tahap darjah yang rendah dalam menjaga air muka pihak lain.

Strategi Bertolak Ansur (*Compromising*). Mempunyai kedudukan yang sama rata di antara perhubungan dan matlamat personel. Apabila menyedari bahawa kedudukan menang-menang (*win-win*) adalah tidak mustahil, tahap selanjutnya adalah mengambil tindakan berunding dalam usaha untuk mencapai matlamat anda. Tujuannya adalah untuk kejayaan dalam mencapai sedikit sahaja dari matlamat asal individu tersebut dan mengorbankan sedikit kepentingan adalah tidak mengapa bagi individu tersebut. Objektifnya adalah untuk mendapatkan matlamat asal dan pada masa yang sama mengekalkan hubungan interpersonal. Strategi jenis ini sering menggunakan pujukan dan manipulasi. Perundingan merupakan satu proses yang melibatkan dua atau lebih pihak untuk berbincang supaya mencapai kata sepakat (penyelesaian). Dalam perundingan ini akan wujud jalur komunikasi di mana tanggapan-tanggapan akan dicantumkan supaya menjadi satu keputusan yang diterima.

Strategi Penyesuaian atau Obligasi (*obliging*). Sikap ambil berat yang tinggi terhadap perhubungan dan sikap ambil berat yang rendah terhadap matlamat peribadi. Individu sentiasa memberi penekanan yang tinggi terhadap perhubungan interpersonal dalam semua keadaan, namun mengabaikan atau tiada langsung keprihatinan terhadap matlamat peribadi. Tindakan menyerah, memberi dan mengelak dilihat sebagai satu usaha untuk menjaga hubungan interpersonal. Ini merupakan kedudukan kalah-menang (*lose-win*) di mana anda akan dilihat sebagai menghindarkan konflik dengan membenarkan pihak yang satu lagi menang.

Strategi Mengelak (*avoiding*) Sikap ambil berat yang rendah terhadap kedua-duanya (diri sendiri mahupun pihak lain). Strategi ini melihat konflik sebagai sesuatu yang mesti dijaui dalam apa jua keadaan. Tema utama pendekatan ini ialah strategi yang berputus asa ataupun mengalah. Pendekatan ini akan membawa kepada tahap kekecewaan yang tinggi kepada pihak-pihak yang terlibat. Matlamat peribadi seseorang tidak akan tercapai dan begitu juga dengan perhubungan. Individu yang berkonflik akan sering menarik diri dari mengancam keadaan. Pendekatan yang boleh diambil ialah menarik diri dari situasi tersebut dan secara mudahnya disebut kalah atau gagal. Dalam kata lain, individu itu membenarkan pihak yang satu lagi menang.



Rajah 1 : Model Pengurusan Konflik Komunikasi Antara Budaya
(diadaptasi dari Face Negotiation Theory oleh Ting-Toomey, 1999)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik yang dibentuk melalui pengadaptasian kajian Stella Ting-Toomey (2003) bertajuk *Face Concern In Interpersonal Conflict: A Cross Cultural Empirical Test of The Face Negotiation Theory*. Dalam melaksanakan kajian ini, kaedah kuantitatif secara survei digunakan oleh penyelidik untuk dan mengenalpasti pola dan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah terhadap strategi pengurusan konflik komunikasi antara budaya. Secara umumnya, populasi kajian ini adalah terdiri daripada majikan warganegara Malaysia dan PRA Indonesia yang memasuki Malaysia secara sah sahaja dan bekerja di Sekitar Kuala Lumpur. Seramai 220 orang responden (110 majikan dan 110 PRA) terlibat dalam kajian ini. Sering kali penyelidikan sosial melibatkan suasana yang tidak mengupayakan penyelidik menggunakan cara-cara pensampelan kebarangkalian (penggunaan senarai nama responden), maka kajian ini menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian melalui gabungan teknik pensampelan mudah (*convinient sampling*) dan teknik persampelan rantaian rujukan. Menyedari hakikat bahawa tidak semua majikan di kawasan Lembah Klang menggaji pembantu rumah asing indonesia, dan juga tidak semua majikan atau pembantu rumah sudi mengisi borang soal selidik yang disediakan, maka teknik rantaian rujukan digunakan bagi mendapatkan persetujuan bakal responden berikutnya melalui responden sebelumnya.

Borang soal selidik tadbir sendiri telah mula diedarkan kepada responden pada Mac 2009-Mei 2009. Setiap soal selidik disertakan dengan surat penjelasan berhubung kajian yang dilakukan dan memberitahu bahawa kebenaran menjalankan kajian dan surat sokongan yang dikeluarkan oleh Presiden Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing (PAPA) di Malaysia. Seramai 10 orang enumerator (enam daripadanya mahasiswa warga Indonesia) telah diberi taklimat mengenai keperluan kajian dan proses pengumpulan data. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan komputer melalui perisian program SPSS Versi 17. Analisis statistik frekuensi dan deskriptif digunakan untuk menganalisis dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah dibuat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1a: Profil Responden

Profil Majikan	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	43	39.1
Perempuan	67	60.9
Kaum		
Melayu	101	91.8
Cina	3	2.7
India	5	4.5
Lain-lain	1	.9
Agama		
Islam	103	93.6
Buddha	3	2.7
Hindu	3	2.7
Kristian	1	.9
Status Perkahwinan		
Bujang	2	1.8
Berkahwin	99	90.0
Berceraai	5	4.6
Kematian Suami/Isteri	4	3.6
Tahap Pendidikan		
SPM/PMR	9	8.2
Diploma/Sijil	25	22.7
Ijazah Sarjana Muda	48	43.6
Ijazah Sarjana	23	20.9
Lain-lain	2	1.8
Status Pekerjaan		
Bekerja	97	88.2
Tidak Bekerja	13	11.8
Jumlah Pendapatan		
RM 3000 ke bawah	3	2.7
RM 3,000 – RM 10,000	90	81.8
RM 10,000 ke atas	17	15.5

Jadual 1a memaparkan taburan data profil responden yang terdiri daripada majikan dalam kajian ini. Seramai 110 responden mewakili beberapa kawasan penempatan terpilih

sekitar bandaraya Kuala Lumpur telah terlibat dalam kajian ini. Lebih daripada sebahagian majikan yang dikaji adalah perempuan (60.9 %). Manakala hampir keseluruhan (91.8 %)daripada 110 majikan merupakan bangsa melayu dan seramai 103 majikan (93.6 %) adalah beragama islam. Bagi status perkahwinan pula, sebanyak 90 % daripada keseluruhan responden (majikan) telah berkahwin. Seramai 48 orang majikan telah menamatkan pengajian di peringkat ijazah, dan hampir keseluruhan (88.2 %) majikan dalam kajian ini mempunyai pekerjaan dengan 90 % daripada mereka berpendapatan di antara RM 3000 hingga RM 10000.

Bagi mengetahui maklumat demografi berkaitan pembantu rumah asing Indonesia pula, Jadual 1b memaparkan taburan data profil PRA. Sebanyak 110 orang perempuan warga Indonesia telah dipilih sebagai responden kajian ini. Sejumlah 71 orang responden (64.5 %) adalah berasal daripada Jawa meliputi Jawa Barat, Jawa Timur dan Jawa Tengah. Hampir keseluruhan responden yang terlibat (94.6 %) beragama Islam. Seramai 44 orang (40.0 %) masih di dalam hubungan perkahwinan, manakala 22 orang (20.0 %) telah bercerai dan 7 orang responden telah kematian suami. Sebanyak 44.5 % daripada responden memperoleh pendidikan di tahap sekolah menengah dan sebanyak 43.6 % lagi hanya memperoleh pendidikan pada tahap sekolah dasar (sekolah rendah). Daripada keseluruhan responden ini, 54.5 % adalah pertama kali bekerja sebagai pembantu rumah dan baki 45.4 % pernah bekerja sebagai pembantu rumah dengan majikan yang berbeza.

Jadual 1b : Profil Responden

Profil PRA	Bilangan	Peratus
Jantina		
Perempuan	110	100
Etnik		
Jawa Barat	19	17.3
Jawa timur	27	24.5
Jawa tengah	25	22.7
Sumatera utara	17	15.5
Sumatera selatan	3	2.7
Madura	8	7.3
lain-lain	11	10.0
Agama		
Islam	104	94.6
Hindu	3	2.7
Kristian	3	2.7
Status Perkahwinan		
Bujang	36	32.7
Berkahwin	44	40.0
Berceraai	22	20.0
Kematian Suami	7	6.4
Tahap Pendidikan		
tidak Sekolah	7	6.4
Sekolah Dasar	48	43.6
Sekolah Menengah Pertama	36	32.7
Sekolah Menengah Atas	13	11.8
Sijil Kejuruan	2	1.8
Pondok/pesantren	4	3.6

Majikan		
Pertama	60	54.5
Kedua	37	33.6
Ketiga	10	9.1
Keempat	3	2.7

Jadual 2 membincangkan tentang tahap pembolehubah-pembolehubah dalam pola komunikasi iaitu komunikasi konteks tinggi, komunikasi konteks rendah, komunikasi sehalu dan komunikasi dua hala. Secara keseluruhannya, majoriti majikan (75.5%) dan PRA (80.9%) mempunyai tahap komunikasi konteks tinggi yang sederhana dengan nilai min 2.19 (s.p.= 0.46) dan min 2.10 (s.p. =0.427). Bagi pembolehubah komunikasi konteks rendah pula, majoriti majikan (67.3 %) dan PRA (68.2 %) mempunyai tahap komunikasi konteks rendah yang sederhana dengan nilai min 2.30 (s.p. =0.48) dan min 2.29 (s.p.=0.491). sementara itu, bagi pembolehubah komunikasi sehalu, lebih dari sebahagian majikan (56.4 %) dan PRA (50.9 %) mempunyai tahap komunikasi sehalu yang sederhana dengan nilai min 2.36 (s.p.=0.554) dan min 2.44 (s.p.=0.551). Bagi pembolehubah terakhir pula, komunikasi dua hala, majoriti majikan (68.2 %) dan PRA (64.5 %) mempunyai tahap komunikasi dua hala yang tinggi dengan nilai min 2.68 (s.p.=0.468) dan min 2.65 (s.p.=0.481). Bagi melihat keutamaan dalam pemilihan komunikasi berasaskan konteks sama ada tinggi atau rendah, dapatan kajian mendapati masing-masing majikan dan PRA lebih mengamalkan komunikasi konteks tinggi berbanding dengan komunikasi konteks rendah. Manakala bagi penentuan amalan komunikasi sehalu ataupun komunikasi dua hala di kalangan majikan dan PRA, dapatan kajian mendapati masing-masing majikan dan PRA lebih mengamalkan komunikasi dua hala dalam perhubungan mereka.

Jadual 2: Tahap Pola Komunikasi Responden (MAJIKAN & PRA Indonesia)

Pemboleh ubah Pola Komunikasi	Tahap	Majikan				PRA Indonesia			
		Bil	%	Min	S.P	Bil	%	Min	S.P
Komunikasi Konteks Tinggi	Rendah	3	2.7	2.19	.459	5	4.5	2.10	.427
	Sederhana Tinggi	83 24	75.5 21.8			89 16	80.9 14.5		
Komunikasi Konteks Rendah	Rendah	1	.9	2.30	.484	2	1.8	2.29	.491
